Bil. 9

Rabu
9 Mei 2012



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Halaman 20)
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 (Halaman 37)
Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012 (Halaman 49)
Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2012 (Halaman 54)
Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 (Halaman 61)
Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Halaman 70)
Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012 (Halaman 93)
Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012 (Halaman 95)
Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Halaman 96)

USUL-USUL:
Meminda Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M. 13(2) (Halaman 19)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 19)

Diterbitkan Oleh
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
17. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Kewangan II*
19. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
21. " Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
22. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menter*
24. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Senator*
   - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)

33. Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
34. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator - Timbalan Menteri Sumber Manusia*
36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
38. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
39. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
42. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
43. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
45. " Dato' Ng Fook Heng (Pahang)
46. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Senator - Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
50. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
51. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator - Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
52. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
53. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
55. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
56. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
57. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
58. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
59. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
60. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
61. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
62. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
63. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
64. " Dato' Hajah Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Saipul Rizal bin Wahid
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

PARLIMEN
MALAYSIA

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 9 Mei 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan Klinik 1Malaysia yang telah ditubuhkan sehingga kini. Apakah kawasan-kawasan fokus untuk penubuhan Klinik 1Malaysia serta pencapaiannya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini terdapat 100 Klinik 1Malaysia yang telah beroperasi di seluruh negara. Kawasan-kawasan tumpuan atau pun fokus, untuk penubuhan Klinik 1Malaysia adalah di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dari golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah serta sederhana.

Sambutan yang menggalakkan kepada perkhidmatan klinik 1Malaysia dapat dilihat kepada kedatangan ke Klinik 1Malaysia yang telah bertambah iaitu 1.32 juta pada tahun 2010 kepada 1.98 juta pada tahun 2011 dan mencecah 4 juta sehingga 8 April 2012. Bilangan Klinik 1Malaysia juga bertambah dari 53 buah pada tahun 2010 kepada 87 buah pada tahun 2011 dan sehingga kini iaitu setakat 17 April 2012, 100 Klinik 1Malaysia telah beroperasi di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu Yang Berhormat. Saya belum panggil lagi nama Yang Berhormat. Soalan tambahan, Puan S. Bagiam. Silakan Yang Berhormat.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Minta maaf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang menjawab. Soalan tambahan saya, kita sedar usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang penting seperti perkhidmatan kesihatan. Walau bagaimanapun, apakah kementerian sentiasa memantau akan tahap profesionalisme doktor serta jururawat yang berkhidmat di Klinik 1Malaysia sentiasa berada di tahap yang tinggi memandangkan ada pihak serta pesakit membuat aduan bahawa kehadiran doktor serta khidmat pelanggan tidak mempamerkan profesionalisme yang mantap.

Antara masalah yang sering diutarakan adalah seperti kehadiran doktor lambat dan tidak mengikut masa kerja, jururawat yang sentiasa sibuk, kekurangan kakitangan dan sebagainya. Apakah usaha kementerian agar hasrat kerajaan tidak dicalar akibat kelemahan sedemikian? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Klinik 1Malaysia ini telah mendapat sambutan yang baik serta popular di kalangan masyarakat bandar kerana kemampuan klinik berkenaan untuk menyediakan perkhidmatan rawatan yang ringan dan mudah diperolehi. Sebagai langkah penambahbaikan perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini Yang Berhormat, kementerian telah menempatkan pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia yang mempunyai kedatangan melebihi 100 pesakit sehari. Sehingga kini telah ada 11 Klinik 1Malaysia telah ditempatkan dengan pegawai perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penempatan pegawai perubatan, fungsi Klinik 1Malaysia ini telah bertambah daripada memberi rawatan penyakit ringan kepada rawatan yang lebih komprehensif seperti rawatan penyakit kronik dan sebagainya. Ubat-ubatan yang disediakan di Klinik 1Malaysia tersebut telah meningkat daripada 77 menjadi 440 seperti juga di klinik kesihatan yang lain.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, operasi dan kakitangan Klinik 1Malaysia ini akan dipantau oleh pegawai-pegawai perubatan dari klinik kesihatan yang berdekatan secara berkala Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, Klinik 1Malaysia dikendalikan oleh Penolong Pegawai Perubatan yang akan dibantu oleh seorang jururawat dan seorang pembantu perawatan kesihatan. Sekiranya ada aduan Yang Berhormat, yang berkaitan dengan profesionalisme dan juga perkhidmatan pegawai-pegawai yang bertugas di Klinik 1Malaysia kita, perkara ini bolehlah dikemukakan terus kepada pihak Kementerian Kesihatan atau pun di pejabat kesihatan daerah atau pun terus kepada jabatan kesihatan negeri yang berkenaan ya Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kementerian sentiasa berusaha untuk menambah perjawatan penolong pegawai perubatan di dalam usaha kita untuk memperkasakan lagi kualiti perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini. Beberapa siri perjumpaan serta mesyuarat telah dilaksanakan di peringkat kementerian dan juga bersama JPA untuk menambahkan lagi bilangan kakitangan perubatan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

■1010

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha yang baik yang telah mewujudkan Klinik 1Malaysia di negara kita. Saya rasa ini akan memberikan faedah yang baik kepada rakyat terutama sekali penyakit yang ringan-ringan, bukan kronik dan sebagainya.

Cuma saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri tentang keperluannya yang masih ada di luar bandar, bahawa di Kota Marudu contohnya satu daerah dan juga di daerah lain bahawa masih ada keperluan untuk kita membuat atau pun menyediakan klinik kesihatan di desa-desa yang jauh dari pekan. Jadi adakah konsep yang sama ini, 1Malaysia ini kita akan perkenalkan di desa-desa, di kampung-kampung yang jauh dari pekan? Ini kerana sekarang ini masih ada lagi penduduk yang atau rakyat yang berjalan kaki jauh dari kampungnya ke hospital daerah. Dengan adanya Klinik 1Malaysia atau konsep yang sama itu, maka akan memberi faedah kepada rakyat kita. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Memang benar Yang Berhormat, kita melihat kepada keperluan klinik kesihatan dan juga klinik desa masih perlu dilaksanakan terutama sekali di peringkat luar-luar bandar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak kementerian pada ketika ini sedang giat melaksanakan beberapa langkah-langkah termasuklah di peringkat kementerian telah membentangkan pelan transformasi untuk perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mendapat respons yang begitu baik Yang Berhormat ya.

Sudah tentu perkara ini memerlukan bukan sahaja perancangan, tetapi langkah-langkah yang selanjutnya bagi memastikan kawasan luar bandar ini tidak terpinggir daripada pembinaan klinik-klinik kesihatan atau pun perkhidmatan yang lain. Mana-mana kawasan yang tidak mempunyai klinik statik, kita menyediakan perkhidmatan klinik bergerak Yang Berhormat, terutama sekali di negeri Sabah. Kita mempunyai lebih kurang 13 pasukan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan klinik bergerak. Hujung tahun ini juga seperti yang telah diumumkan, di negeri Sabah akan diperkenalkan klinik bergerak 1Malaysia yang akan memberikan perkhidmatan di sekitar Sungai Kinabatangan. Itu antara perancangan pihak kementerian. Sebagai seorang Yang Berhormat yang berasal daripada Kota Marudu, saya juga ingin berkongsi dengan Yang Berhormat bahawa kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan satu Klinik 1Malaysia di Kota Marudu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat. Terima kasih.

2. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan supaya PDRM meningkatkan perkhidmatan dan menambahkan keyakinan rakyat terhadap PDRM sempena Hari Polis Ke-205.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan pelbagai usaha dari semasa ke semasa bagi meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan. Antara langkah-langkah yang diambil PDRM adalah seperti berikut:

(i) melaksanakan tindakan pencegahan jenayah secara bersepadu dengan melibatkan penyertaan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan;

(ii) mengenal pasti kawasan panas atau *hot spot* yang sering kali berlaku jenayah dan menambahkan anggota membuat rondaan. Kehadiran polis atau *police omnipresent* juga dipertingkatkan dengan bantuan anggota tambahan daripada RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM);

(iii) mengadakan operasi secara terus menerus sepanjang tahun seperti Ops Lejang yang menyasarkan pengguna motosikal di seluruh negara, Ops Rentap bagi menangani jenayah ragut atau samun tepi jalan dan Ops Utama Perdana bagi mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara;

(iv) menambah bilangan CCTV dan lampu jalan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah;

(v) meningkatkan kerjasama masyarakat dan NGO dalam membantu pihak polis membanteras jenayah melalui kempen kesedaran dan penyaluran maklumat;

(vi) memperkuatkan pasukan penyiasat dengan menambah bilangan pegawai penyiasat dan juga kelengkapan seperti komputer riba atau *laptop* dan kenderaan selain latihan dalam bidang penyiasatan dan undang-undang;

(vii) menambah bilangan balai polis, pondok polis di daerah yang pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Daerah tersebut akan dipecahkan kepada dua dan diletakkan di bawah pengawasan daerah polis yang berasingan;

(viii) membangunkan projek *Central Intelligence Unit* bagi tujuan mempunyai pangkalan data yang bersepadu; dan

(ix) membuat penambahbaikan terhadap sistem komunikasi PDRM bagi memastikan PDRM dapat memberikan respons *time* yang pantas kepada jenayah yang berlaku.

Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan yang cukup baik, lengkap dan terperinci. Daripada jawapan yang telah diberikan, pihak kementerian hanya menekankan insentif-insentif yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia bagi menjaga keselamatan negara. Soalan saya, apakah langkah-langkah dan perancangan Kementerian Dalam Negeri di dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat supaya turut sama-sama terlibat dalam menjaga dan memastikan tahap keselamatan negara yang lebih baik dan terbaik? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Saya amat bersetuju dengan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator. Sememangnya penglibatan masyarakat amat perlu dalam menangani isu dan permasalahan jenayah ini.

Bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat atau penglibatan masyarakat setempat dalam menjaga keselamatan negara ini, kementerian telah merangka dan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

(i) sistem Rakan Cop untuk orang awam melaporkan dan menyalurkan maklumat kes-kes jenayah yang berlaku terus kepada pusat kawalan kontinjen negeri masing-masing;

(ii) menggalakkan masyarakat untuk menyertai *Police Volunteer Reserve* (PVR) yang berkelayakan untuk bersama-sama membuat rondaan bersama pihak polis;

(iii) memperluaskan inisiatif Skim Rondaan Sukarela (SRS);

(iv) program *Community Policing* untuk meletakkan masyarakat dengan pihak PDRM seperti ceramah, dialog dan pameran;

(v) bagi memudahkan rakyat menghubungi PDRM, kemudahan *social network* atau *Facebook, Twiter* telah disediakan;

(vi) hari bertemu pelanggan telah dipergiatkan lagi di peringkat ibu pejabat polis negeri dan daerah bagi memudahkan masyarakat menghubungi PDRM untuk berinteraksi dengan mudah;

(vii) *high profile policing* telah dilaksanakan di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan turun ke padang bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat; dan

(viii) dengan adanya Akta Perlindungan Saksi yang baru digubal dan diluluskan lebih memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk tampil menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa untuk membanteras jenayah.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, PDRM juga amat mengalu-alukan semangat *voluntarism* di kalangan belia, penduduk kawasan perumahan, *civil societies, civil servant* dan *public sector* yang memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada PDRM dalam membanteras jenayah dan menjaga ketenteraman aman, sekian.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mengakui bahawa pasukan Polis Diraja merupakan pasukan penguat kuasa yang terpenting dan berada di barisan hadapan untuk menjaga ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Sebab itu ianya dibekalkan dengan senjata dan pasukan polis mestilah mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi, walaupun barangkali kes terpencil telah berlaku bahawa salah tembak, banyak kes yang berlaku termasuk di Perlis dan ada juga kes yang berlaku di mana pegawai polis tertembak dirinya sendiri dan yang lebih malang lagi berlaku di Istana Anak Bukit baru-baru ini rakan pengawal menembak rakan.

Ini menunjukkan kepada kita ada kelemahan-kelemahan tertentu yang harus diperbaiki dan jika tidak dipandang serius oleh pihak kerajaan akan berlaku kes-kes yang lebih mencabar lagi. Pertanyaan tambahan saya, apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan profesionalisme kepolisian ini pada tahap yang paling tinggi supaya kes-kes sebegini tidak berlaku lagi pada masa yang akan datang, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang mengemukakan soalan tambahan. Memang setiap anggota – pengambilan baru polis akan mengadakan kursus tertentu untuk diikuti dan selepas itu dari semasa ke semasa mereka pun telah dikemas kini apabila balik untuk dilantik sekali lagi dan setiap tugas ada SOP yang tertentu yang perlu dipatuhi oleh mereka. Jika mengikut semua latihan dan SOP yang diikuti, profesionalisme memang dapat diadakan dan salah guna kuasa atau salah tembak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat akan dapat dikurangkan, terima kasih.

3. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta Perdana Menteri menyatakan, cadangan bagi menjayakan pelan ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi memandangkan banyak profesion masih dalam lingkungan berpendapatan kurang daripada RM3,000.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi membolehkan ekonomi Malaysia berkembang sekurang-kurangnya 6 peratus setahun bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2020 ke arah mencapai tahap negara maju berpendapatan tinggi dengan jangkaan pendapatan per kapita antara USD15,000 hingga USD20,000 pada tahun 2020.

Di bawah Modal Ekonomi Baru, tumpuan adalah untuk beralih daripada ekonomi yang bersaing, berasaskan kos dan sumber asli kepada ekonomi yang dipacu produktiviti, inovasi dan berupaya memupuk, menarik serta mengekalkan modal insan berbakat syarikat dan modal. Bagi melakukan anjakan strategik ini, pertumbuhan ekonomi akan diterajui oleh sektor swasta dengan memodenkan peraturan perniagaan meliberalisasikan sektor perkhidmatan, menghapuskan herotan perniagaan, memperkenalkan undang-undang persaingan dan menambahbaikkan hubungan di antara kerajaan dengan perniagaan.

Selain daripada itu, pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh ekosistem, inovasi yang menyeluruh termasuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan inovasi. Bagi menyokong agenda ini pelbagai langkah telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan akan diteruskan dalam rancangan pembangunan seterusnya, antaranya termasuk pertama mengutamakan usaha untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah 40 peratus terendah *bottom* 40 peratus melalui perwujudan lebih banyak peluang untuk meningkatkan mobiliti ekonomi dan perlindungan sosial yang kukuh. Jikalau dahulu banyak bantuan sosial, sekarang fokus kepada mobiliti ekonomi.

Kerajaan menyasarkan purata pendapatan bulanan meningkat dua kali ganda daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015. Usaha ke arah ini termasuklah sokongan kepada usahawan yang akan memulakan perniagaan melalui penyediaan latihan, pembiayaan dan peralatan utama serta memperluaskan akses kepada program bantuan pendapatan kepada kumpulan yang layak.

Kedua, membangunkan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) dalam bahasa Inggeris SME, kerana Yang Berhormat SME merupakan tulang belakang ekonomi di seluruh dunia. Di Malaysia penjanaan ekonomi kita 82 peratus digerakkan oleh SME. Maka ianya akan digunakan sebagai jentera pertumbuhan inovasi dengan membina keupayaan pengetahuan dan kemahiran EKS. Kita berpendapat bahawa *small medium enterprises* kita masih ber*mode* lama. Dia belum modenkan diri mereka.

Ketiga, menggunakan rangka kerja pembangunan modal insan bersepadu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat di sepanjang hayat dengan cara merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pendidikan Vokasional mungkin akan diperkenalkan di peringkat Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 SKM. Kerajaan telah melancarkan beberapa program di bawah inisiatif Pembangunan Strategik (SRI), pembangunan modal insan seperti *National Talent Enhancement Programme* (NTEP), MyProCert dan lain-lain lagi. Dengan bertambahnya peluang mendapatkan kelulusan tertentu dan peluang pekerjaan, kerajaan yakin lebih banyak rakyat Malaysia boleh menikmati manfaat daripada Program Transformasi Ekonomi.

Kerajaan juga yakin bahawa lebih ramai pekerja akan mendapatkan gaji lebih RM3,000 sebulan pada masa yang akan datang. Ini kerana perwujudan pekerjaan baru tempoh 10 tahun akan datang adalah dalam kategori pekerjaan mahir yang pastinya akan menghasilkan pendapatan yang tinggi kepada pekerja. Sebagai contoh 61 peratus peluang pekerjaan baru di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) untuk tempoh 10 tahun yang akan datang adalah daripada kategori pekerja mahir.

Di samping itu, pelaksanaan Dasar Gaji Minimum oleh kerajaan baru-baru ini juga akan meningkatkan pendapatan sebahagian besar pekerja berpendapatan rendah. Peningkatan kadar gaji bagi kumpulan ini akan juga meningkatkan lagi kadar gaji bagi kumpulan pekerja yang lain apabila struktur gaji perlu berubah seiring dengan perubahan kadar gaji minimum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan kepada soalan saya. Bagi kita merealisasikan ekonomi berpendapatan tinggi sebagaimana yang kita bincangkan, negara tentu sekali memerlukan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi.

■1030

Soalan saya, berapa peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja yang ada sekarang ini yang mempunyai ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan. Kedua, bagaimana peratusan ini jika kita bandingkan dengan negara-negara yang telah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi seperti Korea Selatan dan Jepun? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka ini sekarang dan saya akan bagi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

4. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, berapakah jumlah bilangan hutan simpan di seluruh negara yang di antaranya berapakah jumlah hutan ini diguna pakai untuk penyelidikan serta promosi *Eco-Tourism* sambil memastikan aset ini dikekalkan selama-lamanya.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana begitu prihatin sekali berkaitan dengan perhutanan kekal kita di negara yang kita cintai ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia masih mengekalkan keluasan kawasan berhutan *area under forest cover* dengan izin, seluas 18.48 juta hektar atau 56.4 peratus daripada keluasan tanah negara. Ini adalah selaras komitmen Malaysia di Rio Summit 1992 untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan negara di bawah litupan hutan dan pokok atau *forest entirely cover.*

Tuan Yang di-Pertua, terdapat seluas 4.92 juta hektar kawasan hutan telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, seluas 38,297 hektar telah dikhaskan bagi tujuan penyelidikan di bawah hutan penyelidikan. Dalam hubungan ini, bagi tujuan eko-pelancongan atau *eco-tourism* sebanyak enam kawasan hutan taman negeri dengan keluasan 151,494 hektar dan 124 kawasan hutan lipur dengan keluasan 17,306 hektar yang terletak dalam hutan simpan kekal dan telah dikelaskan di bawah seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan) 1993.

Kawasan hutan taman negeri dan kawasan hutan lipur tersebut dikelaskan mengikut fungsi hutan masing-masing bagi memastikan ia menjadi aset negara yang kekal selama-lamanya. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan *Tourism* Malaysia dalam mempromosikan hutan taman negeri dan hutan lipur sebagai destinasi eko-pelancongan. Sekian.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan satu jawapan yang amat baik dan saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya dengan pelbagai inisiatif di dalam menjadikan hutan sebagai satu kelestarian kepada masa depan kita yang mana berdasarkan indeks prestasi alam sekitar telah meningkat ke tangga yang ke-25 berbanding daripada 132 negara dan yang pertama di ASEAN dan yang ketiga di peringkat Asia dan Asia Pasifik selepas Jepun dan New Zealand.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa alam sekitar yang tidak tercemar dan nyaman adalah satu tanggungjawab kita demi masa depan anak-anak kita, bak kata pepatah, "kita pinjam dunia anak-anak ini daripada anak-anak kita" dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk menyerahkannya kembali dengan keadaan seadanya kepada generasi muda yang akan datang. Soalan saya adalah apakah lokasi-lokasi yang diguna pakai untuk tujuan eko-pelancongan ini tidak sama sekali tercemar atau musnah sambil memastikan mekanisme pemantauan serta penguatkuasaannya dilaksanakan tanpa kompromi daripada segala aspek. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya setelah kita mewartakan kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti ,pertamanya untuk penyelidikan dan keduanya ialah untuk eko-pelancongan, maka kami berpendapat tidak ada ertinya jika sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah tertentu untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada berhubung kait dengan penjagaan kawasan-kawasan berkenaan. Ini bererti kita mempunyai beberapa orang pegawai, daripada kerajaan negeri pun kita juga mempunyai beberapa orang pegawai untuk memantau dan menjaga seadanya supaya kawasan itu dijaga dengan sebaik mungkin.

Keduanya, jika terdapat ada kelemahan kepada kerajaan negeri, maka kami juga mempunyai pegawai-pegawai yang kami namakan di bawah skim *The Flying Squad* untuk membantu mereka. Sesiapa juga yang didapati merosakkan alam sekitar yang kita minta supaya ia dijaga dan digunakan untuk tujuan tertentu, eko-pelancongan sebenarnya maka kita akan tetap mengambil tindakan undang-undang terhadap *culprit* itu. Sekian.

5. Puan Chew Lee Giok minta Menteri Pelancongan menyatakan, berapa ramai pelancong dari Asia Tengah dan ASEAN ke Malaysia bagi setiap tahun untuk sepuluh tahun kebelakangan ini. Berapakah anggaran perbelanjaan mereka semasa melancong di Malaysia?

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, bilangan ketibaan pelancong dari pasaran Asia Tengah pada tahun 2001 hingga tahun 2007 adalah amat kecil. Oleh itu, pasaran tersebut digolongkan dalam kategori lain-lain negara. Statistik khusus mengenai pasaran ini hanya dibuat mulai tahun 2008 hingga sekarang apabila bilangan ketibaan pelancong daripada pasaran Asia Tengah semakin bertambah. Untuk itu, statistik pelancong dari Asia Tengah daripada tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (orang / ribu)
2008	14,355
2009	14,648
2010	17,786
2011	29,640

Manakala bagi pelancong daripada Asia dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, jumlah ketibaan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (orang / juta)
2001	9.21
2002	9.88
2003	8.4
2004	12.50
2005	13.24
2006	13.86
2007	15.62
2008	16.64
2009	18.39
2010	18.94
2011	18.89

■1040

Anggaran perbelanjaan purata per kapita bagi pelancong Asia Tengah pada tahun 2010 ialah sebanyak RM3,280.80 seorang dan bagi pelancong ASEAN pula ialah sebanyak RM2,037.70 seorang. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau merujuk pada angka tadi menunjukkan bahawa peningkatan yang baik daripada segi kedatangan pelancong.

Maka saya hendak bertanya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pelancongan untuk menarik lebih ramai lagi, berlipat-ganda dan bagaimana membolehkan mereka berbelanja dengan banyak semasa melancong di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Chew. Itu soalan yang baik kerana apa yang perlu kita buat dalam Kementerian Pelancongan adalah pertamanya untuk melipatgandakan kehadiran pelancong-pelancong ke negara kita. Oleh itu kita sering dan kerap membuat promosi iaitu pergi ke negara tersebut dan membuat pemasaran apakah destinasi dan produk yang kita ada. Itu satu.

Kedua, *social media. Social media* melalui *blogging*, *Facebook, internet* dan sebagainya. Setakat ini, *social media* amat mengagumkan sampai hari kelmarin sahaja sudah 39 juta orang yang melayari *social media* kita. Oleh itu, ini adalah satu promosi yang baik juga dengan adanya internet supaya kalaulah orang dari luar negara ataupun di peringkat antarabangsa tahu apa yang kita ada, mereka akan pasti datang.

Selain daripada itu juga, kita memberikan pakej-pakej yang amat memuaskan kepada mereka dengan harga yang tidak begitu tinggi. Oleh itu, apabila pakej ini wujud maka mereka memikirkan bahawa ini adalah kebaikan untuk mereka datang pada masa yang mereka boleh pilih. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, berdasarkan pada pengamatan, kita melihat kebanyakan pelancong dari Asia Tengah ini, mereka akan berkunjung ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka sahaja. Jarang mereka pergi ke negeri-negeri Pantai Timur. Soalan saya, apakah perancangan pihak kementerian bagi memastikan pelancong-pelancong yang beragama Islam ini akan juga hadir ke negeri-negeri Pantai Timur? Ini kerana saya percaya akan lebih menambahkan lagi jumlah pelancong dari Asia Tengah ini ke dalam negara kita.

Kedua, tidakkah pihak Kementerian Pelancongan bercadang untuk menyediakan majalah pelancongan dalam versi bahasa Arab yang kandungannya sesuai untuk orang Islam? Ini kerana setakat ini kalau kita lihat kebanyakan majalah yang berbentuk libur ataupun *In Flight Magazine* yang kita lihat dalam kapal terbang, kebanyakannya memaparkan Malaysia sebagai negara yang begitu multietnik dan kadang-kadang pemaparan gambar depan dalam majalah-majalah ini langsung tidak sesuai untuk dilihat oleh pelancong-pelancong dari Asia Tengah ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz atas dua soalan tambahan. Pertamanya untuk menarik pelancong dari Asia Tenggara, sememangnya mereka ini datang ke negara kita disebabkan negara kita dianggap negara Muslim, satu. Apa yang mereka boleh dapat di sini, semuanya halal juga termasuk makanan.

Oleh itu, kita ada *Islamic Tourism Centre* ataupun Pusat Pelancongan Islam di bawah kementerian kita ataupun ITC. Pejabatnya adalah di *Mid Valley Megamall,* ada di situ. Selain daripada itu, ITC sering membuat persidangan dan seminar dan menjemput negara-negara Islam untuk menyertai seminar-seminar ini. Pada 20 hari bulan ataupun 21 hari bulan, ITC akan menganjurkan satu seminar di Johor Bahru dan saya akan merasmikan seminar itu nanti, yang berkaitan dengan *Islamic tourism* ini ataupun langkah-langkah untuk membawa lebih ramai lagi pelancong dari Asia Tenggara datang ke negara kita.

Soalan yang kedua, tentang majalah dalam bahasa Arab. Memang ada majalah dalam bahasa Arab tetapi ia tidak begitu luas disebarkan, tetapi ada disebarkan di Asia Tenggara. Majalah di dalam pesawat lebih-lebih lagi di dalam MAS, saya bersetuju dengan Yang Berhormat sebab majalah di dalam MAS ini, kalau kita betul-betul menilai dan melihat kandungannya yang sebenar, banyak lagi majalah ini mempromosi seolah-olah mempromosikan negara yang lain. Mengatakan *"Go to Hong Kong", "Go to New Zealand"* ataupun produk-produk di New Zealand ini lebih baik lagi. Jadi, kurang mempromosikan produk-produk di dalam negara kita. Saya telah pun menyebut perkara ini juga dengan pegawai-pegawai MAS, mengapa sebegini? Mengapa kurang maklumat tentang produk-produk pelancongan di negara kita sendiri?

Oleh itu, inilah yang saya sentiasa melihat dan saya mencadangkan kepada pihak penerbangan kita untuk menerbitkan lebih banyak lagi berita-berita ataupun promosi tentang negara kita sendiri. Ini kerana daripada penerbangan peringkat antarabangsa, mereka datang ke negara kita mahu tahu tentang negara kita, tetapi kalau majalah tidak mengandungi banyak maklumat tentang negara kita, destinasi pelancongan negara kita, maka nanti mereka tidak tahu. Kita mahu mereka tahu daripada permulaan iaitu daripada penerbangan hingga sampai mereka mendarat ke negara kita. Sekian, terima kasih.

6. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimanakah kementerian dan agensi berkaitan bersikap proaktif dalam menangani isu lambakan barangan keperluan harian yang diragui status halalnya yang hari ini banyak memenuhi pasaran tempatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawalan produk halal adalah di bawah Perintah Perihal Dagangan Takrif Halal 2011 dan Perintah Perihal Dagangan Penandaan dan Perakuan Halal 2011 yang diwujudkan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) KPDNKK. Pada masa ini kawalan hanya dibuat bagi produk-produk yang menggunakan logo atau tanda halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri serta badan pensijilan Islam luar negara yang diiktiraf serta sebarang tanda atau representasi yang menunjukkan produk ini halal.

Bagi produk yang tidak menggunakan sebarang tanda halal, tiada peruntukan undang-undang bagi mengawalnya. Walau bagaimanapun, bagi produk daging atau lain-lain produk yang berasaskan haiwan, kerana telah menetapkan dasar bahawa hanya produk yang telah disahkan halal sahaja yang boleh dibawa masuk ke Malaysia. Penguatkuasaan ini dibuat melalui pengeluaran permit import oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Soalan tambahan saya ialah pada pandangan saya dalam usaha memastikan masalah yang membelenggu masyarakat pada masa ini tidak berlarutan, saya berpendapat suatu undang-undang khusus berkaitan produk halal perlu diwujudkan segera.

■1050

Ini kerana garis panduan sedia ada tentang produk halal terutamanya yang disediakan JAKIM serta mewujudkan standard halal MS-2424 serta Akta Perihal Dagangan tidak memadai dalam usaha memastikan semua produk yang dijual kepada orang Islam ini mesti mendapat Sijil Halal. Maka masalah lambakan produk tidak halal di negara ini termasuk sikap pemborong dan peniaga yang cuba mengaut keuntungan serta sikap pengguna sendiri yang tidak prihatin dan mengambil berat akan isu kandungan sesuatu produk sebelum membelinya terus berlarutan. Mohon pandangan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu adalah satu pandangan yang baik tetapi Yang Berhormat Senator juga perlu maklum bahawa di negara Malaysia, memohon Sijil Halal ini bukanlah satu perkara yang wajib kepada semua pengeluar produk. Kita juga menggalakkan kepada pengguna sendiri untuk mempunyai satu kesedaran untuk memilih hanya produk yang telah mendapatkan pengiktirafan daripada JAKIM ataupun Majlis Agama Islam Negeri sahaja dipilih oleh pengguna-pengguna. Ini kerana seperti yang saya sebut tadi, berdasarkan pada APD 2011, *"Syarikat-syarikat tidak diwajibkan untuk memohon Sijil Halal dan tidak diwajibkan menggunakan logo halal pada produk".* Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rata-rata kita lihat rakyat keliru tentang produk-produk dan makanan halal di negara kita ini. Kalau kita ke luar negara, jelas sekali yang mana halal dan yang mana haram dan kita akan pilih kedai yang benar-benar halal. Akan tetapi di negara kita laporan surat khabar beberapa hari yang lepas menunjukkan ramai orang Islam yang tidak prihatin dengan halal haram dalam memilih tempat makan. Kadang-kadang dia main redah sahaja. Dia ingat siapa masak pun, asal kata orang Indonesia masak pun dia makan.

Jadi soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan menyediakan langkah menyedarkan rakyat tentang tanggungjawab penggunaan barangan halal dalam kalangan umat Islam dan menyedarkan peniaga bukan Islam agar bersikap lebih jujur dan menghormati satu sama lain dengan menzahirkan produk tidak halal supaya pengguna Islam tidak keliru dengan sesuatu produk dan makanan? Sejauh manakah Prosedur Pengilangan Islam atau *Islamic Manufacturing Procedure* (IMP) digalakkan kepada pengusaha-pengusaha Muslim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya Yang Berhormat Senator, mencari satu produk yang halal ataupun mendapatkan makanan yang halal ini adalah merupakan satu tanggungjawab agama kepada setiap orang Islam. Apa yang pihak JAKIM dapat buat ialah kepada syarikat-syarikat yang memohon Sijil Halal ini, kami akan memastikan dan kami akan membuat setiap dua tahun untuk pembaharuan lesen tersebut dan dipastikan bahawa ia berada dalam standard yang telah dikenal pasti untuk menjadi satu barangan yang halal. Saya tidak menafikan bahawa ada kekeliruan dalam kalangan rakyat yang kurang prihatin yang mana sebahagian daripada mereka mengambil mudah dengan hanya melihat pada kedai-kedai makan yang mempunyai ayat-ayat Al-Quran ataupun melihat kepada pekerja-pekerja Islam sahaja tanpa melihat pada logo yang dipamerkan.

Kita telah membuat kempen secara besar-besaran dari setiap negeri yang kita pergi, 'Kempen Kesedaran Halal' yang mana pengguna-pengguna digalakkan untuk tidak mengambil mudah yang saya sebutkan tadi, representasi yang menunjukkan produk ini halal. Maknanya satu kedai itu kalau dia letak misalnya ayat Al-Quran ataupun menggunakan istilah-istilah yang melambangkan Islam seperti hotel yang menggunakan istilah *"Bufet Ramadhan"* tetapi hotel tersebut tidak mendapat Sijil Halal. Perkataan "Ramadhan" itu sendiri adalah perkataan Islam yang boleh mengelirukan pengguna-pengguna bahawa ia adalah hotel yang telah pun mendapatkan sijil halal. Jadi, kesedaran ini memang kita buat ke setiap negeri.

Apa yang kita harapkan ialah daripada pengguna sendiri, haruslah mempunyai kesedaran dalaman untuk memilih kedai-kedai, syarikat-syarikat dan produk-produk yang telah disahkan oleh pihak JAKIM sendiri. Kekeliruan itu memang wujud seperti yang saya sebutkan tadi, yang mana representasi seperti pekerja yang memakai tudung ataupun menggantung ayat-ayat al-Quran juga kadang-kadang mengelirukan kepada pengguna sehingga merasakan kedai ini halal tanpa mengambil satu tindakan untuk menyemak terlebih dahulu. Untuk pengguna-pengguna kita juga memudahkan dengan adanya *website* daripada JAKIM iaitu e-Halal, memudahkan kepada mereka untuk merujuk dan melihat apakah hotel ataupun produk-produk yang boleh dikategorikan sebagai halal untuk memudahkan pengguna. Terima kasih.

7. Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, berapakah peruntukan kewangan untuk membantu orang-orang miskin melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak 2005 hingga kini dan berapa ramai yang menerima faedah daripada bantuan bulanan itu. Negeri manakah yang paling tinggi menerima peruntukan berkenaan dan berapa bilangan penerima faedah.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan iaitu melalui Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memastikan tiada rakyat yang layak tercicir daripada menerima bantuan kebajikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM4.432 bilion bagi menyalurkan bantuan kebajikan sepanjang tujuh tahun yang lalu iaitu sejak tahun 2005. Bilangan penerima bantuan pula telah meningkat daripada 161,229 orang pada tahun 2005 pada 473,928 orang pada tahun 2011. Bantuan ini penting bagi memastikan agar golongan miskin dan yang memerlukan dapat meneruskan kelangsungan hidup serta mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh mereka.

Berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2011, negeri yang paling ramai bilangan penerima bantuan JKM ialah Sabah iaitu seramai 77,208 orang melibatkan peruntukan sebanyak RM244.7 juta. Ini diikuti oleh negeri Johor dengan 45,766 orang penerima dan peruntukan sebanyak RM128.3 juta.

Ketiga ialah Sarawak dengan 45,445 orang penerima dengan peruntukan sebanyak RM116.6 juta.

Keempat ialah Kedah iaitu yang melibatkan 43,090 orang penerima dengan peruntukan sebanyak RM127.1 juta. Pecahan terperinci penerima bantuan mengikut negeri yang lain akan diberikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah sering terdengar ada kes penerima bantuan JKM ditamatkan? Kalau ada, nyatakan bilangan kes yang ditamatkan sehingga bulan Disember 2011 mengikut skim dan apakah sebab utamanya? Kedua, saya hendak minta, adakah kementerian akan menaikkan kadar atau elaun bantuan penerima memandangkan kos sara hidup semakin tinggi dan meningkat? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesuatu kes bantuan JKM akan ditamatkan sekiranya dalam proses kaji semula pegawai JKM didapati bahawa keadaan sosioekonomi seseorang penerima bantuan telah pun meningkat ataupun bertambah baik iaitu pendapatan bulanannya melepasi garis paras kemiskinan seperti mana yang ditetapkan dan tidak lagi memerlukan.

■1100

Jadi Tuan Yang di-Pertua, jumlah penerima bantuan kebajikan yang telah ditamatkan. Sehingga Disember 2011 kesemuanya adalah sebanyak 72,290 kes iaitu bagi bantuan kanak-kanak ialah 16,737 kes. Bagi bantuan orang tua 20,256 kes. Bagi elaun pekerja cacat ialah 5,439 kes. Bantuan am ialah 17,712 kes. Bantuan pesakit terlantar iaitu 6,685 kes dan bantuan tidak bekerja untuk warga cacat ialah 5,429 kes.

Antara tiga sebab utama kes ataupun kes bantuan JKM ini ditamatkan ialah yang pertama sekali ialah penerima bantuan tersebut didapati telah pun meninggal dunia. Kedua, ialah penerima bantuan telah pun berpindah dan kes itu tidak dapat dikesan. Ketiga, ialah telah melepasi kelayakan PGK iaitu Paras Garis Kemiskinan. Sekian, terima kasih.

Untuk soalan kedua, kerajaan memang prihatin tentang kenaikan kos hidup rakyat. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini kadar ataupun elaun bantuan JKM yang diberikan adalah dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Kadar ini sememangnya yang telah pun dinaikkan ataupun dikaji semula pada tahun 2009. Kita akan membuat demikian secara berkala mengikut keadaan semasa. Akan tetapi buat masa ini memang belum lagi ada cadangan begitu memandangkan implikasinya dari segi kos. Sekian, terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berdasarkan tiga premis. Pertama iaitu kerajaan kita telah menetapkan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan. Premis yang kedua ialah kita melihat tahun demi tahun rakyat Malaysia yang menerima, yang memerlukan perhatian kebajikan kian meningkat. Golongan orang tua yang sakit kronik meningkat. Kita lihat rakyat di bandar dan di luar bandar yang berpendapatan rendah masih juga jumlahnya besar.

Kita sedih sekali dalam masyarakat kita orang yang kurang upaya masih besar jumlahnya. Kita lihat baru-baru ini apabila BR1M dijalankan, golongan masyarakat yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 jumlahnya besar.

Premis yang ketiga ialah berhubung dengan kesemua ini, kerajaan telah menggunakan berbilion-bilion ringgit. Jadi berdasarkan tiga premis ini tadi saya rasa tiba masanya satu kementerian yang baru diwujudkan. Bukan satu kementerian yang ada sekarang yang melihat kepada wanita, keluarga dan masyarakat. Saya cadang Kementerian Pembangunan Kebajikan yang baru diwujudkan. Apa pendapat kementerian?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut ataupun soalan yang dikemukakan. Sebenarnya saya memang setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa sejak tahun kebelakangan ini kita dapati dari segi bilangan penerima bantuan, dari segi jumlah peruntukan bantuan JKM yang telah pun diagihkan telah semakin meningkat lebih-lebih lagi semenjak tahun 2009 iaitu bermulanya pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib yang memang begitu prihatin tentang kebajikan masyarakat khususnya mereka yang miskin dan kurang upaya.

Jadi bilangan penerima bantuan dan juga jumlah peruntukan yang semakin bertambah ini menunjukkan bahawa kerajaan telah pun melalui pegawai projek Cari dan juga inisiatif-inisiatif pegawai-pegawai yang telah pun berusaha mencari mereka, mengenal pasti mereka yang miskin yang selama ini tercicir di arus perdana negara ini agar mereka diberi bantuan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah kebajikan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat kita bukan hanya setakat memberikan bantuan secara bulanan kepada mereka yang dikenal pasti miskin ini. Malahan program 1Azam juga telah pun diperkenalkan di mana semua penerima bantuan JKM telah memberikan keutamaan agar mereka dapat mengusahakan iaitu mengusahakan satu industri atau perniagaan kecil untuk meningkatkan pendapatan keluarga mereka agar dapat membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Semua ini adalah dilakukan berasaskan konsep iaitu dengan izin, *productive welfare* di mana bantuan JKM itu adalah sekadar untuk membantu mereka yang miskin itu mengatasi masalah iaitu dalam kelangsungan hidup mereka, untuk *survival* hidup mereka. Akan tetapi pada masa yang sama apa yang lebih penting untuk kerajaan iaitu melalui JKM ialah kita juga ingin membantu mereka agar mereka dapat berdikari dan seterusnya bebas daripada kemiskinan.

Saya rasa dalam usaha ini saya sebenarnya semua warga JKM iaitu terutama sekali pegawai-pegawai JKM kita telah pun membuat secara yang terbaik untuk rakyat kita. Memang kita mendapat sokongan penuh daripada kerajaan. Ini jelas membuktikan sekali lagi iaitu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sekarang juga ialah Menteri baru Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat memang amat prihatin dalam memperjuangkan dan membela nasib mereka yang miskin dan kurang upaya ini. Sekian terima kasih.

8. **Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, tahap kesediaan kerajaan berdepan dengan krisis Euro yang dijangka membawa kesan teruk kepada ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Mulia atas soalan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan boleh memberi kesan kepada negara melalui impak pasaran kewangan dan aliran perdagangan.

Namun demikian kesan ini dijangka tidak akan memberi impak yang terlalu ketara ke atas negara kita memandangkan struktur perdagangan luar negara kita yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh sumber pertumbuhan ekonomi domestik, kekuatan daya tahan dalaman dan asas-asas pertumbuhan ekonomi serantau yang masih kukuh.

■1110

Sehubungan itu, Bajet 2012 telah mengambil kira perkembangan luar ini dalam menggariskan strategi untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang. Di samping itu perancangan kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh terutamanya melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan serta program-program lain termasuk Program Transformasi Luar Bandar dan Program Transformasi Digital dijangka akan turut mencergaskan aktiviti ekonomi dalam negara.

Seperti mana Ahli-ahli Berhormat sedia maklum prestasi ekonomi negara terus berkembang sejak pulih daripada krisis kewangan global pada tahun 2009. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatat pertumbuhan 5.1 peratus pada tahun 2011. Disokong terutamanya oleh penggunaan domestik. Perbelanjaan penggunaan domestik mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.9 peratus pada tahun 2011 berikutan peningkatan pendapatan hasil daripada harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang lebih stabil.

Penunjuk-penunjuk ekonomi terkini juga menunjukkan ekonomi negara masih berada dalam landasan yang stabil dan dijangka berterusan pada tempoh separuh kedua tahun ini.

Untuk tempoh Januari, Februari 2012, eksport kekal mencatat pertumbuhan sebanyak 7.1 peratus. Manakala import 10.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2011.

Indeks pengeluaran industri pula berkembang pada 3.8 peratus. Di samping itu harga minyak sawit pada 25 April 2012 kekal teguh pada RM3,450 setan metrik. Manakala getah RM10.88 sekilogram. Indeks Bursa Kuala Lumpur pula mencatat pada paras yang lebih tinggi iaitu 1,579 mata pada tarikh yang sama berbanding 1,530 mata pada akhir Disember 2011.

Sementara itu keyakinan pelabur terus meningkat disokong oleh peningkatan pelaburan asing sebanyak 12.3 peratus kepada RM33 bilion dalam tahun 2011 di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia. Import barangan modal telah mencatat pertambahan yang tinggi sebanyak 32.9 peratus pada tempoh Januari, Februari 2012 berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Kegiatan pelaburan swasta dijangka akan terus cergas dirangsang oleh peluang perniagaan daripada pelaksanaan projek ETP dan GTP serta pelaksanaan beberapa inisiatif utama kerajaan dalam menarik pelaburan. Usaha-usaha untuk menarik pelaburan ini akan meningkatkan potensi pertubuhan ekonomi negara dan mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar. Selain itu prestasi ekonomi rantau Asia dijangka kekal kukuh. Perkembangan ini menyokong pertumbuhan perdagangan intra serantau seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan Amerika Syarikat dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dalam memastikan kegiatan ekonomi negara terus cergas, kerajaan juga amat prihatin dan komited untuk meringankan beban hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas dalam menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar ini. Dalam hal ini kerajaan telah melaksanakan pelbagai program termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia, bantuan persekolahan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dan pemberian *voucher* buku kepada semua pelajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS. Subsidi ke atas barang-barang makanan asas serta minyak dan gas terus diberikan.

Baru-baru ini kerajaan juga telah melancarkan *Rural Transformation Centre* (RTC) di Gopeng dan Kota Bharu yang akan meningkatkan pendapatan masyarakat desa. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan semakan terkini yang dibuat pada bulan April 2012 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang pada 3.5 peratus pada tahun 2012. Lebih tinggi berbanding unjuran pada bulan Januari sebanyak 3.3 peratus.

Begitu juga dengan perdagangan dunia yang dijangka meningkat 4 peratus berbanding unjuran pada bulan Januari sebanyak 3.8 peratus. Dengan mengambil kira perkembangan terbaru ini kerajaan amat yakin ekonomi negara dijangka akan dapat berkembang pada kadar 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun ini. Meskipun berhadapan dengan persekitaran dunia yang sememangnya terus mencabar dan tidak menentu. Terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, dalam bidang ataupun sektor apakah pada fikiran Menteri mungkin kesan terburuk sekali daripada krisis Euro ini?

Datuk Dr. Awang Adek Huss **in:** Yang Berhormat, pertamanya kita seperti mana yang saya jelaskan pada jawapan awal bahawa kesan ke atas kita tidaklah dijangka begitu ketara. Kesan utamanya kalau dikira apakah sektor utama, sudah tentu sektor-sektor yang merupakan sektor eksport kita ke Eropah ya.

Apakah yang merupakan import-import utama Eropah daripada Malaysia? Maka, di antaranya ialah dari segi sektor *furniture* dan sebagainya. Sektor elektronik ya? Akan tetapi oleh kerana kesan import daripada Eropah ini hanya merupakan lebih kurang 10 peratus sahaja daripada jumlah eksport Malaysia ke seluruh dunia, maka kalau pun ada kesan, saya kira kesannya tidaklah begitu ketara kerana import Eropah daripada Malaysia hanyalah merupakan 10 peratus sahaja. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Krisis Euro, krisis sedunia. Awal-awal mesti bersedia. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi bahawa kesannya tidak begitu ketara tetapi kita memang tidak boleh dikecualikan.

Jadi, apakah nasihat kerajaan kepada warganegara kita untuk bersama-sama berganding bahu menghadapi krisis Euro itu? Apa tindakan yang boleh diambil oleh warganegara untuk membantu kerajaan?

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita tidak nafikan apa yang berlaku di dunia ini akan sampai ke dalam negara kita kerana negara kita negara terbuka terutama sekali dalam bidang ekonomi. Tentang apa nasihat yang boleh kita berikan kepada rakyat Malaysia, pertamanya ialah usaha kerajaan untuk mempelbagaikan sama ada terutama eksport kita. Eksport kita, kita pelbagaikan. Jangan tumpu satu-satu pasaran. Itu yang utama.

Keduanya adalah dalam keadaan ekonomi hari ini kita perlu menjana pertumbuhan ataupun sumber-sumber pertumbuhan dalaman. Bermakna pelaburan, baik pelaburan dari luar ataupun pelaburan domestik mesti diperkukuhkan. Kalau kita lihat bahawa sumber pertumbuhan ekonomi mungkin menjadi perlahan daripada sektor eksport, maka sektor dalaman kita mesti kita memperkuatkan.

Jadi, sebab itu maka usaha negara untuk memastikan rakyat Malaysia bersatu padu supaya teguh, supaya kita tidak kelihatan berpecah-belah. Supaya kita tidak memberi imej kepada negara luar bahawa negara kita ini sedang berada dalam keadaan yang tidak stabil. Maka, ini cukup penting sekali. Kalau kita sayangkan negara kita, kita mahu melihat ekonomi negara kita berkembang pesat, maka segala apa usaha yang boleh menjejaskan imej negara kita ini adalah satu pengkhianatan kepada negara kita. Jadi, itu satu ketegasan yang perlu dibuat kalau kita betul-betul mahu melihat bahawa ekonomi kita terus berkembang.

■1120

Walaupun apa yang berlaku di dunia luar sana, kekuatan dalaman kita perlu kita perkukuhkan dan usaha-usaha untuk memecahbelahkan kita ini adalah usaha-usaha seolah-olah ingin *undermine,* dengan izin kekuatan negara kita. Terima kasih.

9. Tuan Chiew Lian Keng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan meneruskan projek Lebuh Raya SUKE yang melintasi kawasan Taman Len Seng, Bukit Mandarina, Taman Cheras Baru dan sekitarnya walaupun terdapat bantahan daripada penduduk-penduduk tempatan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan mengenai projek lebuh raya Sungai Besi-Ulu Klang. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan lebuh raya Sungai Besi Ulu Klang secara penswastaan telah dipersetujui secara prinsip oleh kerajaan. Kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak kerajaan. Memandangkan rundingan belum dimuktamadkan dan perjanjian konsesi belum ditandatangani adalah terlalu awal *premature* bagi pihak kerajaan untuk memberi maklum balas berhubung dengan soalan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chiew Lian Keng: Tuan Yang di-Pertua, di mana perundingan belum diselesaikan akan tetapi pihak pemaju menunjukkan pelan-pelan kepada penduduk di mana pelan tersebut adalah lama punya bukan terbaru di mana ia mengelirukan pihak-pihak kerajaan di mana tempat tersebut tiada kawasan perumahan. Inilah masalah pemaju atau konsesi memberikan keterangan keliru kepada kerajaan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada 18 Mac 2011 cadangan pelaksanaan projek telah pun diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada Mac 2011. Pada 18 Mac 2011, maka kajian lanjut dan juga rundingan dibahagikan kepada tiga. Pertama teknikal, kedua kewangan dan yang ketiga adalah syarat-syarat perjanjian konsesi yang selalu menjadi kontroversi. Kemudian pada 1 Disember 2011 iaitu lima bulan yang lalu, jajaran dipersetujui secara prinsip oleh Majlis Tindakan Ekonomi Selangor. Saya ulangi Majlis Tindakan ekonomi Selangor yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor bukan Kerajaan Barisan Nasional, okey? Kalau ada pihak yang memutarbelitkan ini adalah kerana pilihan raya yang menjelang tiba. Maka jagalah Yang Berhormat kerana ada pihak-pihak yang suka *spin.* Segala yang baik kita hendak buat akan di*spin*. Kenapa kita perlukan lebuh raya ini? Senang sahaja bagi saya.

You tengok keadaan MRR2 sekarang, *jammed* habis, daripada Pandan ke Jalan Ampang memang kereta begitu teruk sekali. Maka sudah ada tuntutan alternatif untuk meredakan trafik yang semakin tertepu. Dalam keadaan ini projek ini telah disetujui dan diberi kepada kerajaan negeri Selangor untuk dipersetujui kerana kerajaan negeri yang luluskan pelan struktur. Maka pada 8 hingga 22 Februari 2012 ini, pelan ini dipamerkan untuk awam kerana ada prasyarat KPKT di mana sekiranya ada berlaku perubahan pelan struktur terpaksa dipamerkan untuk tatapan dan komen publik awam. Maka diadakan di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang dan *Carrefour* Ampang.

Selepas itu pada 18 Februari 2012 taklimat awam di Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah dilakukan dan pada 27 Mac ini taklimat awam di Pusat Latihan DBKL di Bandar Tasik Permaisuri. Maka kalau ada pemaju-pemaju datang tunjuk pelan kacau semua ini, tolong maklumkan kepada pihak-pihak tertentu bahawa ini tindakan yang tidak kena. Apabila mereka buat pameran mesti ada pelan, mesti ada pelan di sana. *So*, kalau ada pihak-pihak yang buat tohmahan bagi baliklah. Oleh kerana bila kita diam maka kita jadi defensif, sekarang sudah tiba kita ofensif. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. **Datuk Chiw Tiang Chai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah kementerian melihat negara Myanmar sebagai rakan kongsi baru di peringkat ASEAN hasil dari perubahan dasar negara tersebut serta laporan pelabur luar berminat meneroka peluang pelaburan disebabkan kelebihan dari segi faktor buruh, logistik dan hasil bumi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chiw Tiang Chai atas soalan yang dikemukakan kepada kementerian ini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang hampir sama yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah yang perlu dijawab pada hari ini juga iaitu soalan nombor 58.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Pada 30 Mac 2011, Myanmar telah membentuk kerajaan baru yang diketuai oleh Presiden U Thein Sein yang telah mula mengamalkan dasar politik dan ekonomi yang lebih terbuka. Langkah-langkah pro-demokrasi dan liberalisasi ekonomi yang diambil oleh kerajaan Myanmar mendapat sambutan baik daripada negara-negara maju, masyarakat antarabangsa dan ASEAN.

Kesatuan Eropah juga telah baru-baru ini mengumumkan untuk menggantung sekatan ataupun *sanction* dengan izin yang telah lama di kekal ke atas Myanmar. Malaysia juga mengalu-alukan perubahan yang berlaku di Myanmar. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kini sedang mempergiatkan usaha untuk mempertingkatkan hubungan dua hala serta meninjau peluang-peluang pelaburan di Myanmar. Untuk makluman pada tahun 2011, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Myanmar adalah RM2.42 bilion berbanding RM1.92 bilion pada tahun 2010.

Jumlah eksport dari Malaysia ke Myanmar juga meningkat pada tahun 2011 iaitu sebanyak RM1.7 bilion berbanding dengan RM1.18 bilion pada tahun 2010 manakala jumlah eksport dari Myanmar ke Malaysia adalah sebanyak RM0.71 bilion dan RM0.3 bilion pada tahun 2011 dan 2010. Dari segi pelaburan, Malaysia merupakan negara pelabur ke tujuh terbesar di Myanmar. Jumlah pelaburan Malaysia di Myanmar sehingga tahun 2011 adalah sebanyak USD977.6 juta ataupun lebih kurang RM3 bilion yang merangkumi pelaburan dalam pelbagai bidang seperti pembinaan, hotel, petroleum, gas dan perkilangan.

Untuk meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan Myanmar, kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan Malaysia untuk meneroka pasaran baru. Antara langkah-langkah tersebut adalah

(i) mempertingkatkan misi galakan perdagangan dan pelaburan ke Myanmar;

(ii) penyertaan dalam pameran perdagangan di Myanmar serta mengadakan pameran khas *specialized exhibition,* dengan izin, Malaysia di Myanmar; dan

(iii) menggalakkan syarikat-syarikat Myanmar untuk melawat Malaysia dan menyertai pameran-pameran yang dianjurkan oleh sektor swasta dan agensi-agensi Kerajaan Malaysia.

Untuk makluman, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengetuai delegasi Malaysia yang terdiri dari wakil-wakil sektor korporat ke Myanmar pada 28 hingga 29 Mac 2012. Seramai 40 peserta dari 24 syarikat telah menyertai lawatan tersebut. Sebelum lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah mengetuai delegasi misi perdagangan dan pelaburan ke Myanmar pada 23 hingga 24 Februari 2012.

■1130

Antara program-program yang diadakan sewaktu lawatan tersebut adalah mengadakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di Myanmar serta syarikat-syarikat terkemuka di Myanmar, mengadakan seminar mengenai potensi Malaysia sebagai rakan dagang dan pelaburan kepada Myanmar. Seminar ini telah dihadiri oleh 350 orang peserta yang telah dihadiri oleh ahli-ahli perniagaan terkemuka di Myanmar yang telah menyatakan minat untuk meneroka peluang-peluang perniagaan di Malaysia.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Delegasi turut mengadakan sesi pemadanan perniagaan individu di antara syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat *Myanmar* dan memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Malaysia mengenai peluang-peluang pelaburan di Myanmar. Semasa lawatan tersebut, beberapa memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat swasta Malaysia dan Myanmar dalam bidang seperti petroleum dan gas, rundingan kewangan, maritim, telekomunikasi, pembinaan dan pembalakan.

Untuk makluman, hasil daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, satu delegasi seramai 30 orang wakil kerajaan dan sektor swasta yang diketuai oleh Menteri Pembinaan Myanmar sedang melawat Malaysia dari 4 hingga 8 Mei 2012 ini. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah untuk mempelajari pengalaman dari Malaysia dalam sektor perumahan dan perancangan bandar.

Semasa di Malaysia, mereka juga telah mengadakan perbincangan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta ahli-ahli sektor swasta dalam bidang pembinaan.

Selain daripada kedua-dua lawatan ini, MATRADE juga telah merancang beberapa program untuk dilaksanakan pada tahun ini seperti berikut:

(i) *showcase* Malaysia di Yangon, *Myanmar* 17 hingga 20 Julai 2012; dan

(ii) misi khas pemasaran logistik ataupun *specialized marketing mission for logistic to Yangon Myanmar* dari 13 hingga 16 Disember 2012.

MATRADE juga berusaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat Myanmar untuk menyertai - baru-baru ini tadi MATRADE telah mengadakan *Malaysia International Halal Industry Showcase* dari 4 hingga 7 April 2012 di mana *Myanmar* juga telah dijemput hadir bersama. *International Trade - Intrade Malaysia* dari 27 hingga 29 November 2012 ini. MATRADE akan membuka sebuah pejabat di Myanmar selewat-lewatnya pada hujung tahun 2012 untuk membantu dan memudahkan syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaburan di Myanmar.

Di peringkat sektor swasta organisasi seperti *The Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry of Malaysia* (ACCM), *Federation of Malaysian Manufactures* (FMM) dan *Malaysia South-South Association* (MASSA) juga giat mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta di Myanmar untuk mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi perdagangan di antara kedua-dua negara.

Kementerian akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi dalam mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan Myanmar. Inisiatif di antara kedua-dua negara ini juga akan dapat saling memanfaatkan kelebihan ekonomi masing-masing dalam mengukuhkan integrasi ekonomi serantau. Sekian, terima kasih.

11. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Perdana Menteri menyatakan, had keberhutangan yang membolehkan seseorang itu muflis adalah RM30,000. Pada masa ini, amaun RM30,000 adalah amat kecil sekali dan ramai golongan berpendapatan rendah terperangkap dalam keberhutangan ini yang menyebabkan mereka hilang banyak peluang. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan had keberhutangan ini ke satu amaun yang munasabah.

■1133

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader bertarikh 9 Mei tahun ini sekali gus dengan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut kerana membangkitkan isu yang sama iaitu kebankrapan. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong bertarikh 10 Mei 2012, soalan nombor 19 dan Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader juga yang bertarikh 10 Mei 2012 soalan nombor 57.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia ataupun dikenali sebagai *Malaysian Department of Insolvency* (MDI) sedang dalam usaha untuk memperbaharui perundangan insolvensi sedia ada. Antara pindaan yang dicadangkan dalam perundangan *insolvensi* yang baru ialah cadangan untuk menaikkan had minimum ataupun *threshold* jumlah hutang yang gagal dibayar untuk membolehkan petisyen kebankrapan dibuat daripada RM30,000 kepada RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia bagi tempoh lima tahun iaitu 2007 hingga Mac 2012, jabatan ini telah mentadbir sebanyak 85,175 kes kebankrapan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,374 iaitu 23.9 peratus terdiri daripada sektor swasta manakala 10,203 kes daripada peniaga, 7,134 kes dari pekerja sendiri, 2,482 daripada golongan profesional, 2,345 daripada sektor awam, 2,300 tidak bekerja, 535 kes dari pesara kerajaan, 128 daripada sektor hiburan, 139 daripada pelajar, 36 daripada ahli sukan dan yang tiada maklumat atau lain-lain pekerjaan sebanyak 39,499 kes iaitu merangkumi 46.4 peratus.

Punca atau sebab-sebab kebankrapan dinyatakan seperti yang berikut:

(i) sewa beli kenderaan iaitu 21,796 kes,

(ii) pinjaman peribadi 12,547 kes,

(iii) pinjaman perumahan 12,098 kes,

(iv) pinjaman perniagaan 9,865 kes,

(v) pinjaman korporat 4,076 kes,

(vi) pinjaman sosial 4,507 kes,

(vii) hutang kad kredit ialah 3,523 kes

(viii) hutang cukai pendapatan ialah 775 kes dan

(ix) biasiswa ataupun pinjaman pelajaran ialah 161 kes.

(x) keberhutangan yang lain ialah 15,827 kes.

Tuan Yang di-Pertua, caj yang dikenakan 12 peratus ke atas pembayaran balik hutang oleh si bankrap dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan dalam Jadual 'C', *Bankruptcy Fees Rules 1969*. Caj ini bertujuan untuk menampung kos pentadbiran kebankrapan individu, bankrap sewaktu tindakan penghasilan aset ataupun *realisation* dan pengagihan hutang dengan izin, *distribution* kepada pemiutang dilaksanakan. Struktur Fi yang ditetapkan akan bergantung kepada jumlah penghasilan aset dan juga jumlah pengagihan yang dijelaskan seperti berikut, iaitu menurut Susunan 'C', Kaedah-Kaedah Kebankrapan Fi 1969 bagi aset yang dihasilkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

Peraturan Fi yang dikenakan terhadap aset yang dihasilkan tersebut berdasarkan kepada skala seperti berikut iaitu bagi RM50,000 pertama atau sebahagian daripada 7 peratus fi akan dikenakan ke atas aset yang dihasilkan tersebut. Bagi RM50,000 berikutnya atau sebahagian daripadanya 6 peratus fi akan dikenakan ke atas aset yang dihasilkan tersebut. Bagi RM100,000 ke atas, 5 peratus fi akan dikenakan ke atas aset yang dihasilkan tersebut.

■1140

Manakala bagi jumlah yang diagihkan daripada pemiutang sebagai dividen oleh Ketua Pengarah Insolvensi, peratusan *fee* yang dikenakan terhadap dividen tersebut berdasarkan kepada skala seperti berikut:

(i) bagi RM50,000 pertama atau bahagian daripadanya, 5 peratus *fee* akan dikenakan ke atas dividen tersebut,

(ii) bagi RM50,000 berikutnya atau sebahagian daripadanya, 4 peratus *fee* akan dikenakan ke atas dividen tersebut; dan

(iii) bagi RM100,000 ke atas, 3 peratus *fee* akan dikenakan ke atas dividen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, *charge* tersebut tidak membebankan kerana;

(i) skala *fee* yang ditetapkan dalam Jadual 'C', *Bankruptcy Fees Rules 1969* tidak pernah dipinda semenjak tahun 1969 iaitu selama 43 tahun dan kadar atau pun skala ini masih berkadar rendah jika dibandingkan dengan kaedah kos pentadbiran yang ditanggung pada masa kini; dan

(ii) segala *fee* yang ditetapkan di negara kita ini jauh lebih rendah berbanding dengan negara lain seperti *United States of America, United Kingdom*, Singapura, New Zealand dan juga Australia di mana kes kebankrapan di negara tersebut dikendalikan oleh *private trustee*. Atas alasan tersebut, konsep *private trustee* tidak diperkenalkan di Malaysia memandangkan cara ini boleh melibatkan penggunaan kadar yang jauh lebih tinggi daripada perundangan yang sedia ada.

Di samping itu undang-undang sedia ada telah memperuntukkan langkah-langkah untuk meringankan beban yang ditanggung oleh golongan bankrap. Ini kerana apabila individu diisytiharkan bankrap, semua hutang pemiutang iaitu *creditors,* dengan izin, akan dibayar mengikut keutamaan dan secara prinsip pro data. Tiada sebarang faedah ataupun *interest* yang boleh dikenakan atau diteruskan oleh pihak pemiutang selepas individu tersebut dibankrapkan dan segala pentadbiran harta dan urusan hutang bankrap akan dikendalikan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi menjaga dan mengimbangi kepentingan pemiutang dan penghutang.

Sekiranya *fee* dikenakan dianggap keterlaluan, orang yang bankrap boleh membuat rayuan kepada Menteri Kewangan yang mempunyai kuasa untuk mengurangkan keterlaluan itu melalui Ketua Pengarah Insolvensi. Akhir sekali, usaha untuk memperbaharui Undang-undang Insolvensi sedia ada juga sedang dilaksanakan secara berterusan dan antara pembaharuan yang akan dicadangkan melibatkan pengenalan kaedah alternatif yang membolehkan individu berhutang membuat penyelarasan semula hutang tanpa dibankrapkan lebih awal. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang akan ada usul yang hendak dibentangkan. Saya persilakan pihak salah seorang Menteri.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.13(2)

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), saya mohon mencadangkan bahawa Dewan pada hari ini memutuskan supaya Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 yang dijadualkan sebagai nombor 6 seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diturunkan ke nombor 14 dan rang undang-undang yang selepas itu dinaikkan nombornya mengikut turutan."

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 10 Mei 2012".

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kerana masa tidak mengizinkan, selesailah sudah kepada semua pertanyaan lisan dan sekarang kita sambung semula pada peraturan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" ***[8 Mei 2012]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang menyambung perbahasan semalam kerana Datuk Rahman Bakar sudah selesai. Mengikut *list* yang ada di sini hanya dua orang sahaja lagi Yang Berhormat akan bercakap iaitu Yang Berhormat Hajah Mariany dan juga Yang Berhormat Hajah Dayang Madinah, kerana jumlahnya sudah 16 orang berucap semalam. Saya fikir setakat itulah sahaja yang kita benarkan pada hari ini. Sekarang dipersilakan. Ya, silakan Yang Berhormat.

11.46 pg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat, kalau semalam sudah banyak bercakap, kalau sekiranya tajuk-tajuk topik itu sudah disentuh, Yang Berhormat hanya sentuh mana topik-topik yang belum disentuh sahaja untuk menjimatkan masa. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia kerana memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan menggantikan dengan penggubalan Rang Udang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 bagi menambah baik urusan pengurusan keselamatan negara dan ancaman pengganas dan sabotaj ketenteraman negara dan kerajaan demokrasi berparlimen. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilakukan di bawah program PTP iaitu Political Transformation Program. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seperti Tuan Yang di-Pertua katakan, saya tidak akan mengulangi apa yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tetapi mungkin ada tambahan. Saya ingin sedikit penilaian iaitu tentang rang undang-undang yang dibentangkan hari ini ialah ia masih berbentuk preventif seperti yang digariskan di bawah *preamble,* empat perkara.

Rang undang-undang ini memberikan pengertian bahawa pihak berkuasa boleh menahan sesiapa sahaja sebelum kejadian sebenarnya terjadi di mana kematian dan kerugian harta boleh berlaku. Ini dapat dibuktikan dari peristiwa pengeboman hotel di Mumbai, India di mana India ketika itu tidak mempunyai peruntukan undang-undang mencegah dan pihak berkuasa walaupun mengetahui rancangan itu yang hendak dijalankan tetapi tidak dapat menahan sebelum jenayah dilakukan. Selepas peristiwa itu, India kini telah ada undang-undang seperti yang kita bentangkan hari ini. Hari ini India telah mempunyai undang-undang yang kita bentangkan hari ini dan yang akan kita luluskan nanti.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa persoalan. Pertama ialah apakah status atau kedudukan badan atau lembaga penasihat di Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan yang diadakan di bawah Akta ISA 1960 sebelum ini. Lembaga penasihat itu adalah untuk mendengar dan menimbangkan representasi orang tahanan yang dikenakan perintah tahanan bagi tujuan pencegahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Ordinan Darurat dan Akta Dadah Berbahaya.

Apakah fungsinya kini mengambil alih peruntukan di mana badan atau lembaga ini mempunyai fungsi dalam masa tahanan ditahan pada jangka *extended time* iaitu tambahan 28 hari atau setelah pelaku kesalahan ini dipasangkan alat peranti dan bebas keluar dari pusat atau penjara sementara menunggu kes diselesaikan.

■1140

Ketiga, Malaysia juga dilihat gagal menangani isu Jemaah Islamiah ketika itu secara individu terhadap mereka yang terlibat sebaliknya menggunakan instrumen ISA yang secara *sweeping,* dengan izin, dan inilah yang tidak disukai oleh penyelidik undang-undang dan mereka yang melaung hak asasi manusia. Oleh itu, Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini dilihat lebih baik. Penilaian dan penerapannya di mana setiap penahanan adalah bersebab tersendiri yang mana pelakunya tertakluk di bawah mana-mana seksyen yang telah dilanggari.

Keempat, apakah rang undang-undang baru ini jika dibaca dengan *Criminal Procedure Code* yang baru-baru ini dipinda di mana *plea-bargaining* adalah satu peruntukan yang mana pihak peguam bela dan pendakwa raya boleh berunding dan tidakkah ini akan menimbulkan satu unsur di mana boleh terjadi ketidakadilan kepada pihak yang tertuduh.

Kelima, *plea-bargaining* adalah satu konsep undang-undang di Amerika tetapi pemakaiannya terdapat di Australia. Malaysia dan Australia masih menggunakan *Common Law.* Pemakaian *plea-bargaining* adalah boleh jadi berbahaya kerana terdapat unsur-unsur *coercion* dan paksaan seperti ditulis di dalam buku Martin Yant's bertajuk, *"When innocent people are wrongly convicted"* dengan izin. Anehnya Tuan Yang di-Pertua, Singapura negara jiran terdekat kita masih lagi mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri mereka yang kandungannya hampir atau sama menyerupai Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Ertinya mereka juga sedar di dalam dunia hari ini di mana penduduk pelbagai kaum hidup dalam satu negara dan adalah perlu bagi Malaysia juga mempunyai satu undang-undang keselamatan dan langkah-langkah pencegahan khas dalam memastikan keamanan supaya tidak ada kehilangan nyawa dan harta disebabkan oleh pengganas atau mereka yang melakukan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh rang undang-undang ini di fasal 6 dan fasal 7. Dalam fasal 6 rang undang-undang ini, pegawai-pegawai polis berpangkat superintenden dan ke atas diberi kuasa untuk memintas komunikasi tanpa kebenaran pendakwa raya seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen 6(1). Apa yang ingin saya bahaskan di sini peruntukan 6(3) ini akan menimbulkan satu pertikaian di kalangan pelaku kesalahan keselamatan dengan pihak polis yang melakukan pencegahan ke atas ancaman keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini komunikasi media elektronik dan media sosial telah menjadi saluran ancaman keselamatan kepada negara kerana diayah dan provokasi ancaman keganasan dapat dilakukan dengan pantas melalui muat naik video ataupun maklumat digital di dalam aplikasi *Facebook, WhatsApp* dan *Blackberry Messenger*.

Fenomena ini berlaku dengan pantas dan kalau kita lihat perhimpunan Bersih baru-baru ini, pihak yang tidak bertanggungjawab telah memanipulasikan tindakan polis sebagai keganasan dan zalim terhadap orang awam. Akan tetapi apa yang berlaku sebelum keganasan itu berlaku yang telah ditangkap melalui video dan sebagainya adalah apakah yang menimbulkan keganasan oleh polis itu. Tindakan-tindakan sebelumnya itu tidak dirakamkan. Jadi gambaran itu telah dimasukkan di dalam *YouTube* dan internet lalu menjadi *viral* disambut oleh negara-negara lain seperti *Al-Jazeera* dan sebagainya dan tujuan untuk menghuru-harakan negara. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, rejim kumpulan provokasi jahat dan ganas ini dapat diaplikasikan melalui laman sosial ICT dan haruslah dipintas dan perlu diperhalusi fasal ini supaya ia lebih praktikal dan efektif agar kuasa polis untuk memintas maklumat dan ancaman melalui saluran komunikasi dapat ditangani dengan segera.

Adalah dicadangkan bagi memperkemaskan lagi undang-undang ini, kementerian menyemak semula klausa selepas perkataan "mesej" di seksyen 6(1)(b) dan 6(3)(b) diperluaskan untuk menambah selepas mesej, bahan, data atau maklumat bagi memberi tafsiran yang lebih jelas terhadap kuasa pihak berkuasa untuk memintas komunikasi.

Saya juga ingin mencadangkan dengan izin agar selepas perkataan "perbualan" dalam seksyen 6(1)(c) dan seksyen 6(3)(c) ditambah perkataan "perbualan" atau tambah "data" dan "maklumat suara".

Seterusnya, seksyen 72 iaitu alat peranti. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh rakan saya semalam, Yang Berhormat Mumtaz di mana alat peranti ini digunakan buat pertama kali di Malaysia. Saya ingin tanya sama ada satu kajian telah dibuat agar peranti elektronik ini dijelaskan rupa bentuk dia, teknologi yang bakal digunakan dan liputan rangkaian yang boleh dan dijamin dapat menjadi peranti pengawasan orang yang bakal disiasat.

Selain itu dicadangkan satu jadual yang baru dimasukkan untuk mengisi kekurangan seperti ciri-ciri pelaksanaan, aplikasi alat peranti ini dan sebagainya. Satu lagi ialah seperti kata Yang Berhormat Mumtaz, *maintenance*. Ertinya apabila kerosakan, apa yang berlaku. Adakah perkara ini perlu dijelaskan di dalam akta atau di dalam jadual. Juga yang paling penting ialah sama ada ia ada atau tidak lindungan insurans kepada yang memakai dan kepada mangsa-mangsa yang akan datang atau mangsa yang dilindungi daripada keganasan yang telah dilakukan oleh pesalah ini dan juga insurans melindungi alat ini iaitu sama ada alat ini nanti rosak atau apabila seperti kita tahu barang elektronik ini kalau kita rendam dalam air, ada yang boleh tahan air dan ada yang tak boleh tahan air macam kata Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar semalam macam penyu.

Mungkin alat peranti itu boleh di dalam air dan ini di atas darat bagaimana pula aplikasinya dan juga apabila alat peranti itu tidak berfungsi, apa akan berlaku. Mungkin pesalah itu mungkin boleh keluar daripada kawasan dia dan mungkin boleh mengancam keamanan orang lain di mana dia pergi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang boleh saya sampaikan pada pagi ini dan saya harap rang undang-undang ini dapat memberi keseimbangan antara kebebasan individu dan keamanan serta keselamatan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hajah Dayang Madinah. Saya minta Yang Berhormat kalau boleh kalau ada poin-poin baru yang nak dibangkitkan, persilakan. Banyak dah bercakap semalam, kalau boleh janganlah diulang-ulang lagi ya? Silakan.

11.58 pg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kebenaran yang diberi untuk saya berbahas. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan juga syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional kerana mengambil langkah berani dengan penuh teliti dalam menggubal Akta Kesalahan Keselamatan 2012 ini.

Akta Kesalahan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas dalam menangani kesalahan keselamatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam akta tersebut sebagai menggantikan ISA tahun 1960 yang dimansuhkan kerana sudah lapuk. Ada juga yang menganggap ISA itu mempunyai tindakan-tindakan yang zalim. Saya penuh percaya bahawa kerajaan menggubal akta baru ini supaya dikemaskinikan dengan mengambil kira keadaan persekitaran, tuntutan semasa dan peredaran zaman. Kini zaman ICT, dunia tanpa sempadan, maka kerajaan menitikberatkan kepentingan negara, kepentingan nasional dan ketenteraman awam.

■ 1200

Justeru akta baru ini digubal bukan sahaja untuk mengimbangkan dasar transformasi nasional khususunya program Transformasi Kerajaan yang sedang dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional tetapi juga mengambil kira keselamatan negara Malaysia di peringkat global. Kerajaan amat prihatin dan sedar betapa seriusnya ancaman-ancaman jenayah merentasi sempadan iaitu jenayah-jenayah dalam konteks dunia tanpa sempadan dan globalisasi. Pencapaian negara khususnya dalam menurunkan kadar jenayah adalah berhubung kait dengan program transformasi dan bidang keberhasilan utama negara iaitu NKRA. Sudah pasti cara dan strategi yang digunakan berlandaskan kaedah teknologi terkini ke arah penurunan kadar jenayah setakat ini.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Tuan Baharudin pada petang semalam supaya pihak penguat kuasa keselamatan negara tidak berlembut sangat dan perlu tegas dan pantas dalam bertindak dengan berlandaskan undang-undang dan Perlembagaan Negara terhadap setiap pesalah, penjenayah dan pengkhianat negara demi keselamatan tanah air Malaysia kita yang tercinta dan juga keselamatan serta kesejahteraan setiap warganegara Malaysia. Kalau hendak selamat daripada sebarang tuduhan dan hukuman, jauhilah diri kita daripada terlibat atau melakukan sebarang kesalahan di segi undang-undang negara. Bak kata pepatah, "Berani menebang, beranilah memikul".

Pada pendapat saya, kita memikul amanah dan tanggungjawab selaku pemimpin keluarga masing-masing supaya kita mengambil berat amalan membudayakan atau menanamkan semangat patriotisme kepada anak, cucu cicit kita dari peringkat kanak-kanak lagi khususnya tentang sejarah kemerdekaan negara dan perjuangan serta pengorbanan para pemimpin ulung negara agar anak cucu, cicit kita menghargai dan sayangkan negara kerana mereka inilah yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan. Selain mereka diberi pendidikan berkualiti di sekolah dan ajaran agama sebagai..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau boleh tumpukan kepada akta sahajalah Yang Berhormat. Kalau boleh, ia menjimatkan masa. Tolong.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Okey. Selain mereka diberi pendidikan berkualiti dan ajaran agama sebagai benteng dalaman mereka. Oleh sebab pembahas ..

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat hanya boleh tumpukan kepada rang undang-undang yang berkenaan sahaja kalau boleh.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Pada saya rang undang-undang ini perlu disokong dan diterima dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Tan Sri Yang di-Pertua, dengan hujah yang ringkas tadi saya mohon menyokong akta keselamatan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini saya ada dua nama lagi baru masuk. Kalau boleh, saya minta kerjasama semua pihak hantar nama cepat supaya senang. Banyak akta kita lagi. Kita ada banyak lagi rang undang-undang kita akan bahaskan. Kita hanya dua hari sahaja, hari ini dan esok. Oleh itu saya mohon kerjasama kemukakan nama secepat mungkin untuk senang kita merancang program-program untuk menentukan semua pihak dan di samping itu saya hendak beri peluang kepada semua ahli Yang Berhormat berucap. Akan tetapi tolong awal, awal sikit bagi.

Ada dua nama ini, Dato' Jaspal dengan Datuk Maijol. Saya benarkan tetapi dengan syarat tolong Yang Berhormat ringkaskan kalau boleh. Benda-benda yang belum kawan-kawan kita ahli dewan ini belum cakap sila kemukakan, kita hendak dengar. Silakan Dato' Jaspal.

12.05 tgh.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya minta maaflah tetapi nama tadi saya bagi lebih kurang pukul 10.30 pagi. Saya pun tidak tahu kenapa nama tidak diberikan ke atas tadi.

Saya ada lima atau enam *point* tetapi saya akan mengambil dua atau tiga sahaja untuk meringkaskan perbahasan saya pada hari ini. Pada tahun lalu 15 September, saya pun telah dijemput ke Angkasapuri untuk mendengar pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Banyak SMS telah pun terbang tentang apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berucap pada hari itu. Pada malam itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia seorang sahaja pergi ke tengah-tengah pentas itu dan telah memberi satu ucapan yang bersejarah. Sebab ucapan ISA ini hendak dimansuhkan, memang banyak orang tidak percaya.

Topik ISA ini sebelum itu *what is a hot topic*, memang topik yang panas. Tiap-tiap tempat dia cakap, ISA ini tidak adil, ISA ini tidak betul, mesti dimansuhkan. Tidak ramai orang boleh percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan keluar dan membuat satu pengumuman di mana ISA ini akan dimansuhkan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana dapat membuat pengumuman ini dan juga membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini menepati janji kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, subjek yang kita bahas ini ialah subjek Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan. Akan tetapi yang lebih penting untuk saya, ia bukan rang undang-undang baru, akan tetapi yang lebih penting, ISA ini akan dimansuhkan. Apabila kita lihat perkara ISA ataupun *Internal Security Act*, semalam Dato' Rahman cakap ISA. Bila kita lihat ISA ini, kita menoleh belakang sejak 40 tahun negara kita ini memang aman. *Compare* dengan negara-negara jiran, kita tidak pergi ke Kuala Lumpur nampak kereta bakar, adakah kedai yang kena rusuh? Kita boleh bawa keluar kereta atau pergi makan angin pukul duakah, pukul tigakah, kita tidak perlu bimbang tentang keselamatan.

Sebab kita tidak payah perlu bimbang keselamatan ini, kita rakyat Malaysia anggap negara kita selalu selamat. Tidak payah perlu. Apa-apa undang-undang pun boleh keluarkan, sebab rakyat kita semua sudah tahu macam mana hendak *behave* sebagai satu *society* yang sivil, tidak payah kita peduli tentang undang-undang. Tidak payah polis pun kita *assume* negara kita ini negara yang selamat. Itu argumen. Banyak, saya tengok banyak-banyak blog, banyak-banyak pihak pembangkang dia *argue*. Tidak payah polis, tidak payah undang-undang pun kita tahu menjaga negara. Kita boleh *self-governed this country.*

Jadi saya rasa kita kena tengok betul-betul. ISA ini memang ada dia punya kebaikan dan sekarang ceritanya hendak dimansuhkan ini *is a very serious matter*. Memang perkara yang serius. Kalau ISA ini dimansuhkan, undang-undang baru ini hanya memberi kekuatan kepada polis, memberi kuasa kepada polis. Kalau mereka *sharp* keamanan dan keselamatan rakyat Malaysia, ada akan diancam, "*Oh, there is a danger*". Memang bahaya, memang polis perlukan kuasa untuk menahan orang itu untuk 24 jam mula-mula. Kalau boleh dengan berbincang dengan Superintenden boleh kita lanjutkan sampai 28 hari. Itu pun kita kena beritahu *next of kin*. Apa salahnya kalau kenapa kita bincang undang-undang ini begitu susah daripada orang, tidak betul. Ada yang cakap tadi, saya dengar semalam. Saya pun tidak faham apa itu makna "zalim"?

■1210

Senator Dato' Dr. Firdaus ada sini. Zalim itu kejam samakah ataupun zalim lebih daripada kejam? Dato' Nallakaruppan beritahu semalam walaupun dia masuk penjara 58 hari, dia keluar nampak *handsome* juga. Kita punya pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim masuk penjara sampai enam tahun boleh jadi Ketua Pembangkang. Macam mana kita hendak cakap kita ini masyarakat yang zalim. Kalau zalim ini, untuk saya, benda zalim ini memang *is a very serious matter* bila kita bawa ke Dewan yang mulia ini.

Bila saya bawa kereta balik semalam, dalam fikiran saya, saya tengok kiri kanan, adakah ada orang kena pukul, adakah kereta kena bakar, adakah jalan yang kena pecah sebab rusuhan orang, tidak ada. Tidak ada. Negara kita ini memang negara yang aman. Hendak cakap kita buat perbuatan zalim, kita ada niat zalim, ini tidak betul. Saya rasa ini memang tidak betul tetapi yang kita ini rakyat Malaysia sekarang, bila kita pergi kedai kopi, minum di sini, minum di sana, semua cakap tentang rusuhan pada 28 April itu. Yang kita tengok ini sama ada kita sebagai satu masyarakat hendak kelonggaran syarat bagi mereka sebab ada isu-isu dia kata, *"okey, saya guarantee 80,000 hingga 100,000 orang datang tidak ada masalah"*.

Ada seorang yang bagi *guarantee* tetapi di akhbar hari ini, akhbar *The Star* pagi tadi, saya baca muka surat 12, *Lawyer wants the truth. Lawyer* ini cakap, dia minta pada *Bar Council. Bar Council* ada 78 *volunteers* untuk jadi *observer*. Dia tanya, *"Mr. Lim had kept mum about what had triggered the violence in Dataran Merdeka during the rally, claiming that despite the barricade breach, police remained patient until the protesters were 50m past it"*. Ertinya, sampai 50 meter dia pergi, polis tidak buat apa-apa. Kita hendak polis kita ambil tindakankah atau kita hendak polis kita diam, jangan buat apa-apa sampai orang pecahkan kereta, pecahkan rumah, pecahkan kedai-kedai, bakar pokokkah baru kita hendak ambil tindakan.

Saya tidak tahu kenapa rusuhan ini di bawah *Peaceful Assembly Act* yang kita telah *debate* dan luluskan Dewan lalu itu, mereka diberikan tempat stadium di mana 50,000 hingga 80,000 orang boleh pergi, buatlah apa yang *you* hendak. Akan tetapi kenapa hendak buat *street protest*? Jadi, untuk saya, kegiatan seperti ini yang menggalakkan keganasan, yang menggalakkan *violence,* tidak boleh langsung diterima di negara ini... *[Tepuk]* Sebab keamanan dan keselamatan mestilah punca yang paling penting untuk kita. Bukan ekonomi, bukan jalan dahulu, bukan hendak buka kedai harga murah tetapi tidak ada keamanan dan keselamatan, apa guna ekonomi?

Jadi, untuk saya undang-undang ini tetapi saya rasa undang-undang yang kita hendak *debate* dan hendak sokong ini memang ada banyak kelonggaran. Banyak *opportunity* untuk mereka tetapi untuk saya, pihak polis mesti tegas. Kita mahu pihak polis yang bertindak. Kita mahu pihak polis menumpukan keutamaan kepada keselamatan. Itu untuk saya adalah *argument* yang paling penting sekali. Dengan itu...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Boleh.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa polis lembut sangat? Kenapa lembut sangat, kenapa?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Sebab ini saya rasa kalau *argument* ini dalam blog kalau kita bertindak, dia cakap kita bertindak kepada orang pembangkang. Kalau kita tidak bertindak, kita memberi mesej kita sokong *violence*. Buat sahaja apa *you* hendak, bakar kereta, pergilah 50 meter. Kalau boleh masuk Parlimen. Jadi, untuk saya, pihak anggota polis sama ada pembangkangkah, sama ada dia orang sokong kerajaankah, sama ada dia orang luarkah, orang Nigeriakah, orang siapakah, kalau *you* buat kesalahan, kalau *you* langgar undang-undang, kita mesti ambil tindakan serta-merta.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau saya katakan Ambiga kena tangkap, *you* setuju?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya sudah beritahu tadi, bukan Ambiga, siapa yang beri *guarantee* ini...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak Ambiga dahulu.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya setuju.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ha, okey.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Sebab kita mesti tahu masyarakat kita walaupun kita satu masyarakat yang sivil, terdapat juga banyak yang fikiran dia belum *steady* lagi. Jadi, kalau kita hendak bawa 50,000 orangkah, 100,000 orangkah hendak tunjuk, kalau kita pergi bagi orang RM50 kata ada makan, ada minum, bagi bas, bagi *t-shirt free,* dia datang juga. Kita cakap lompat, dia lompat, buat bising, dia buat bising. Akan tetapi itu bukan ertinya orang itu setuju dengan apa yang *organizer* itu sedang buat. Dia tidak tahu. Dia datang sebab *t-shirt* cantik, dapat nasi lemak, dapat RM50. Jadi, siapa yang...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta komen sedikit, macam mana pandangan Yang Berhormat bila ada pekerja asing Indonesia, Burma, Bangla, ikut tunjuk perasaan Bersih. Macam mana komen *you*?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Komen saya tentang itu ialah selain daripada undang-undang seperti ini yang akan kita sokong hari ini, sepatutnya pihak penganjur itu mesti kena bagi *guarantee* yang tidak ada orang-orang asing akan mewakili dalam demonstrasi atau dalam perhimpunan mereka. Kalau mereka melanggar undang-undang itu pun akan menjadi satu kesalahan di bawah *Penal Code*. Baru mereka tahu, jangan hendak campur tangan orang asing hendak bawa sebagai...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan polis ambil tindakan, tangkap semua, siasat semua pendatang asing yang ambil bahagian dalam tunjuk perasaan Bersih tempoh hari pada 28 April. Setuju?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya sokong Yang Berhormat, saya sokong. Itu sahajalah perbahasan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu boleh tidak saya mencelah? Perkara yang sebenarnya saya terlupa hendak cakap dalam ucapan saya malam tadi tetapi kerana perkara ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh itu, saya minta supaya dan saya harap ini saya tumpang Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh untuk menanyakan ini supaya pihak kementerian nanti memberi jawapan yang tegas. Bagaimanakah undang-undang baru ini hendak digunakan untuk menghadapi individu-individu seperti yang disebutkan tadi, yang melakukan tindakan lempar batu sembunyi tangan, yang melakukan pelbagai tindakan-tindakan provokasi yang menyebabkan orang bertindak dan kemudian bila tindakan itu dilakukan, pihak kita dituduh.

Jadi, soalan saya ialah supaya pihak kementerian bila menggulung perbahasan nanti memberitahu apa tindakan hendak dibuat dengan individu yang bernama Ambiga dan siapa yang di Indonesia...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Irene.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Irene. Ini jelas melakukan tindakan-tindakan provokasi yang menjejaskan nama baik negara, yang mencetuskan rusuhan. Umpamanya, kalau kita masih ada ISA senang sahaja, masuk dalam tetapi dengan kelonggaran undang-undang baru ini daripada undang-undang ISA yang telah dimansuhkan itu, bagaimanakah undang-undang ini hendak digunakan apabila rang undang-undang ini sudah menjadi akta nanti. Bagaimanakah hendak digunakan untuk menghadapi individu-individu yang tidak bertanggungjawab seperti dua orang wanita yang disebut tadi. Saya minta jawapan yang tegas daripada kementerian nanti. Tumpang Dato' Jaspal Singh punya soalan. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya memang sokong dengan cadangan Yang Berhormat. Untuk pendapat saya, kita ada dua masalah. Satu, mereka yang membuat rusuhan ini. Ini memang orang-orang bawah. Nombor dua, penganjur. Penganjur memberi *guarantee*. Dia cakap tidak akan jadi apa-apa rusuhan. Jadi, pihak penganjur itu sama ada undang-undang yang sedia ada dengan poliskah atau dalam *Penal Code* supaya tindakan boleh diambil kepada penganjur yang tidak bertanggungjawab. Jadi, saya...

■1220

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan semua pendatang asing yang ambil bahagian dalam demo BERSIH, semua diambil tindakan dan tidak dibenarkan lagi masuk Malaysia, setuju? *Deport.*

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Untuk pendatang asing, kalau dia mengambil bahagian di dalam rusuhan-rusuhan seperti ini, dia sepatutnya dikeluarkan negeri serta-merta dalam 24 jam... *[Tepuk]* Kenapa Malaysia ini hendak sokong orang, hendak beri dia satu ekonomi, hendak beri keluarga dia bagus tetapi dia datang ke sini dia hendak buat rusuhan dengan kerajaan kita. Dengan ini itu sahajalah perbahasan saya.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kasi ajar sama dia.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: *[Ketawa]* Saya ingin mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat Datuk Maijol ingin berucap? Kalau hendak berucap Yang Berhormat, tolong ringkas ya. Macam soal isu Bersih ini tadi, semua sudah sebut, saya rasa agak kalau ada *point* lagi yang masih lagi tiada, itu saya benarkan.

12.21 tgh.

Datuk Maijol Mahap: Tidak ada fasal Bersih Tuan Yang di-Pertua, itu sudah dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat. Cuma saya ingin lontarkan beberapa soalan, memberikan pendapat khusus untuk akta ini. Saya akan bercakap tentang akta ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan izin kepada saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. Saya menyokong rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang baik dan satu sejarah bagi negara kita kerana akhirnya kita mempunyai satu undang-undang yang boleh menaikkan imej kita di mata dunia.

Saya setuju kerana ini adalah satu sejarah bagi negara kita dan saya bangga kerana menjadi sebahagian daripada sejarah. Dapat berdiri di Dewan ini untuk berbahas dan sama-sama menyokong rang undang-undang yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah dibuat di bawah Artikel 149, di mana ia adalah satu *exception* kepada *fundamental liberties,* dengan izin, dalam Artikel 5, 9, 10 dan 13 Perlembagaan kita. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dengan langkah yang inovatif ini dan membawa rang undang-undang ke Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberikan prosedur bagi menangani kes-kes keselamatan seperti aktiviti yang menjejaskan demokrasi Parlimen, sabotaj kepada negara, pengintipan dan juga keanggotaan dalam kumpulan pengganas seperti yang diperuntukkan melalui pindaan kepada Kanun Keseksaan.

Ertinya di sini Tuan Yang di-Pertua, jenis-jenis kesalahan adalah sebenarnya peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, yang di sini cumalah memberikan prosedur bagaimana kita boleh menangani kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan itu tadi. Dalam peruntukan ini atau dalam rang undang-undang ini dinyatakan bahawa tidak ada lagi penahanan oleh Menteri selama dua tahun. Saya menyokong ini Tuan Yang di-Pertua sebab selama ini, inilah yang menjadi satu sebab kenapa Malaysia menjadi topik di mana-mana. Di dalam negeri, di luar negeri kononnya kita ini tidak mempunyai undang-undang hak asasi manusia yang baik kerana Menteri dengan sewenang-wenangnya boleh menahan siapa-siapa sahaja selama dua tahun tanpa bicara mengikut Akta ISA.

Di mana-mana pun forum antarabangsa yang kita ikuti, tidak terkecualilah kes ini ataupun tohmahan pihak luar yang mengatakan Malaysia tidak mempunyai perundangan hak asasi manusia yang baik. Saya masih teringat sewaktu mengikut rombongan Parlimen ke Parlimen Eropah dua tahun yang lalu, di mana saya berkesempatan untuk berdialog di situ dengan beberapa pemimpin-pemimpin Eropah termasuk Ahli Parlimen Eropah, di mana dua perkara yang selalu mereka nyatakan. Asal duduk sahaja buka dialog, dua topik sudah mereka tanya iaitu satu, tentang perundangan hak kemanusiaan kita di bawah ISA.

Yang kedua ialah mengenai dengan kononnya negara kita ini menghapuskan hutan rimba kita untuk memberikan laluan kepada penanaman kelapa sawit di negara kita yang menghapuskan binatang-binatang dan juga hutan dan sebagainya. Jadi, dengan adanya penggubalan undang-undang baru ini Tuan Yang di-Pertua, maka saya berpendapat bahawa m sudah menaikkan imejnya di mata dunia tentang pemuliharaan dan juga penjagaan hak asasi manusia di peringkat dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini saya perhatikan bahawa seseorang itu boleh dikenakan tahanan lanjut selama tidak lebih daripada 28 hari dengan kuasa seorang yang berpangkat Superintenden Polis. Ertinya di sini ialah seorang yang *suspect* itu boleh ditahan oleh seorang Superintenden kalau beliau merasakan seseorang itu perlu ditahan, cuma dengan izin, *test* yang diaplikasikan oleh Superintenden itu ialah dia mempunyai satu alasan dengan izin, *reason to believe* berbanding dengan *reasonable suspicion* ada dua perkataan, *reason to believe and reasonable suspicion.*

Dalam rang undang-undang ini kita menggunakan perkataan *reason to believe* ataupun sebab untuk mempercayai. Apakah perbezaan di antara kedua-dua ungkapan ini? Bagi saya tidak jauh bezanya tetapi mengikut perundangan adalah lebih baik menggunakan *reason to believe* kerana dengan ini maka polis akan berhati-hati. Superintenden itu perlu berhati-hati untuk menangkap kalau tidak ada alasan untuk mempercayai bahawa seseorang itu sudah pun melakukan kesalahan di bawah *panel code* yang saya sebutkan tadi.

Ini kes-kes di antara *reason to believe* dengan *reasonable suspision* ini, sudah pun ada kes-kes yang dibuat di Mahkamah seperti kes Theresa Lim Chin Chin menentang *Inspector General of Police* 1988, 1MLJ 293 dan juga yang kedua kesnya adalah Mohamad Ezam bin Mohd. Nor menentang Ketua Polis Negara *appeal* 2002 4MLJ 449.

Inilah undang-undang yang menyatakan bahawa ada perbezaan di antara *reason to believe and reasonable suspicion*. Jadi, saya setuju dengan perkataan ini kerana ia memberikan satu kuasa kepada polis supaya tidak sewenang-wenangnya menangkap tanpa alasan yang kukuh.

Cumanya saya ingin menyatakan di sini bahawa menahan selama 28 hari itu saya takut-takut nanti boleh disalahgunakan oleh Superintenden tersebut. Walaupun ada *habeas corpus,* yang hak diberikan kepada orang yang ditahan itu. *Habeas corpus* ertinya seorang itu mempunyai hak untuk membuat penyemakan semula tentang penahanannya itu tetapi saya takut-takut kuasa akan disalahgunakan oleh Superintenden atas apa sebab pun. Sebab peribadi atau apa sebab pun kerana manusia ini memanglah mempunyai sebab yang tertentu mengapa ia bertindak sedemikian.

Mengikut psikologi Tuan Yang di-Pertua, bahawa semua orang ini atau *all people tend to abuse power,* dengan izin. Daripada CEO sampailah tukang kebun, ada *tendency* untuk *abuse power in one way or another*, dengan izin. Jadi, kuasa yang diberikan kepada Superintenden untuk menahan selama hari ini, janganlah disalahgunakan oleh beliau.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mariany menyebut tentang peranti pengawasan elektronik. Saya cuma ingin menyatakan di sini tentang *social stigma* yang akan dilalui oleh orang yang tertuduh itu nanti apabila dia pergi ke mana-mana membawa kepadanya gelang kaki itu. Jadi ada stigma di situ, stigma *attached* dengan beliau yang beliau ini adalah seorang pesalah, seorang pemberontak dan sebagainya. Maka itu satu beban yang ditanggung oleh beliau sepanjang beliau dipasang dengan peranti pengawasan elektronik tadi itu.

■ **1230**

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi komen tentang larangan tangkapan dan tahanan. Seseorang itu tidak boleh ditangkap dan ditahan di bawah semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Ini penting. Seseorang itu tidak boleh ditangkap dan ditahan di bawah semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Tidak boleh. Jadi kalau hendak berpolitik pun, bukan menjadi satu kesalahan asalkan dia tidak melanggar mana-mana undang-undang. Cuma nampaknya ada percanggahan di situ, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok seksyen dalam *Penal Code* yang nanti kita akan bakal bahas nanti, kita akan bahas nanti, definisi *activity detrimental to Parliamentary Democracy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sebut di sini, *"Activity detrimental to Parliamentary Democracy means an activity carried out by person or a group of persons designed to overthrow or undermine Parliamentary Democracy by political. By political, industrial, violent, unconstitutional means. By political".*

Ertinya di sini, kalaulah dalam rang undang-undang kita bahaskan sekarang ini membolehkan aktiviti politik. Akan tetapi dalam *Penal Code*, ada larangan tentang political. Jadi nampaknya seakan-akan ada percanggahan, Tuan Yang di-Pertua dalam hemat saya. Jadi kementerian barangkali boleh perjelaskan ini supaya konflik tadi itu dapat diserasikan dan menjadi satu supaya semua undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini akan menjadi satu pakej yang baik untuk ketenteraman negara.

Itu sahaja yang saya ingin bahaskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.32 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan begitu penuh perasaan, *so passionate,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang begitu bernas dan yang begitu hebat.

Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, hari ini merupakan satu hari yang amat bersejarah dan bermakna kerana dengan kelulusan rang undang-undang ini oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, ini kita akan mencipta sejarah kerana dengan kelulusan oleh Yang Berhormat nanti, maka akta yang dikenali sebagai *the mother of all law,* dengan izin, iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan sampai penghujungnya dan akan dihapus dan akan dimasukkan ke *archive library* dan akan dijadikan bahan rujukan kepada mereka-mereka yang berminat mengenai akta yang kita akan mansuhkan sekejap lagi.

Sememangnya dalam akta Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini merupakan satu undang-undang yang menentang keganasan. Oleh yang demikian rang undang-undang ini adalah berbeza dengan undang-undang jenayah yang sedia ada. Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini bertujuan untuk melindungi negara kita daripada terdedah kepada ancaman pengganas. Kita dapat lihat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Amerika Syarikat pada 11 September 2001 dan yang telah pun mereka menggubal undang-undang selepas tragedi tersebut untuk mengawal keselamatan negara mereka. Jadi negara kita tidak bolehlah berlengah dan seperti yang diucapkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen, kita tidak boleh kompromi apabila kita menghadapi keganasan dan juga keselamatan negara kita ini.

Jadi kita dapat lihat di negara dan juga di rantau ini terdapat beberapa kumpulan militan dan juga individu yang sentiasa bertindak secara sewenang-wenangnya mendatangkan ancaman terhadap nyawa dan juga harta benda kepada individu dan juga lokasi-lokasi yang tertentu. Jadi kumpulan-kumpulan keganasan ini yang mempunyai objektif dan juga agendanya sendiri mendatangkan ancaman keselamatan yang tidak kira apa asas perjuangannya. Jadi dengan itu akta ini adalah bertujuan untuk menghalang mereka seterusnya mencapai objektif mereka dan juga menjejaskan keselamatan negara kita seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok telah pun bertanya berapakah orang yang ditahan di bawah ISA semenjak ia dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh penguatkuasaan ISA selama 50 tahun ini iaitu semenjak tahun 1960 sehinggalah April 2012, seramai 10,883 orang telah ditahan di bawah seksyen 8(1), Akta Keselamatan Dalam Negeri manakala 4,461 orang telah dikenakan perintah tahanan. Tangkapan dan tahanan di bawah ISA meliputi kumpulan yang terlibat dalam kegiatan seperti yang berikut.

(i) pelampau agama. Contohnya Al-Aqram pada tahun 1994;

(ii) kumpulan militan. Contohnya Al-Maunah, Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Jemaah Islamiah (JI) dan juga Daulat Islamiah (DI);

(iii) pemansuhan dokumen perjalanan (pasport);

(iv) penyeludupan migran; dan

(v) mereka yang terlibat dalam pemalsuan wang syiling.

Buat masa ini, militan yang dikenakan perintah tahanan ialah seramai 14 orang, yang kenakan perintah pula ialah 8 orang manakala yang digantung perintah tahanan pula ialah seramai dua orang. Setakat ini, 22 orang militan sememangnya telah dikenal pasti oleh pihak polis manakala lebih ramai lagi yang berada di luar sana yang berada di bawah radar pihak polis. So kumpulan orang tersebut merujuk kepada bukan sahaja pengganas yang telah dikenal pasti tetapi juga mereka yang berada di seluruh dunia kerana dunia ini tanpa sempadan dan pihak pengganas bergerak melalui pusat operasi mereka di seluruh dunia. Masalah ini adalah masalah yang dihadapi oleh seluruh dunia dan bukan sahaja negara kita.

Dengan itu, Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok juga bertanya mengenai maksud *activity detrimental to Parliamentary Democracy* dan soalan ini telah pun dibangkitkan juga oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang juga oleh Yang Berhormat Datuk Maijol tadi. *Activity detrimental to Parliamentary Democracy* bermakna *an activity carried out by person or a group of persons designed to overthrow or undermine parliamentary democracy by violent unconstitutional means - Detrimental to Parliamentary Democracy.*

Ungkapannya ialah bukan merupakan satu ungkapan yang digunakan bagi menghukum kesalahan politik sebaliknya ungkapan tersebut telah dipilih kerana ia merupakan ungkapan yang amat menyeluruh yang merangkumi semua aspek demokrasi berparlimen. Demokrasi Berparlimen mempunyai maksud yang luas. Perkataan demokrasi itu sendiri membawa maksud pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya manakala Demokrasi Berparlimen merupakan pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan.

■1240

Jika Demokrasi Berparlimen digulingkan atau dilemahkan dengan cara yang ganas atau tidak berlandaskan perlembagaan, kerajaan yang akan dibentuk tidak lagi merupakan kerajaan yang dipilih melalui peti undi. Jadi, aktiviti *that detrimental to Parliamentary Democracy* telah ditakrifkan sebagai dengan izin, *an activity carried out by a person or a group of persons designed to overthrow or undermine parliamentary democracy by violent or unconstitutional means*. *Overthrow* boleh dibangkitkan dengan perkataan *the coup d'état* dan *overthrow or undermine Parliamentary Democracy* membawa maksud menggulingkan atau melemahkan Demokrasi Berparlimen.

Menggulingkan seperti yang kita kenal selalu disebut sebagai *coup d'état*. Dalam peruntukan kesalahan ini disebutkan dengan jelas penggulingan itu adalah melalui cara yang ganas dan atau tidak melandaskan perlembagaan. Ungkapan seperti *overthrow or undermine Parliamentary Democracy by violent means* boleh bermakna di mana cara yang ganas tersebut mungkin melalui berbagai-bagai cara yang tidak dibutirkan di sini yang mungkin merangkumi pembunuhan atau *assassination* ketua negara, rampasan kuasa berdarah oleh pihak-pihak yang ingin menubuhkan kerajaan seperti kumpulan Al-Maunah, pemberontakan bersenjata, perang gerila atau pun *guerrilla warfare*, keganasan atau kerosakan harta benda.

Sebagai makna yang kita sedia maklum kumpulan Al-Maunah bermatlamat untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan bersenjata. Bagi tujuan tersebut mereka telah merompak senjata api di kem tentera di Gerik. Perkara yang tidak berlandaskan dengan perlembagaan pula ialah sekiranya sebagai contohnya sahaja Tuan Yang di-Pertua seorang telah melantik dirinya sendiri sebagai Perdana Menteri sedangkan menurut perlembagaan (2)(a), Perkara 43, Perlembagaan, pelantikan tersebut hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Contoh yang lain pula ialah sekiranya suatu akta dibuat tanpa melalui Parlimen kerana Perkara 44, Perlembagaan memperuntukkan bahawa kuasa perundangan persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga menyoal mengenai rundingan dengan pihak dan juga badan yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2009, KDN telah pun mengadakan enam sesi pertemuan awam dalam proses penambahbaikan dan pindaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Jabatan Peguam Negara merupakan ahli tetap dalam setiap sesi pertemuan awam tersebut. Berbagai-bagai pihak antara lainnya termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO, ahli-ahli akademik, parti politik dan juga persatuan agama telah terlibat serta memberi pandangan dan juga buah fikiran. Hasil daripada itu, lima isu pokok telah dikenal pasti iaitu:

(i) kuasa-kuasa Menteri;

(ii) tempoh tahanan;

(iii) hak-hak dan juga layanan terhadap orang tahanan;

(iv) persepsi umum pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk tujuan politik; dan

(v) penahanan tanpa bicara

Jadi, susulan daripada itu lima kumpulan fokus telah pun ditubuhkan yang dianggotai oleh agensi kerajaan, pihak swasta, parti politik, NGO dan institusi pengajian tinggi untuk memperhalusi isu-isu berbangkit daripada setiap isu pokok yang dikenal pasti itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew juga bertanya mengenai anggapan seberapa segera yang boleh apakah yang dimaksudkan dengan tempoh ini dalam fasal 4(2) yang memaklumkan alasan penangkapan. Untuk makluman Yang Berhormat, seberapa segera bermaksud tanpa berlegar-legar atau *immediately* dengan izin di mana sejurus selepas tangkapan dibuat, pegawai polis hendaklah terus memaklumkan alasan dan juga ditangkap.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Hussin Ali, Tuan Yang di-Pertua telah pun membangkitkan soalan mengenai peruntukan keterangan yang tidak adil kepada tertuduh seperti dalam fasal 18, fasal 19. Untuk makluman Yang Berhormat, bahagian 7 rang undang-undang adalah digubal untuk mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai keterangan di mana ianya hendaklah berkuat kuasa walau apa-apa pun ketidakselesaan dengan Akta Keterangan 1950.

Ianya digubal secara khas kerana melibatkan kes-kes keselamatan yang serius dari segi sifatnya. Walau apa sekalipun, isu mengenai web masih tertakluk kepada budi bicara mahkamah untuk menentukannya. Sebagai contoh walaupun sesuatu keterangan itu boleh diterima masuk di akhir perbicaraan mahkamah akan meneliti keseluruhan fakta dan juga keterangan yang dikemukakan.

Jika ianya lemah keterangan atau dokumen itu boleh ditolak oleh mahkamah setelah melalui proses soal balas oleh pihak peguam bela. Jadi, ingin saya tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua walaupun dalam akta ini *the ordinary rules of evidence* seperti yang telah pun dinyatakan dalam *Evidence Act 1950* diketepikan dan di sini menggunakan *evidence* yang telah pun dinyatakan dalam akta ini. Akan tetapi, *the wet of the evidence* walaupun sesuatu dokumen itu telah pun di anggapkan sebagai *admissible* tetapi kalau mengikut *Evidence Act* ia tidak *admissible*. Akan tetapi dengan akta ini *admissible* tetapi *the admissibility* diterima oleh mahkamah. *But the wet of the evidence* terpulang kepada hakim untuk membuat keputusan sama ada dokumen itu akan membawa *any wet* untuk memastikan sama ada tertuduh itu bersalah atau pun tidak. *It's all up to the* hakim untuk membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Hussin Ali juga menyoal mengenai fasal 30 penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis. Satu kezaliman dan tiada batas waktu selama mana beliau boleh ditahan. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ini dimasukkan kerana undang-undang ini melibatkan kes-kes kesalahan yang dibuat di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 149 membenarkan undang-undang dibuat mengatasi Perkara 9, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal yang sama, asas permohonan demikian adalah hampir selaras dengan peruntukan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 315, Kanun Tatacara Jenayah dan seksyen 56, Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Fasal 30 rang undang-undang yang membenarkan penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis adalah prosedur yang telah pun diperuntukkan dalam undang-undang sedia ada.

Peruntukan rang undang-undang adalah berdasarkan seksyen 56A, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan seksyen 315, Kanun Tatacara Jenayah yang disesuaikan bagi tujuan menangani kes-kes keselamatan. Peruntukan ini bertujuan untuk menangani keadaan apabila tertuduh dibebaskan oleh mahkamah selepas perbicaraan kes keselamatan walaupun kes tertuduh didapati mempunyai merit. Ini kerana dalam menjalankan sesuatu pendakwaan adalah menjadi amalan pihak pendakwa raya untuk mempertimbangkan setiap keterangan yang ada bagi kesalahan terhadap tertuduh.

Pematuhan kepada prinsip ini adalah penting kerana undang-undang mensyaratkan pihak pendakwaan untuk membuktikan kes di sebalik keraguan yang munasabah. Atas pertimbangan dalam membuat keputusan pendakwaan ini adalah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk mendapatkan sabitan terhadap setiap pertuduhan yang dihadapi oleh tertuduh. Keterangan yang ada hendaklah keterangan yang relevan, boleh diterima dan kredibiliti bagi menentukan sabitan diperolehi.

Selain faktor keterangan yang ada faktor kepentingan awam juga diberi penekanan dalam membuat sesuatu pertuduhan. Keputusan untuk mendakwa seseorang adalah dibuat berdasarkan keadilan dan tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan kepada teras integriti bagi memastikan keadilan terhadap mangsa, saksi, tertuduh dan juga kepentingan awam.

■1250

Dalam konteks rang undang-undang, peruntukan sedemikian adalah penting memandangkan tertuduh dalam kes keganasan dan keselamatan yang dilepaskan. Lazimnya di atas tafsiran undang-undang yang teknikal yang hanya boleh diputuskan tafsiran secara muktamad oleh mahkamah tertinggi iaitu Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, sekiranya kes tertuduh didapati mempunyai merit, maka tertuduh masih merupakan ancaman kepada keselamatan negara kerana terdapat bukti bahawa mereka terlibat dalam kesalahan keselamatan. Oleh yang demikian, dalam keadaan ini peruntukan tersebut bolehlah diguna pakai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menegaskan bahawa dalam peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Kanun Tatacara yang saya sebutkan tadi ada peruntukan diberikan kepada mahkamah, hakim untuk menahan seorang tertuduh walaupun pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan kes dan boleh dikatakan tertuduh telah menang. Akan tetapi apabila kes itu melibatkan kes bunuh, apabila pihak pendakwaan membuat rayuan terhadap keputusan, mahkamah dalam seksyen 31(5), Kanun Tatacara ini boleh menahan tertuduh itu walaupun mahkamah yang sama telah membebaskan tertuduh daripada pertuduhan.

Akan tetapi ada rayuan yang telah dimasukkan, jadi menggunakan seksyen itu tertuduh boleh ditahan. Ini lebih praktikal sekiranya kita lihat dari segi tertuduh adalah seorang asing ataupun pendatang tanpa izin dan mereka telah pun dituduh dalam kes yang begitu serius. Sekiranya pihak mahkamah melepaskan dia selepas kes pendakwaan dan sambil menunggu rayuan, sekiranya mereka dibebaskan, mereka akan balik ke tempat asal mereka dan akan hilang daripada bumi negara kita. Sekiranya apabila kes dibawa ke Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan, sekiranya Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan mendapati tertuduh itu bersalah dan sekiranya tertuduh tidak hadir di mahkamah, itu akan menjadikan satu isu.

Apa lagi Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terlibat dengan seorang pengganas yang telah pun menjejaskan keselamatan negara kita ini dan telah didakwa dan mereka merupakan, contohnya daripada negara asing, militan, individu, golongan daripada negara asing. Sekiranya kita biarkan mereka sahaja begitu dibebaskan selepas perbicaraan, mereka akan lari. *This is one of the* - satu rasional di mana peruntukan ini telah pun dibuat dalam perundangan ini untuk memberi kuasa kepada pihak pendakwaan, memohon kepada pihak mahkamah menahan tertuduh yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga menyoal mengenai penangkapan di bawah rang undang-undang tanpa waran sedangkan Akta ISA memerlukan waran. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah seksyen 4(1) rang undang-undang ini adalah tanpa waran dan ini adalah juga bersamaan dengan tangkapan di bawah ISA di mana seksyen 73(1) juga menyatakan bahawa tangkapan adalah dilakukan tanpa waran.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pula menyoal mengenai kuasa memintas komunikasi harus dikaji semula kerana boleh mencabul hak peribadi dan juga *privacy* seseorang. Untuk makluman Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, kuasa memintas komunikasi tanpa kebenaran pendakwa raya hanya dibenarkan dalam keadaan hal mendesak dan mendadak yang memerlukan tindakan segera tanpa masa untuk berfikir panjang. Peruntukan ini untuk tidak mencabul hak peribadi dan *privacy* seseorang kerana kes ini melibatkan kes-kes keselamatan yang memerlukan tindakan segera. Rang undang-undang ini juga digubal di bawah Perkara 149, yang membenarkan Parlimen membuat undang-undang yang berlawanan dengan Perkara 5, 9, 10 dan 13, Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin juga bertanya mengenai prosedur soal siasat dan tempat tahanan sama ada telah dikaji semula. Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur dan juga soal siasat akan dikaji semula selaras dengan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah menyoal pula mengenai kesalahan keselamatan di bawah Kanun Keseksaan. Adakah kesalahan ini di bawah rang undang-undang ini? Untuk makluman Yang Berhormat, subseksyen 7(7) dan subseksyen 16(2) merupakan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun, ia bukanlah kesalahan keselamatan seperti yang diperuntukkan seperti di dalam jadual pertama.

Oleh itu kesalahan-kesalahan demikian akan dibicarakan di Mahkamah Rendah dan bukannya di Mahkamah Tinggi. Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga bertanya mengenai fasal 30 iaitu penahanan sementara menunggu proses undang-undang habis adalah tidak adil. Soalan ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah pun menjawab tadi di mana ini mengenai proses sambil menunggu rayuan yang difailkan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop juga telah pun bertanya mengenai hasrat kerajaan untuk memberi kuasa kepada pegawai polis yang berpangkat inspektor. Sama ada ini akan dibawa ke dalam membawa kuasa penahanan 28 hari. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan tidak berhasrat untuk memberikan kuasa untuk melanjutkan penahanan kepada pegawai polis yang berpangkat inspektor dan ke bawah kerana kes-kes ini melibatkan kes-kes yang serius yang berkaitan dengan keselamatan negara. Hanya pegawai polis yang mempunyai pengalaman yang luas yang berpangkat berkuasa polis dan ke atas perlu diberikan dalam menjalankan kuasa.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat juga bertanya mengenai fasal 5(2), rang undang-undang ini memperuntukkan penangguhan tidak lebih 48 jam untuk rundingan dengan pengamal undang-undang. Untuk makluman Yang Berhormat, ianya adalah satu tempoh yang munasabah dan wajar dengan mengambil kira situasi-situasi yang berlaku seperti yang digariskan dalam perenggan (a) ke (b), fasal 5(2) rang undang-undang. Ianya bukan satu kelewatan yang disengajakan jika dibandingkan dengan *UK Terrorism Act 2000*, *schedule* 8, *paragraph* 8, langsung tidak mengehadkan sebarang tempoh penangguhan bagi tujuan yang sama.

Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat juga bertanya mengenai rasional *'sunset' clause* yang saya sebutkan dalam bacaan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai *safe guard* kepada tempoh penyiasatan lanjut 28 hari ini suatu *'sunset' clause* diadakan yang menyebut bahawa subseksyen (5) hendaklah disemak setiap lima tahun dan hendaklah terhenti berkuat kuasa melainkan jika apabila semakan dibuat suatu ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu. Ini bagi memastikan bahawa tempoh tersebut sentiasa disemak oleh Parlimen bagi menepati keadaan pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen 13 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, ini jawapannya ialah tatacara layanan bagi orang yang ditangkap iaitu pelajar IPT dan sekolah adalah sama dengan tangkapan lain iaitu di mana waris kadim akan dimaklumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya menarik perhatian Yang Berhormat, bahawa jam tepat pukul 1.30 tengah hari. Dengan itu Yang Berhormat boleh sambung semula. Di samping itu kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini. Sekian, terima kasih.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri terus menjawab.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah pun menyoal mengenai fasal 7 – membenarkan orang itu dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik ataupun dikenali sebagai *electronic monitor device* (EMD). Dalam hal ini beliau mencadangkan EMD dipasangkan semasa menunggu proses rayuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 30 rang undang-undang adalah perlu kerana perintah reman di dalam penjara sementara menunggu proses rayuan selesai boleh mengelakkan tertuduh melarikan diri. Pemasangan EMD dalam proses rayuan tidak boleh menjamin tertuduh melarikan diri apatah lagi beliau merupakan seorang tertuduh yang telah dituduh atas kesalahan keselamatan.

Manakala fasal 7 rang undang-undang adalah berkaitan dengan pemasangan peranti pengawasan elektronik semasa tempoh siasatan di mana belum ada keterangan kukuh untuk suspek itu dituduh. Oleh itu fasal 7 dan fasal 30 adalah perlu dan mempunyai fungsi yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun bertanya mengenai EMD ini. Kaedah pengawasan elektronik ini merupakan satu kaedah yang telah lama digunakan di negara maju seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom. Kaedah ini berkesan untuk mengurangkan kesesakan di penjara atau tempat tahanan dan memastikan kehadiran suspek bila dikehendaki kerana dengan peranti tersebut suspek tidak dapat melarikan diri. Kaedah ini tidak melanggar hak asasi suspek kerana suspek masih boleh terus bekerja dan dapat menjalani kehidupan mereka seperti biasa di luar penjara ataupun tempat tahanan. Permohonan untuk meletakkan peranti pengawasan elektronik ataupun EMD ini adalah terhadap seseorang suspek yang didapati tidak perlu ditahan lebih lanjut oleh pihak polis walaupun penyiasatan pihak polis masih lagi dijalankan. Penggunaan atau pemasangan peranti pengawasan elektronik pada suspek yang dibebaskan adalah untuk memastikan siasatan pihak polis tidak terjejas akibat pembebasan suspek tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua pihak polis juga akan mengemukakan laporan penyiasatan kepada pihak pendakwa raya dan permohonan akan dibuat oleh pihak-pihak pendakwa raya berdasarkan laporan penyiasatan yang dikemukakan oleh pegawai polis. Jadi dalam perkara ini pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah supaya seseorang dipasangkan dengan peranti pengawasan elektronik ini mengikut peruntukan dalam Bahagian III rang undang-undang, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi baki tempoh tahanan yang dibenarkan di bawah fasal 4(5) rang undang-undang iaitu tidak melebihi 28 hari.

Jadi itu amatlah jelas Tuan Yang di-Pertua dan saya teruskan dengan soalan yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mengenai mekanisme polis dalam menentukan untuk mempercayai sebab yang cukup atau pun *reason to believe*.

Untuk makluman Yang Berhormat, asas sebab untuk mempercayai seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 4(1) rang undang-undang ini adalah semata-mata untuk membolehkan tangkapan dilakukan dan bukannya untuk menuduh. Tangkapan ini juga akan membolehkan penyiasatan dilakukan jika didapati tiada bukti-bukti yang boleh mengaitkan penglibatan suspek tersebut. Jadi beliau bukan dibebaskan dalam tempoh penahanan itu - akan dibebaskan, minta maaf.

Jadi tiada tafsiran sebab untuk mempercayai diperuntukkan di bawah rang undang-undang. Namun rujukan boleh di buat kepada seksyen 26 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan definisi *reason to believe* sebagai dengan izin, *"A person is said to have reason to believe a thing, if he has sufficient cause to believe that thing but not otherwise."* Selain itu istilah ini telah diteliti oleh mahkamah dan telah diputuskan cara pentafsiran. Jadi berdasarkan kepada ujian atau pun *test* yang diguna pakai dalam beberapa kes. Yang paling popular ialah kes yang diputuskan oleh *House of Lords* dalam kes *O'Hara versus Chief Constable of the RUC* pada tahun [1997] AC 286 dalam mentafsirkan *reasonable grounds* di bawah seksyen 12(1), *Prevention of Terrorism Act, 1984.*

Jadi dalam perkara ini, Lord Hoffmann telah pun mengatakan bahawa, *"The test which section 12(1) of the Act of 1984 has laid down is a simple but practical one. It relates entirely to what is in the mind of the arresting officer when the power is exercised. In part it is a subjective test, because he must have formed a genuine suspicion in his own mind that the person has been concerned in acts of terrorism. In part also it is an objective one, because there must also be reasonable grounds for the suspicion which he has formed. But the application of the objective test does not require the court to look beyond what was in the mind of the arresting officer.*

■1440

It is the grounds which were in his mind at the time which must be found to be reasonable grounds for the suspicion which he has formed. All that the objective test requires is that these grounds be examined objectively and that they be judged at the time when the power was exercised. These mean that the point does not depend on whether the arresting officer himself thought at that time that they were reasonable.

The question is whether reasonable man would be of that opinion, having regard to the information which was in the mind of the arresting officer. It is the arresting officer's own account of the information which he had such matter, not what was observed by or known to anyone else. This information acted on by the arresting need not be based on his own observation, as he is entitle to forms a suspicion based on what he has been told. His reasonable suspicion may based on information which has been given to him anonymously or it maybe based on information, perhaps in the course of an emergency, which turns out later to be wrong. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, *reason to believe* di sini adalah bergantung kepada maklumat dan juga kandungan yang diperoleh serta keadaan sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga bertanya mengenai kewujudan lompang yang luas di bawah Kanun Keseksaan dengan ketiadaan ISA. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri dimansuhkan peruntukan kesalahan dan pencegahan yang terkandung dalam akta tersebut tidak akan ada lagi. Dengan menyedari hakikat bahawa keselamatan negara dan juga ketenteraman awam mesti sentiasa dipelihara, dilindungi dan bahawa secara amnya negara dan dunia ini semakin terdedah kepada ancaman pengganas. Aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen, sabotaj dan pengintipan maka adalah perlu untuk kerajaan menggubal undang-undang yang dapat menangani ancaman-ancaman sedemikian dan melindungi keselamatan negara dan juga ketenteraman awam.

Jadi Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang diperlukan untuk menangani kesalahan keselamatan secara efektif. Jadi kesalahan keselamatan yang dimaksudkan ialah kesalahan di bawah Bab 6 iaitu kesalahan terhadap negara dan Bab 6A iaitu kesalahan yang berhubungan dengan keganasan dalam Kanun Keseksaan. Langkah-langkah khas tersebut antara lain merangkumi kuasa-kuasa khas yang diperlukan untuk mengendalikan penyiasatan dan juga pendakwaan kes kesalahan keselamatan. Tatacara khas berhubung dengan peranti pengawasan elektronik, tatacara khas bagi berurusan dengan maklumat sensitif dalam prosiding mahkamah dan tatacara khas berhubung dengan perlindungan saksi dan keterangan lain...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Saya di sini bila mana kita menghapuskan ISA kita telah menghapuskan satu undang-undang yang bersifat pencegahan. Bila mana kita gantikan dengan rang undang-undang pada hari ini, saya tengok keseluruhan rang undang-undang ini tidak bersifat pencegahan. Jadi apakah alternatif oleh pihak kerajaan untuk memastikan bukan hanya rakyat akan ada yang terdedah kepada kes seperti ini tetapi kita membuat langkah-langkah awal. Supaya negara kita tidak terancam dari apa pun sudut keselamatan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sekiranya kita lihat kepada seksyen 32 dalam rang undang-undang ini telah pun menyatakan dengan jelas bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri ini akan dimansuhkan. Akan tetapi, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri tidaklah menjejaskan apa-apa *printer* yang telah pun dikeluarkan atau dibuat di bawah akta yang dimansuhkan iaitu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini. Melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri. Apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil di bawah akta yang dimansuhkan itu sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua saya ingin menjelaskan di sini bahawa apabila Akta Kesalahan Keselamatan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kelak. Maka Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan dimansuhkan tetapi orang yang ditahan di bawah Akta ISA itu akan tidak dikeluarkan sekiranya penahanan itu masih berjalan. Misalnya sekiranya pada hari ini, seorang yang ditahan di bawah Akta ISA ada lagi misalnya satu tahun untuk menjalankan perintah yang diberikan oleh Menteri sebelum ini. Jadi dia akan terus ditahan walaupun Akta ISA telah tidak wujud dia akan terus ditahan sehingga perintah yang mengatakan dia ditahan sampai hujung tahun itu tamat.

So, apabila sudah tamat orang yang ditahan itu bolehlah *either* dibebaskan ataupun terus sekiranya ada bukti untuk mengatakan dia menjejas keselamatan. Lagi ada bukti jadi dia boleh ditahan mengikut Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini. Jadi *the procedure will apply all over again,* sekiranya ada bukti. Jadi inilah untuk menjaga keselamatan negara terhadap mereka yang masih *consider* sebagai satu *trade* kepada negara. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua itu sahajalah yang saya dapat...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan pemansuhan ISA adalah satu tindakan yang paling tepat pada masanya. Ramai antara kita yang memperjuangkan kemerdekaan dan dari hari ke hari dari tahun ke tahun perubahan dan perundangan bertukar ganti dan ISA adalah *mother* segala undang-undang. Jadi masyarakat Siam satu-satunya masyarakat yang pernah berjuang sejak merdeka, sejak komunis dan sebagainya. Dalam Perlembagaan 1963 di mana penggubal Perlembagaan di masa itu adalah bahawa mana-mana mangsa adalah bumiputera. Jadi di masa itu wakil Siam tidak ada, jadi saya hendak mohon sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Apakah tindakan kerajaan terhadap demi tahun kerajaan sejak merdeka menyatakan bahawa masyarakat Siam adalah bumiputera. Akan tetapi pada hakikatnya dalam perlembagaannya tidak tercatat. Apakah pendapat Timbalan Perdana Menteri mengenai perkara ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Terlebih dahulu kerajaan sememangnya sentiasa menghargai semua lapisan masyarakat yang telah pun mengorbankan diri sejak merdeka dan sebelum merdeka untuk menjaga keselamatan negara kita yang kita sayangi ini. Ini termasuklah kesemua golongan daripada kaum masyarakat Siam yang telah pun tinggal di negara ini begitu lama. Saya telah pun difahamkan daripada beberapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengatakan beberapa kali bahawa masyarakat Siam yang tinggal di negara kita ini adalah warganegara Malaysia dan diiktirafkan sebagai bumiputera. Ini telah pun dihulurkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak baru-baru ini juga.

Apa yang dinyatakan seperti Yang Berhormat tadi berkata ialah golongan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ternyata dalam Perlembagaan apabila ditubuhkan pada masa kita merdeka tahun 1957. Itu pada tahun 1963 apabila Sabah, Sarawak dan juga Singapura memasuki menjadikan negara Malaysia. Ini juga saya difahamkan terdapat beberapa golongan bukan sahaja di Semenanjung tetapi di negeri Sarawak dan juga negeri Sabah. Di mana beberapa kaum telah pun tercicir daripada Perlembagaan. Jadi saya yakin bahawa dasar kerajaan seperti yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk merangkumi mereka sebagai warga Malaysia sebagai bumiputera Malaysia. Jadi kita kena membuat pindaan di Perlembagaan nanti dan saya yakin apabila Kerajaan Barisan Nasional kembali selepas PRU-13 nanti kita akan mengadakan majoriti 2/3. Jadi, kita dapat menukarkan Perlembagaan nanti untuk memasukkan semua golongan seperti kaum Siam nanti. Dengan itu sahaja yang saya dapat menjawab Yang Berhormat Senator. Ada lagi? Silakan.

■1450

Dato' Boon Som a/l Inong: Sudah pastinya pilihan raya makin dekat, kita seharus bersetuju dengan ucapan Timbalan Menteri. Dengan *confident* saya tahu Barisan Nasional akan menang 2/3 majoriti pada pilihan raya akan datang. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Ya. Terima kasih. Itulah keyakinan yang kita sentiasa ada dalam Barisan Nasional. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Mana yang saya tidak sempat menjawab, saya akan memastikan bahawa Jabatan Perdana Menteri ini akan memberi jawapan secara bertulis. Dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih Timbalan Menteri atas segala jawapan yang diberi tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum diluluskan, saya ingin mendapat kebenaran untuk merakamkan bahawa saya tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini. Dirakamkan dengan nama.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Dimasukkan dalam *Hansard*.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak setuju juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengikut satu per satu, bagaimana dengan yang bersetuju ini? Perlu direkodkan satu per satukah?

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi saya sudah kata lebih suara bersetuju, jadi...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi, saya rasa permintaan itu tidak perlulah kita ikut.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak perlu.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin. Saya rasa pandangan daripada Yang Berhormat Baharudin amatlah tepat dalam perkara yang dibangkitkan oleh pembangkang tadi.

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah pertama reformasi perundangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilaksanakan apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing telah meluluskan resolusi untuk merungkaikan tiga Proklamasi Darurat pada 24 November 2011 dan 20 Disember 2011. Langkah kedua reformasi perundangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sedang dilaksanakan dengan pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 di dalam Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 hanya memperuntukkan langkah-langkah khas untuk menangani kesalahan keselamatan. Rang undang-undang tersebut tidak membuat peruntukan mengenai jenis kesalahan yang menjadi kesalahan keselamatan. Untuk mengelakkan berlakunya kelompangan dari segi jenis kesalahan, Kanun Keseksaan telah dipinda bagi mewujudkan kesalahan baru bagi menangani ancaman pengganas, sabotaj, pengintipan dan aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 ini akan melengkapi Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Di samping itu, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 ini juga akan mewujudkan satu bab baru berkenaan dengan jenayah terancang bagi menangani kesan perungkaian Proklamasi Darurat 1969 iaitu apabila luputnya Ordinan Darurat, Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1969 yang diguna pakai untuk menangani jenayah terancang. Oleh yang demikian, bagi maksud melindungi keselamatan negara dan ketenteraman awam dengan lebih efektif, Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 memperuntukkan secara amnya tiga kategori kesalahan substantif iaitu:

(a) 13 kesalahan baru di bawah Bab VI – kesalahan terhadap negara;

(b) suatu kesalahan baru iaitu menjadi anggota kumpulan pengganas diwujudkan di bawah Bab VIA, kesalahan yang berhubungan dengan keganasan; dan

(c) dua kesalahan baru di bawah bab baru VIB mengenai jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan memasukkan 13 kesalahan baru di dalam Bab VI Kanun Keseksaan, perlu saya jelaskan bahawa pindaan ini merupakan pindaan selari atau pun dengan izin, *parallel amendment* yang dibuat ekoran daripada pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Enam daripada kesalahan ini diambil daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dengan ubahsuaian yang sewajarnya iaitu kesalahan berhubung dengan:

(a) percetakan, penjualan dokumen dan penerbitan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen;

(b) pemilikan dokumen dan penerbitan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen;

(c) pengimportan dokumen dan penerbitan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen;

(d) pengeposan pelekat dan TSP;

(e) penyebaran laporan palsu; dan

(f) penerimaan dokumen dan penerbitan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen.

Selain enam kesalahan tersebut, tujuh kesalahan lain dalam Bab VI adalah kesalahan baru iaitu:

(a) aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen;

(b) percubaan untuk melakukan aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen;

(c) penyebaran maklumat;

(d) sabotaj;

(e) percubaan untuk melakukan sabotaj;

(f) pengintipan; dan

(g) percubaan untuk melakukan pengintipan.

■1500

Sehubungan dengan kesalahan-kesalahan yang dimasukkan ke dalam Kanun Keseksaan, beberapa takrif penting juga telah dimasukkan untuk menjelaskan kesalahan-kesalahan tersebut. Antaranya ialah aktif ialah takrif aktiviti yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen, dokumen dan penerbitan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen, pengintipan, perkhidmatan perlu, penerbitan, sabotaj dan maklumat sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, jika diperhatikan, kebanyakan kesalahan di bawah Bab VI menyentuh kesalahan yang menjejaskan Demokrasi Berparlimen. Ungkapan Demokrasi Berparlimen atau *Parliamentary Democracy* telah pun diguna pakai dalam undang-undang United Kingdom (UK) iaitu *Security Service Act 1989*. Subseksyen 1(1) *Security Service Act 1989* di UK memperuntukkan, "*The function of the service shall be the protection of national security and, in particular, its protection against threads from espionage, terrorism and sabotage, from the activities of agents of foreign powers and from actions intended to overthrow or undermine Parliamentary Democracy by political, industrial or violent means".*

Oleh yang demikian, ungkapan *detrimental to Parliamentary Democracy* bukan merupakan suatu ungkapan yang digunakan bagi menghukum kesalahan politik. Sebaliknya ungkapan tersebut telah dipilih kerana ia merupakan ungkapan yang amat menyeluruh yang merangkumi semua aspek Demokrasi Berparlimen.

Demokrasi Berparlimen mempunyai maksud yang luas. Perkataan demokrasi itu sendiri membawa maksud pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya. Manakala Demokrasi Berparlimen merupakan pemerintahan demokrasi yang dijalankan secara perwakilan. Jika Demokrasi Berparlimen digulingkan atau dilemahkan dengan cara yang ganas atau tidak berlandaskan perlembagaan, kerajaan yang akan dibentuk tidak lagi merupakan kerajaan yang dipilih melalui peti undi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesalahan baru iaitu menjadi anggota kumpulan pengganas yang diwujudkan di bawah Bab VIA, Kanun Keseksaan. Hukuman bagi kesalahan ini adalah pemenjaraan seumur hidup dan boleh dikenakan denda. Berkenaan dengan dua kesalahan baru di bawah Bab baru VIB, mengenai jenayah terancang, kesalahan tersebut ialah keadaan menjadi anggota kumpulan jenayah terancang dan juga kesalahan membantu kumpulan jenayah terancang.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kesalahan jenayah terancang tidak terjumlah dalam suatu kesalahan keselamatan. Dengan itu, langkah-langkah khas di bawah Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 tidak akan terpakai baginya. Dengan adanya peruntukan khusus mengenai kesalahan jenayah terancang, terdapat beberapa peruntukan lain dalam Kanun Keseksaan yang turut diperketat bagi tidak membuka ruang kelompongan undang-undang kelak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 terdiri daripada sembilan fasal seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 4 bagi memasukkan Bab VIB yang baru sebagai kesalahan luar wilayah.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 107 dengan memasukkan perenggan baru (aa) iaitu memerintahkan *commands* mana-mana orang untuk membuat sesuatu.

Fasal 4 bertujuan untuk memberikan penjelasan lanjut mengenai seksyen 120A mengenai takrif komplot jenayah.

Fasal 5 memasukkan subseksyen baru kepada seksyen 120B mengenai hukuman komplot jenayah.

Fasal 6 memasukkan kesalahan-kesalahan baru ke dalam Bab VI (Kesalahan terhadap negara).

Fasal 7 memasukkan takrif baru ke dalam Bab VI, bagi kesalahan baru di bawah fasal 6.

Fasal 8 memasukkan suatu kesalahan baru iaitu kesalahan menjadi anggota kumpulan pengganas ke dalam Bab VIA.

Fasal 9 memasukkan bab baru VIB mengenai jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Kanun Keseksaan adalah berasaskan kepada keperluan dan kehendak semasa. Penggubalan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 ini mempunyai dua tujuan utama iaitu sebagai pindaan selari ekoran daripada pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, serta untuk mewujudkan kesalahan baru berkenaan dengan jenayah terancang yang dahulunya ditangani melalui Ordinan Darurat iaitu Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah 1969 yang akan terhenti berkuat kuasa pada 21 Jun 2012, ekoran Perungkaian Proklamasi Darurat 1969.

Rang undang-undang ini akan dapat membantu mencapai matlamat untuk pelaksanaan dan pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil di samping memelihara kebebasan asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, pindaan ini dilihat dapat memastikan bahawa keselamatan negara serta ketenteraman, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ada sesiapa di antara Yang Berhormat yang turut serta untuk membahaskan rang undang-undang ini? Saya ada satu di sini. Ada lagi Yang Berhormat? Teruskan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

3.07 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan. Saya melihat kanun ini sebagai akta ibu bagi menjelaskan tentang apa yang telah pun diluluskan tadi dalam Dewan berkenaan dengan langkah-langkah keselamatan.

Pertama saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, bilamana kita batalkan sebelum ini Akta Kediaman Rasmi. Kita difahamkan bahawa bila membatalkan sahaja Akta Kediaman Terhad itu yang menyebabkan ramai para - yang asalnya ditulis sebagai penjenayah yang ditahan di bawah akta tersebut telah pun dibebaskan dan jaminan kerajaan bahawa mereka ini semua akan dipantau oleh pihak kerajaan. Apa pun yang saya dapat maklumat ialah bilamana golongan ini dibebaskan daripada kediaman terhad, berlaku peningkatan kes yang agak mendadak melibatkan gengsterisme, kes-kes yang lebih ganas dalam bentuk rompakan yang saya percaya mungkin ada kaitan dengan tindakan kita melepaskan mereka ini. Jadi saya pohon jawapan rasmi daripada pihak kerajaan berkenaan dengan perkara ini kerana ini telah pun berlaku.

Sebagaimana hari ini kita buat satu lagi undang-undang untuk pinda Kanun Keseksaan, saya hendak tanya adakah kesalahan yang disebut di bawah Kanun Keseksaan bagi menggantikan yang sedia ada ini sebenarnya juga meliputi para penjawat awam atau pihak eksekutif yang menyembunyikan mana-mana maklumat sensitif yang melindungi perbuatannya sedangkan apa yang dilakukan itu sebenarnya boleh menjejaskan keselamatan negara dan sebenarnya mengganggu Demokrasi Berparlimen.

Jadi dalam konteks ini, bila kita lihat seolah-olah kita faham bahawa ini perbuatan orang yang di luar daripada kerajaan. Akan tetapi dalam konteks yang sebenar, orang yang lebih memahami apa yang berlaku dalam negara, bagaimana transaksi itu berlaku sebenarnya adalah orang dalaman. Kita lihat juga, kalau kita pergi ke negara-negara yang telah pun membuat satu perubahan besar dalam sistem demokrasi mereka, kebanyakan yang dituduh, yang dibawa ke mahkamah adalah orang-orang yang sedang memegang jawatan kerana mereka lebih terdedah kepada risiko untuk melakukan kesalahan.

Kedua, apakah cara bilamana kita luluskan undang-undang pada hari ini, mereka yang kita tidak dapat cari bukti dalam..., yang malam kelmarin kita sudah bincang bagaimana kesalahan ini, banyak perkara yang kita buang. Sebagai contohnya saksi orang mati diterima, saksi kanak-kanak diterima.

■1510

So, dalam konteks ini saya percaya masih lagi banyak kes-kes yang melibatkan penjenayah terancang yang telah membuat kesalahan tetapi kita tidak boleh hendak membuktikan. Dalam pindaan kepada akta sebelum ini telah membenarkan untuk pihak kerajaan mengatakan orang ini boleh ditahan kerana mungkin dibuat komunikasi pintas. *So* dalam konteks ini sejauh manakah kita boleh meyakinkan rakyat bahawa dengan kita boleh memintas dan mendapatkan maklumat sensitif daripada mereka tanpa dizahirkan kepada mereka cara maklumat itu sampai, mereka akan berpuas hati bahawa orang yang dikenakan tindakan itu sebenarnya diadili dan dibicarakan ke dalam konteks yang benar-benar adil dan selamat sebenarnya.

Dalam konteks ini, kalau sebelum ini yang tidak ada bukti terus masuk ISA, yang tidak ada bukti kediaman terhad tetapi yang sekarang ini yang tidak ada bukti, boleh dibuktikan di bawah Kesalahan Keselamatan tetapi tidak dizahirkan bagaimana cara bukti didapati. Jadi adakah ini akan menyebabkan orang yang ditahan itu akan berpuas hati dengan cara tersebut kerana kita lihat semalam kebanyakan cara itu semuanya tidak boleh dizahirkan.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan, saya mengharapkan apabila kita melihat kes-kes yang melibatkan *terrorism.* Istilah *terrorism* ini, istilah pengganas ini dimulakan oleh pihak Barat, kalau sebut orang Islam melawan dipanggil militan tetapi kalau pihak mereka yang melawan tidak dipanggil militan. Dalam konteks ini kita tidak mahu, kita terbawa-bawa dengan pentafsiran dipihak sana kepada negara kita. istilah yang digunakan sebagai *terrorist* bagi kita mestilah istilah yang benar-benar sesuai dalam negara kita, bukan mengikut kaca mata orang lain dan saya mengharapkan kalau orang yang ditangkap itu benar-benar *terrorist* kemungkinan kita boleh membuat hukuman yang berat kepada mereka.

Walau bagaimanapun, saya hendak bertanya *reasoning*, daripada segi sebabnya kenapa sekarang ini untuk *terrorist* mereka ada dua undang-undang? Pertama, kalau mereka menjadi anggota *terrorist* ini mereka boleh dikenakan hukuman penjara dan juga dikenakan hukuman denda tetapi untuk kesalahan-kesalahan lain hukuman mereka hanya penjara sahaja tanpa denda, *reason* nya kenapa? Sebelum ini kita mendengar biasanya dalam Malaysia hukuman penjara seumur hidup tetapi kalau yang ini hukuman penjara sepanjang hayat.

Kita hendak membuat undang-undang, kita hendak mendidik rakyat, rakyat ini mungkin bersalah walaupun saya mendoakan tidak ada rakyat Malaysia yang akan terlibat kes-kes ini. Akan tetapi sekiranya ada yang terlibat, adakah wajar kita sebagai sebuah kerajaan menggubal satu undang-undang yang tidak ada maaf bagimu. Satu undang-undang yang menyebut bahawa pemenjaraan itu sepanjang hayat bukan seumur hidup. Jadi, kita sebagai kerajaan yang sepatutnya mendidik, saya rasa yang sebelum ini dibuat dengan keadaan seumur hidup itu jauh lebih baik berbanding dengan sepanjang hayat, kerana ini seolah-olah tidak mungkin akan beri benda yang baik.

Ini kerana kita lihat mungkin juga perkara ini perkara yang angan-angan tetapi banyak yang dipaparkan dalam media massa dan juga filem. Kadang-kadang orang yang kita nampak jahat itu kalau mereka tersedar sebenarnya mereka lebih banyak memberikan manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat.

So, dalam konteks ini tidak adakah ruang yang kita berikan kepada mereka setelah kita menyebut bahawa semuanya akan menjadi dengan izin, *imprisonment for life*. Begitu juga apabila disebut di bawah Kesalahan Keselamatan iaitu akta sebelum ini mengatakan bahawa di bawah seksyen 4 tiada seorang pun yang boleh ditangkap, ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya dan ini bagi kita melegakan. Akan tetapi apabila disebut di bawah Kanun Keseksaan yang menyebut berkali-kali tentang aktiviti *detrimental to Parliamentary Democracy attempt to commit activity, detrimental to Parliamentary Democracy* segala benda yang disebut tentang *Parliamentary Democracy,* saya hendak tanya secara jelas apakah yang dibutirkan dan yang diperincikan kesalahan yang berkaitan dengan *Parliamentary Democracy?* Sebab apabila menyebut *Parliamentary Democracy,* ini hal yang memang amat berkaitan dengan politik.

Jadi, bagaimana kita kecilkan skop supaya bukan semua benda yang berkaitan dengan perkara ini akan terus terdedah di bawah seksyen ini kerana pengalaman di Kelantan iaitu kerajaan yang telah dipilih secara sah selama 22 tahun di Kelantan, banyak perkara yang sebenarnya *detrimental* kepada Demokrasi Berparlimen telah pun pihak kami alami sebagai sebuah negeri. Saya hadir di sini sebagai wakil daripada sebuah kerajaan negeri, yang mana kami telah pun selama ini ditadbir, dihantar duit melalui JPP. Apabila saya bertanya di dalam Parlimen atas dasar apakah, di bawah seksyen manakah pemberian emolumen, pemberian segala-galanya dibuat melalui JPP, di bawah peruntukan yang manakah dalam perlembagaan tetapi tidak ada jawapan rasmi yang dikemukakan.

Jadi, di dalam konteks ini kalau, kita hendak kata ini *detrimental* kepada Demokrasi Berparlimen, adakah ini takrifnya, sebagai sebuah dewan yang menjaga kepentingan negeri, adakah ini perkara yang boleh dimasukkan di bawah mengganggu Demokrasi Berparlimen? Begitu juga dengan soal royalti, apabila *agreement* dibuat di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat, kita tidak ada mahkamah perlembagaan di mana apa-apa pun yang diputuskan, yang ditandatangani, ia akan menjadi satu perkara yang akan menjadi satu masalah pada masa depan, apabila Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri bukan orang yang sama, yang *sign agreement* adalah 20 tahun yang lepas.

So, dalam konteks ini, bagaimana pentafsiran kita tentang demokrasi berparlimen, adakah kerajaan yang sah dipilih melalui pilihan raya ini, bilamana dia diganggu hak-haknya yang telah dijamin oleh perlembagaan sebagai contohnya untuk memohon pertambahan geran per kapita bagi semua rakyat, yang sampai sehingga ke hari ini tidak ditambah geran per kapita. Adakah itu dianggap apabila dimohon secara rasmi ini, dianggap telah pun mengganggu Demokrasi Berparlimen kerana bagi saya itu perkara yang cukup penting. Nadi kepada demokrasi ini adalah Parlimen dan hari ini juga kita melihat dalam akhbar yang menyebut bahawa pihak SPR akan mengekalkan 42,000 pengundi yang di bawah status ragu kerana orang ini ada nama dalam daftar pemilih tetapi apabila disemak dalam Jepun, tidak ada nama dan jawapan oleh SPR bahawa mengikut Akta Pilihan Raya, sekali nama ini masuk ia tidak boleh dikeluarkan.

Semalam kita menyebut di bawah Kesalahan Keselamatan ini, apa-apa pun undang-undang, ia akan boleh mengatasi. Adakah ini menyebut bahawa bilamana 42,000 ini orang yang kita ragu statusnya sebagai pemilih yang akan memilih untuk demokrasi berparlimen, kita boleh menggunakan akta ini, mengatasi Akta Pilihan Raya dan membatalkan semua serta memastikan semua 42,000 yang diragui ini tidak boleh mengundi kerana dalam konteks undang-undang, kalau hendak meminda nama sekalipun, jika ada dua nama yang sama ataupun dua orang yang membawa IC yang sama, kita kena mengesahkan. Dalam konteks ini di bawah status ragu, bagaimana kita boleh membenarkan orang yang status pemilih ini ragu dari segi warganegara boleh didaftarkan sebagai pemilih. Adakah ini sebenarnya yang dimaksudkan mengganggu demokrasi berparlimen dan saya rasa kunci kepada Demokrasi Berparlimen adalah sistem pilihan raya yang telus.

Saya juga ingin bertanya tentang bagaimana perbuatan sabotaj dan setakat ini berapakah kes yang telah dikesan oleh pihak kerajaan sama ada dari dalam, dari luar untuk mensabotaj mana-mana kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat. Saya juga lihat dalam konteks ini menyebut bahawa antara maklumat sensitif itu adalah maklumat yang ada di bawah Bahagian I - 3(a) yang menyebut di bawah, *"'sensitive information' means any document, information and material:*

(a) relating to the Cabinet, Cabinet Committees and State Executive Council; or

(b) that concerns sovereignty, national security, defence, public order, essential public interest of Malaysia and international relations."

Dalam konteks ini disebut di bawah itu, *"whether or not classified as 'top secret,' 'secret'"* dan seterusnya. Dalam konteks ini saya hendak tanya kita dengar dua, tiga tahun yang lepas berlaku satu intipan yang dibuat oleh pihak yang setakat ini kita belum dapat sahkan siapa, yang telah menggunakan satu alat dan peranti untuk merakamkan apa yang diperbualkan dan diputuskan dalam mesyuarat melibatkan Exco Kerajaan Negeri Selangor. Saya juga percaya ini juga berlaku dalam Exco-Exco yang lain, adakah ini juga dikira sebagai *sensitive information* dan pihak AG akan bersedia untuk bertindak sekiranya ada laporan daripada mana-mana kerajaan negeri yang mengatakan bahawa telah terdapat seolah-olah satu kebocoran maklumat hasil daripada perkara ini berlaku.

Kalau kita tidak *classify* sebagai *top secret* kita, ada OSA, tiba-tiba kita hendak kata perkara ini perkara yang sensitif, siapa sebenarnya yang boleh *recognize* benda ini sebagai sensitif ataupun tidak sensitif. Kemungkinan orang yang berada di dalam, orang yang benar-benar menjadi ahli mesyuarat, mereka faham. Akan tetapi bagaimana orang-orang yang menjadi kakitangan sokongan kalau perkara ini tidak dicap dengan *top secret* ataupun *secret.*

Begitu juga perkara-perkara yang *detrimental* kepada Demokrasi Berparlimen antaranya ialah dengan cara mengutuk, memaki, mencarut ketua negara dan juga ketua negeri. Dalam konteks ini kita lihat dua hari lepas keluar di dalam akhbar, dalam *New Straits Times* yang mengatakan bahawa mantan Ketua Polis Negara menyebut Menteri Besar Kelantan sebagai bapa kepada kafir. *So,* dalam konteks ini adakah ini sebenarnya boleh menggugat bukan hanya perasaan orang dalam parti tetapi juga orang Negeri Kelantan kerana ketua Negeri Kelantan yang dipilih secara sah melalui demokrasi telah dituduh atas nama individu seperti ini.

■1520

Adakah perkara ini juga boleh dimasukkan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) yang telah pun kita luluskan pada hari ini dan saya juga hendak tanya dalam konteks kita hendak memastikan Demokrasi Berparlimen ini dijaga berlaku di Kelantan pada tahun 2004 di mana satu kawasan yang dikira empat kali kerana ada perbezaan undi iaitu dua undi sahaja yang menyebabkan Kelantan menang dengan satu Kerusi. Hari ini undang-undang tersebut telah dipinda dan undang-undang pilihan raya menyebut hari ini tidak boleh dipinda melainkan lebih daripada 5 peratus tetapi, dalam keadaan sensitif kita sekarang ini satu orang, dua orang, tiga orang ataupun lima orang pengundi yang bukan mewakili 5 peratus ini sebenarnya boleh menyebabkan berlaku pertukaran kerajaan bukan hanya di sebuah negeri tetapi mungkin di beberapa negeri.

Dalam konteks ini adakah berkuasanya undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini boleh mengatasi Akta Pilihan Raya yang juga diluluskan oleh Parlimen. Saya harap perkara ini dapat dijawab dengan baik sebab kita sebenarnya mengharapkan negara ini benar-benar dapat dipertahankan demokrasinya, kebebasannya sebab ini adalah cermin kepada masyarakat di seluruh dunia dan juga masyarakat ASEAN kerana negara kita merupakan antara negara yang terkehadapan daripada sudut ini dan terakhir yang saya hendak tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan *Organize Criminal Group* yang menyebut sama ada terdapat dua ataupun lebih orang yang terlibat dalam kes-kes kesalahan berat ini.

Bagaimana dia sama ada *direct* ataupun tidak *direct* dalam kes ini berapa banyakkah kumpulan *organize criminal group* ini yang telah dikenal pasti dan setakat ini sejauh manakah kerajaan mampu untuk membersihkan nama kita dalam kes pemerdagangan orang kerana banyak kali apabila kita ke luar negara kita dihadapkan dengan persoalan seperti itu dan adakah setakat ini kita telah berjaya menghapuskan imej tersebut daripada negara kita kerana kita percaya negara kita tidak langsung berminat untuk memperdagangkan orang seperti itu.

Jadi saya berharap dengan adanya akta seperti ini, kita sebenarnya boleh menyelamatkan maruah dan nama serta integriti kita sebagai negara dan saya berharap agar pilihan raya pada kali ini benar-benar akan memperbetulkan persepsi bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang menjaga Demokrasi Berparlimen. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kerana tidak dapat menyerahkan surat ini tadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Saya hanya hendak membicarakan dan membahaskan perkara ini secara ringkas sahaja berdasarkan empat perkara. Perkara pertama ialah perkara yang selalu ditimbulkan oleh salah seorang Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tentang soal bahasa. Saya lihat bahawa bahasa yang digunakan oleh rang undang-undang ini adalah bahasa Inggeris. Saya percaya mungkin ini kerana undang-undang ibu yang asal adalah bahasa Inggeris. Namun demikian saya berharap usaha akan dilakukan untuk menterjemahkannya kerana menterjemahkannya dan mengemukakan dalam bahasa Inggeris ia akan melambangkan sekurang-kurangnya rasa bangga kita terhadap bahasa kebangsaan iaitu bahasa Malaysia.

Perkara kedua ialah tentang takrif *detrimental to Parliamentary Democracy,* saya rasa takrif ini terlalu luas walaupun disebutkan ertinya adalah *activity detrimental to Parliamentary Democracy means an activity carried out by a person or a group for person designed to overthrow undermine the Parliamentary Democracy by violent to unconstitutional means*. Daripada pengalaman saya sebagai bekas seorang tahanan ada beberapa kemungkinan yang boleh berlaku. Kemungkinan pertama ialah bahawa tuduhan dibuat dan mungkin tidak ada asas dan sewaktu *interrogation* ditekan-tekankan supaya yang ditahan itu mengakui apa yang dilakukan. Jadi dalam undang-undang ini nampaknya tidak ada sekali lagi saya ulang, tidak ada asas untuk memastikan bahawa penganiayaan dalam bentuk-bentuk pun tidak dilakukan sehingga orang terpaksa membuat pengakuan.

Kedua ialah berbalik kepada soal saksi. Sekiranya tuduhan yang dibuat bahawa seseorang itu telah merancang ataupun bersama dalam perancangan untuk menjatuhkan kerajaan, pengakuan itu dibuat oleh seseorang yang telah mati ataupun sudah hilang, ini menimbulkan masalah yang besar kerana seperti yang telah disebutkan oleh salah seorang teman saya semalam, kita tidak dapat memanggil seseorang itu untuk menerangkan atau menjawab apa yang dituduhnya. Perkara ini adalah berbeza sedikit dengan apa yang diterangkan oleh pihak di sana semalam bahawa ia seperti misalnya seorang yang melakukan wasiat harta. Wasiat harta ini dibenarkan oleh undang-undang dan kalau mengikut Islam misalnya, sepertiga biasanya boleh diwasiatkan. Tidak lebih daripada itu tetapi sekiranya, seandainya seseorang itu mewasiatkan sepenuh hartanya kepada anak-anaknya ataupun selain daripada anak-anaknya, anak-anak itu boleh mencabar kalau misalnya di mahkamah jika ada asas yang kuat mungkin diluluskan, tetapi kalau misalnya bergantung kepada syariah jika lebih daripada dua pertiga kita ingin mengetahui apakah sebab dan asasnya maka ia hendak mewasiatkan sedemikian.

Jika kalau untuk itu perlulah dipanggil orang itu untuk menerangkannya tetapi dia sudah mati dan tidak boleh menerangkannya lagi, begitulah juga dengan kes ini. Kalau tuduhan melakukan sesuatu konspirasi untuk menjatuhkan kerajaan itu dibuat oleh seseorang yang telah mati, maka kita tidak ada peluang untuk memanggilnya untuk memberikan penjelasan dan begitulah juga kalau dengan kanak-kanak. Jadi oleh sebab perkara-perkara ini tidak dijawab pada pagi tadi apa yang telah saya timbulkan semalam maka saya ingin menimbulkannya semula, apakah *precedent* yang ada misalnya dalam dunia undang-undang yang misalnya membenarkan dan memperakui seseorang yang sudah hilang, seseorang yang telah mati, kanak-kanak yang masih kecil untuk memberikan buktinya dan mungkin tidak dapat dipanggil untuk menjawab tentang tuduhan-tuduhan tersebut.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan dan saya rasa tidak hendak memanjangkannya kerana Yang Berhormat Mumtaz sebentar tadi telah menyebutkannya, ini adalah berkaitan dengan undang-undang rahsia rasmi, *Official Secrets Act.*

Sebab nampaknya dalam beberapa kes yang telah lalu dan antara yang telah disebutkan oleh beliau nampaknya ada usaha-usaha untuk menyembunyikan perkara-perkara yang berlaku yang boleh dianggap sebagai sabotaj ataupun espionaj oleh negara lain semata-mata dengan menggunakan Akta Rahsia Rasmi, *Official Secrets Act.* Mereka mengatakan, oh ini tidak boleh disebutkan, dituduh sehingga ada espionaj daripada Singapura bahawa ini tidak boleh disebutkan *under Official Secrets Act*, ada misalnya sabotaj sama ada oleh *state* ataupun oleh *federal* tidak boleh disebut oleh sebab *official act.*

Jadi saya ingin mengambil soal ini dengan hubungannya dengan *Official Secrets Act,* dengan izin, dan meminta supaya ada kepastian sekiranya masalah-masalah yang ditimbulkan adalah masalah yang besar dan serius, maka hendaklah ada *freedom of information*. Tidak misalnya disembunyikan hanya dengan *Official Secrets Act.* Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan menjadi ahli kepada *Terrorist Organize Group.* Di sini dikatakan *whoever is the member of terrorist group shall be punished with imprisonment which may extend to imprisonment for life which is liable to a fine*. Kalau mengikut fahaman saya mengenai undang-undang dan saya bukan seorang *lawyer,* penahanan ataupun penjara selama lebih 15 tahun itu sudah merupakan satu penahanan *for life, is life imprisonment* dianggapkan, jadi adakah *life imprisonment* ini tidak melebihi 15 tahun ataupun selama dia hidup? Saya percaya di sini apa yang dimaksudkan adalah selama hidup dan kita mendapati dua perkara. Satu perkara ialah ada *terrorist group* yang ditentukan oleh negara besar di luar dan sekarang ini kalau di Amerika yang menjadi *terrorist group* yang terbesar ialah golongan Islam.

■1530

Saya tidak mempertahankan golongan-golongan *terrorist* yang benar-benar *terrorist* yang wujud misalnya merosakkan keamanan dan keselamatan. Akan tetapi ada misalnya *tendency* untuk menuduh *fundamentalist group*lah yang tidak melakukan apa-apa keganasan sebagai mempunyai potensi sebagai *terrorist group.* Satu contoh ialah misalnya iaitu Hamas. Bagi Amerika, golongan Hamas adalah golongan *terrorist*. Akan tetapi bagi orang Palestin, mereka adalah pejuang untuk pembebasan Palestin bahkan bagi negara-negara tertentu di dunia ini, kita menganggap Hamas itu sebagai suatu *group* yang tulen untuk memperjuangkan hak mereka.

Satu lagi ialah kemungkinan yang mana sesuatu negara itu menganggap *group* itu sebagai *terrorist* sebagaimana kita telah menganggap misalnya golongan gerila Komunis sebagai *terrorist.* Akan tetapi dalam kes Malaysia ini, nampaknya ada *tendency* untuk menanggap satu golongan itu atau seseorang itu *terrorist* hanya berdasarkan pada apa yang disebutkan di Amerika. Ini kerana mungkin ada perjanjian di antara kedua-dua negara tentang hal ini. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang satu lagi ialah tidak ada disebutkan misalnya golongan yang katakan ada *genuine terrorist group*, dengan izin, tidak ada disebutkan tentang mereka yang menyokong *terrorist group.* Jadi apakah misalnya sikap dan tindakan terhadap golongan yang menyokong *terrorist group* itu dan yang menyokong ini pula, harus dibezakan antara yang menyokong *terrorist group* yang *genuine* ataupun *terrorist group* yang dikatakan *terrorist group* oleh misalnya Amerika terhadap golongan seperti Hamas. Adakah misalannya oleh kerana dianggap Hamas itu *terrorist*, maka mereka yang ada hubungan atau rapat dengan pemimpin mereka, akan dianggap juga sebagai penyokong kepada golongan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator. Memandangkan tidak ada lagi yang ingin membahaskan rang undang-undang ini saya akan terus meminta...

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

3.32 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon maaf juga kerana tidak memberikan nota untuk berucap tetapi saya hanya mahu...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Sedikit sahaja. Ada dua perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu ialah seksyen 124B iaitu perkataan *"Parliamentary Democracy".* Saya rasa tidak diberikan definisi di mana-mana pun. Jika ia merujuk pada mana-mana definisi di mana-mana akta, ia mestilah diletakkan di dalam rang undang-undang ini. Juga mencadangkan perkataan seperti "demokrasi berperlembagaan" dan asasnya berlandaskan *the Federal Constitution*, dengan izin. Jadi, *Parliamentary Democracy* ini memang ala Malaysia di bawah *Federal Constitution* dan bukan *Parliamentary Democracy* yang biasanya dikaitkan dengan sejarah negara masing-masing. Itu pertama.

Kedua ialah seksyen 124E(2) yang mana berbunyi, *"Should be presumed to be a document of publication detrimental to Parliamentary Democracy until the contrary is proven".* Saya ingin bertanya di sini, apakah yang terjadi dengan amalan kita, hukum *common law* yang mana kita katakan bahawa, *"one is innocent until proven guilty?*" Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun berbahas dalam rang undang-undang ini. Segala pandangan, teguran dan juga kritikan yang telah pun diberi, saya ucapkan terima kasih dan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Di sini saya ingin menyentuh soalan yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz mengenai sama ada penjawat awam yang menyembunyikan maklumat yang sensitif itu boleh diambil tindakan di bawah rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, penjawat awam boleh dikenakan tindakan di bawah rang undang-undang ini sekiranya mereka melakukan aktiviti untuk memperoleh maklumat sensitif dengan cara yang tidak sah bagi maksud yang membawa pada kemudaratan, keselamatan negara ataupun kepentingan negara kita ini.

Juga di bawah seksyen 130A yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin mengenai *member of terrorist group*, mengapa juga dikenakan hukuman denda. Untuk makluman Yang Berhormat, formulanya telah diambil berdasarkan formula seksyen 130E yang juga mengenakan denda bagi *recruiting person to be members of terrorist group or to participate in Terrorist Acts.*

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga telah pun bertanya mengenai orang yang dibebaskan di bawah Akta Kediaman Terhad apabila akta tersebut telah pun dimansuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat ini, mereka yang telah pun dibebaskan itu memang sentiasa dipantau oleh pihak polis untuk mengesan aktiviti-aktiviti mereka. Alegasi yang mengatakan sejak mereka dibebas dan kadar jenayah telah pun meningkat dan mendadak, saya rasa saya tidak ada statistik untuk membuktikan apa Yang Berhormat telah pun katakan tadi. Jadi, saya akan mendapatkan maklumat yang selanjutnya nanti dan membekalkan kepada mereka yang bertanya mengenai soalan ini.

Akan tetapi mengenai isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin mengenai perakuan yang telah pun diberikan oleh saksi yang telah pun dikatakan meninggal dunia ataupun tidak dapat dicari ataupun hilang dan sama ada keterangan yang telah pun hilang dan sama ada keterangan yang telah pun diberikan oleh mereka itu boleh diterima pakai oleh pihak mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Akta 32, Akta Keterangan 1952 memang ada menyebutkan bahawa seseorang yang telah pun mati dan telah pun memberikan satu keterangan melalui konsep yang kami kenali sebagai konsep *res gestae* ini, boleh diguna pakai sekiranya *requirement* yang telah pun dikatakan di bawah seksyen 32 itu di*satisfied*kan.

Akan tetapi kita perlu faham bahawa seperti yang dikatakan tadi bahawa keterangan-keterangan yang diberikan di bawah Akta Langkah-langkah Khas ini termasuk juga budak-budak *offender years* diterima masuk tanpa keterangan yang sentiasa diterima di bawah Akta Keterangan 1950. Ini dilainkan kerana kita perlu memastikan bahawa keterangan itu hanya diterima masuk, diterima pakai *just admissible as evidence* sahaja. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, sama ada ia akan diambil berat oleh pihak hakim, itu terpulang pada budi bicara hakim selepas mendengar semua keterangan keseluruhan kes itu.

Jadi, *the weight of the evidence* itu mengenai sesuatu keterangan yang diberi oleh saksi yang telah pun mati ataupun yang hilang tetapi kenyataan itu telah pun dapat diperoleh dan di tender dan diterima masuk sebagai bahan bukti sahaja dan *the weight of the evidence* itu terpulang kepada hakim. *So,* saya rasa kita bolehlah mengatakan di sini bahawa tertuduh yang dituduh di bawah akta yang baru ini akan diwakili oleh peguam dan mereka ada peguam dan peguam itu berhak untuk *cross examine* saksi-saksi tertentu ataupun membuat hujahan mengapa saksi tersebut ataupun keterangan mereka tidak boleh diguna pakai.

Selain daripada itu, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin mengenai mengapakah Kanun Keseksaan hanya digubal dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Inggeris. Untuk makluman Yang Berhormat, Kanun Keseksaan ialah undang-undang sebelum pra-1967. Pada masa itu, undang-undang hanya dibuat dalam bahasa Inggeris. Dengan itu teks sahih Kanun Keseksaan ialah bahasa Inggeris. Buat masa ini Kanun Keseksaan tidak mempunyai teks bahasa kebangsaan dan undang-undang ini ialah dalam bahasa Inggeris. Dengan itu, undang-undang ibu dipinda hanya teks bahasa Inggeris sahaja. Selain daripada...

■1540

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya tidak membangkitkan isu ini tetapi dibangkitkan oleh rakan tadi, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, tidakkah kerajaan bercadang untuk menjadikan ini satu perkara yang merupakan satu *landmark*. Kita tukar Kanun Keseksaan ini pada semuanya Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Saya rasa sudah sampai masanya, sudah lebih dari 50 tahun kita merdeka. Kalau yang bahasa Inggeris, yang Bahasa Melayu ada bahasa Inggeris. Manakala yang bahasa Inggeris, langsung tidak ada Bahasa Melayu. *So,* sebenarnya daripada segi *reason*nya mengapa tidak ada langsung dalam Bahasa Melayu? Walaupun saya faham kita tidak meminda yang Bahasa Melayu tetapi sekurang-kurangnya sepatutnya perlu ada. Jadi biarlah *fair and square*. Saya pohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya berkongsi keprihatinan atas perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi tadi. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan isu mengenai bahasa. Jadi saya juga merasa terima kasihlah kepada pihak Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai bahasa kebangsaan kita. Saya rasa usaha-usaha sememangnya diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan dan juga menyediakan teks dalam bahasa kebangsaan untuk menyenangkan semua pihak. Jadi, dengan itu banyak lagi rang undang-undang yang saya perlu bentang Tuan Yang di-Pertua, jadi yang mana yang saya tidak sempat untuk menjawab mengenai perkara ini, kita ada lagi rang undang-undang yang *consequential* yang mana Ahli Yang Berhormat boleh bertanya dan juga mencelah selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Liew Vui Keong: Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat Senator?

Dr. Syed Husin Ali: Soalan saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Tadi saya ada bertanyakan tentang apakah hukuman terhadap orang yang menyokong golongan *terrorist*? Ini kerana saya lihat dalam rang undang-undang ini, tidak ada disebutkan perkara itu ataupun mungkin saya tersalah pandang.

Datuk Liew Vui Keong: Memang dalam akta ini Yang Berhormat tidak ada mengatakan mereka yang menyokong boleh disalahkan dalam undang-undang ini. Akan tetapi sekiranya mereka dibuktikan menjadi ahli kumpulan yang tidak dibenarkan, jadi saya rasa mereka boleh diambil tindakan terhadap undang-undang yang diberikan. Akan tetapi bagi seksyen yang telah pun dikatakan tadi iaitu seksyen 130J iaitu yang mana kita dapat menekan di sini *imprisonment for life* juga akan diberikan kepada mereka yang telah pun didapati menyokong perkara ini.

Jadi, mengikut akta yang saya dapat beri, 130J iaitu *Penal Code* yang mengatakan:

"(1) Whoever knowingly and in any manner solicits support for, or gives support to;

(a) any terrorist group; or

(b) the commission of a Terrorist Act,

Shall be punished with imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding thirty years, or with fine, and shall also be liable to forfeiture of any property used or intended to be used in connection with the commission of the offence."

Jadi dalam akta yang kita bentangkan ini untuk Kanun Keseksaan telah pun jelas mengatakan bahawa ada wujudnya seksyen 130J yang akan menuduh mereka yang menyokong *terrorist group* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang disebutkan sebagai 130J itu lebih jelas dan *detail* kalau dibandingkan dengan apa yang dikenakan terhadap mereka yang menjadi anggota tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Saya bersetuju dengan pandangan kerana di bawah seksyen 130J subsekyen 2, *support* iaitu sokongan telah pun diperjelaskan dengan lebih luas. Jadi saya rasa kalau kita bandingkan dengan mereka yang menjadi ahli, senang sahaja sekiranya kita dapat buktikan orang itu adalah seorang ahli bagi sebuah kumpulan pengganas itu. Jadi itu cukup untuk men*certify* seksyen 8 yang kita bentangkan ini. Jadi, itu sahaja yang saya dapat jawablah Yang Berhormat Senator, ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mencelah sedikit.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih. Saya mungkin tadi terlepas pandang tentang takrif demokrasi berparlimen yang mungkin telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pohon untuk sekali lagi perkara ini disebut sebab sebelum kita serahkan kepada hakim untuk memberikan definisi secara *literal rule* ataupun *golden rule* tentang isu ini. Saya pohon jawapan dalam Parlimen berkenaan dengan takrif aktiviti yang akan menyebabkan mereka ini dikenakan di bawah kesalahan ini yang berkait dengan Demokrasi Berparlimen, diberikan takrif secara jelas oleh Menteri. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa pada masa tengah hari tadi saya telah pun menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mengenai maksud aktiviti *detrimental to Parliamentary democracy.* Saya tidak ingin lagi mengulanginya kerana apa yang saya diberi oleh pegawai di belakang itu sama dengan jawapan yang saya telah pun berikan kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya fikir cukuplah setakat itu. Jika ada soalan-soalan yang belum dijawab, mungkin pihak menteri boleh menjawabnya secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1550

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) (NO.2) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua saya memohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui perutusan khas Hari Malaysia pada 15 September 2011 telah mengumumkan beberapa perubahan akan dilakukan oleh kerajaan yang membawa kesan positif kepada negara yang menyentuh pentadbiran, keadilan dan kedaulatan undang-undang negara.

Antara reformasi perundangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah merungkaikan tiga Proklamasi Darurat dan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Langkah pertama reformasi perundangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilaksanakan apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing telah meluluskan resolusi untuk merungkaikan tiga Proklamasi Darurat pada 24 November 2011 dan 20 Disember 2011.

Langkah kedua reformasi perundangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sedang dilaksanakan dengan penggubalan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 yang telah dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini. Selaras dengan penggubalan kedua-dua rang undang-undang tersebut, di dapati pindaan perlu dibuat juga kepada Kanun Tatacara Jenayah. Pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 ini bermaksud untuk melengkapi ataupun dengan izin, *complement* kedua-dua rang undang-undang yang telah dinyatakan tadi bagi memastikan tiada kelompangan undang-undang berlaku dalam menangani penyiasatan dan juga pendakwaan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan untuk memperkukuh dan menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada.

Secara amnya Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 ini adalah untuk tiga tujuan iaitu untuk menangani kelompangan undang-undang dalam menghadapi persekitaran siber, untuk mengadakan peruntukan mengenai pertambahan kuasa penyiasatan dan mengadakan peruntukan mengenai peranti pengawasan elektronik. Ketiga-tiga tujuan ini diperlicinkan seperti yang berikut.

Pertama, menangani kelompangan undang-undang dalam menghadapi persekitaran siber. Perkembangan yang pantas dalam penggunaan *internet* dan teknologi maklumat pada masa kini telah membawa kepada berleluasanya aktiviti jenayah siber dan kesalahan jenayah yang dilakukan melalui *internet*.

Untuk mengatasi masalah dan kelemahan yang wujud akibat kelompangan undang-undang berkaitan dengan aktiviti jenayah siber dan kesalahan jenayah yang dilakukan melalui *internet*, Kanun Tatacara Jenayah perlu dipinda bagi menangani isu pengumpulan data dan maklumat serta pembuktiannya di mahkamah. Rang undang-undang ini akan memasukan peruntukan untuk membaik pulih kuasa untuk mengakses data komputer dan kuasa untuk memintas komunikasi.

Pada masa ini, kuasa polis atau pegawai penguat kuasa untuk mengakses data berkomputer semasa menjalankan siasatan hanya terdapat dalam undang-undang spesifik seperti Akta Jenayah Komputer, Akta Komunikasi dan Multimedia dan akta-akta spesifik yang lain. Oleh yang demikian, kuasa untuk mengakses data berkomputer patut juga diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah untuk membolehkan polis dan agensi penguatkuasaan yang lain mengakses data berkomputer semasa menjalankan siasatan yang melibatkan kesalahan-kesalahan umum yang bukan di bawah akta-akta spesifik.

Kuasa untuk memintas komunikasi pula yang pada masa ini diperuntukkan dalam seksyen 106C, Kanun Tatacara Jenayah hanya terhad kepada siasatan kes-kes yang melibatkan kesalahan keganasan. Oleh yang demikian, perlu lagi kuasa untuk memintas komunikasi diperluas kepada siasatan kesalahan-kesalahan lain terutamanya kes-kes yang melibatkan jenayah siber dan kesalahan jenayah yang dilakukan melalui *internet*. Walau bagaimanapun, polis tidak boleh memintas komunikasi dengan sewenang-wenangnya. Oleh kerana sebelum pemintasan komunikasi dibuat, polis hendaklah mendapatkan kelulusan pendakwa raya.

Kuasa untuk mengakses data berkomputer dan kuasa untuk memintas komunikasi adalah amat perlu untuk membantu penyiasatan dan juga pendakwaan kes-kes jenayah siber dan kes-kes jenayah yang dilakukan melalui internet yang semakin meningkat dan melibatkan teknologi yang semakin kompleks. Kesukaran lain yang dialami dalam penyiasatan dan pendakwaan kesalahan jenayah siber dan aktiviti jenayah yang dilakukan melalui internet ialah untuk menentukan tempat perlakuan kesalahan itu dilakukan.

Sehubungan dengan itu, pindaan di cadangkan kepada seksyen 153 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 153, Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa setiap pertuduhan hendaklah mengandungi butiran mengenai masa dan tempat kesalahan dilakukan orang atau benda yang terhadapnya kesalahan dilakukan. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menetapkan bahawa tempat penyiaran dalam pertuduhan bagi kesalahan yang melibatkan penyiaran secara elektronik ialah tempat penyiaran itu dilihat, didengar atau dibaca oleh seseorang.

Kedua, pertambahan kuasa penyiasatan. Kuasa untuk mengelola dan memerintah tanpa waran diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah bagi membolehkan polis segera bertindak jika terdapat bukti wujudnya perlakuan kesalahan keselamatan dan jenayah terancam. Ketiga, mengadakan peruntukan mengenai peranti pengawasan elektronik.

Bagi meneruskan reformasi perundangan yang dihasratkan oleh kerajaan, pindaan juga dibuat untuk membolehkan penggunaan peranti penguasaan elektronik dalam sistem pentadbiran keadilan. Penggunaan peranti penguasaan elektronik akan dilaksanakan sebagai ganti kepada bayaran bon semasa tertuduh diberikan jaminan sementara menunggu perbicaraan dan juga sementara menunggu rayuan diputuskan.

Dengan peruntukan yang dicadangkan, tertuduh yang tidak mampu untuk membayar bon jaminan boleh dipertimbang oleh mahkamah untuk diawasi secara elektronik dan tidak perlu ditahan di penjara sementara menunggu perbicaraan.

Kaedah penguasaan secara elektronik telah lama digunakan di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom. Kaedah ini amat berkesan bagi mengurangkan kesesakan di penjara dan memastikan kehadiran tertuduh di mahkamah pada tarikh perbicaraan kerana dengan pengawasan secara elektronik tertuduh tidak dapat melarikan diri.

Pada masa yang sama pesalah tertuduh akan dapat manfaat kerana boleh terus bekerja dan dapat menjalani kehidupan mereka seperti biasa di luar penjara atau tempat tahanan. Ini adalah satu langkah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran keadilan negara kerana pada masa ini tertuduh yang tidak dapat membayar jaminan terpaksa di reman dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 memperuntukkan seperti yang berikut.

Fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 2 Kanun Tatacara Jenayah untuk memasukan takrif *communication* dan *communication service provider* yang relevan bagi pentafsiran seksyen baru seksyen 116C.

Fasal 5 rang undang-undang bertujuan untuk memasukan seksyen baru seksyen 116A, seksyen 116B dan seksyen 116C.

Seksyen baru seksyen 116A bertujuan untuk membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor untuk menjalankan kuasa menggeledah dan merampas bahan bukti tanpa waran jika dipercayai wujud keterangan berkenaan dengan perlakuan kesalahan keselamatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan Langkah-Langkah Khas 2012 dan kesalahan yang berkaitan dengan jenayah terancang sebagaimana yang disebutkan dalam Kanun Keseksaan.

Seksyen 116B bertujuan untuk membolehkan polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor untuk mengakses data berkomputer dan data yang diperoleh daripada akses tersebut boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah.

■1600

Seksyen 116C bertujuan untuk membaik pulih dan juga penyedia perkhidmatan komunikasi untuk memintas *communication*, komunikasi jika dipercayai bahawa komunikasi tersebut mengandungi maklumat berkenaan dengan perlakuan sesuatu kesalahan. Pemintasan tersebut mestilah mendapat kebenaran pendakwa raya dan apa-apa maklumat yang diperoleh daripada pemintasan itu boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah.

Fasal 6 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 127A Kanun Tatacara Jenayah berikutan pindaan kepada Kanun Keseksaan yang memasukkan bab baru VIB berkenaan dengan jenayah terancang. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 127A bertujuan untuk memasukkan kesalahan di bawah bab baru VIB Kanun Keseksaan sebagai kesalahan luar wilayah.

Fasal 7 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 153 Kanun Tatacara Jenayah untuk memperuntukkan bahawa butiran tentang tempat dalam kertas pertuduhan apabila seseorang dipertuduh atas kesalahan yang berhubungan dengan penyiaran secara elektronik ialah tempat penyiaran itu dilihat, dibaca atau didengar oleh seseorang.

Fasal 8 rang undang-undang bertujuan untuk memasukan seksyen baru 388A bagi membolehkan peranti pengawasan elektronik digunakan terhadap tertuduh. Seksyen baru, seksyen 388A ini memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk membuat perintah supaya tertuduh yang sudah dibenarkan jaminan dipakaikan peranti pengawasan elektronik sebagai ganti kepada bayaran bon.

Sebelum membuat perintah tersebut, mahkamah hendaklah memberikan peluang kepada pendakwa raya untuk di dengar. Mahkamah tidak boleh membuat perintah jika sekiranya terdapat pihak lain yang dapat kerjasama peranti penguasaan elektronik tidak dapat di pakai kepada tertuduh.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pendakwa raya juga dibenarkan untuk memohon kepada mahkamah supaya seseorang tertuduh yang akan dibebaskan dengan jaminan dipakaikan peranti pengawasan elektronik dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tertuduh itu dipakaikan peranti pengawasan elektronik sebagai ganti kepada bayaran bon.

Fasal 9 rang undang-undang bertujuan untuk memasukan seksyen baru seksyen 390A, seksyen 390B dan seksyen 390C. Seksyen baru 390A memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah menjelaskan kepada tertuduh akibat jika tertuduh gagal mematuhi kehendak pengawasan elektronik dan syarat-syarat lain yang dikenakan oleh mahkamah termasuk bayaran bagi penyelenggaraan peranti pengawasan elektronik serta tempoh masa tertuduh berada di bawah pengawasan elektronik. Sekiranya tertuduh tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, jaminannya akan dibatalkan. Jika menjadi suatu kesalahan jika tertuduh merosakkan atau memusnahkan peranti pengawasan elektronik yang dipakainya.

Seksyen baru 390B memperuntukkan obligasi ke atas mahkamah untuk mengehendaki tertuduh yang diperintahkan dipakaikan peranti pengawasan elektronik bekerjasama dengan apa-apa perkiraan yang ditetapkan bagi membolehkan tertuduh diawasi secara elektronik.

Seksyen baru 390C menyenaraikan peranti pengawasan elektronik yang boleh diguna bagi tujuan pengawasan secara elektronik iaitu peranti yang dipakaikan kepada seseorang peranti muda ahli dan peranti yang pasang di tempat pengawasan.

Fasal 10 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru seksyen 445 bagi membolehkan penggunaan peranti pengawasan elektronik terhadap tertuduh yang telah disabitkan kesalahan atau yang telah dibebaskan sementara menunggu rayuan tertuduh atau rayuan pendakwa raya selesai. Jika tertuduh yang telah berada di bawah pengawasan secara elektronik disabitkan dengan kesalahan dan tertuduh itu memutuskan untuk merayu, tertuduh itu boleh memohon kepada mahkamah supaya tempoh pengawasan secara elektronik dipanjangkan sehingga proses rayuannya selesai.

Sebaliknya jika tertuduh dibebaskan dan pendakwa raya memutuskan untuk merayu terhadap pembebasan itu, pendakwa raya boleh membolehkan pemohon memohon supaya tempoh pengawasan secara elektronik terhadap tertuduh dipanjangkan sehingga proses rayuan selesai. Bagi tertuduh yang tidak ada di bawah pengawasan secara elektronik, jika tertuduh itu disabitkan kesalahan dan berhasrat untuk merayu terhadap sabitan itu, tertuduh itu boleh memohon supaya kehendak pengawasan secara elektronik dikenakan ke atasnya sehingga rayuannya selesai. Sebaliknya jika tertuduh itu dibebaskan, pendakwa raya boleh memohon kepada mahkamah supaya tertuduh yang dibebaskan itu dikenakan pengawasan secara elektronik sehingga proses rayuan selesai.

Fasal 3, dan fasal 4, rang undang-undang memperuntukkan pindaan kepada seksyen 106A dan pemotongan seksyen 106C yang merupakan pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 ini diperlukan sebagai salah satu langkah untuk memperkukuhkan lagi peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi menangani persekitaran siber yang semakin mencabar dan kompleks. Selanjutnya dengan penggubalan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dan pindaan kepada Kanun Keseksaan bagi memansuhkan kesalahan jenayah terancang, pindaan berbangkit yang sewajarnya perlu dibuat kepada Kanun Tatacara Jenayah.

Akhirnya, pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah adalah perlu untuk mengadakan peruntukan undang-undang tentang pemakaian peranti pengawasan elektronik terhadap tertuduh yang selanjutnya dapat menambah baik sistem pentadbiran keadilan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya mempersilakan Yang Berhormat Khalid Ahmad. Tidak ada. Ada siapa-siapa lagi selain daripada Yang Berhormat Khalid? Silakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah. Saya cuma ada dua soalan yang ringkas. Pertama, di bawah pindaan 388A dengan jelas menyebut bahawa bila mana orang ini dikenakan dihadapkan ke mahkamah, mahkamah mempunyai kuasa *on it's own discretion* untuk memerintahkan orang tadi memakai peranti tersebut.

Walau bagaimanapun, bila sampai ke tahap seksyen 445, saya melihat di sini tiada kuasa mahkamah. Perkara yang pertama tadi seksyen 388 memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan supaya memakai peranti tersebut. Akan tetapi di bawah seksyen 445 ini semuanya bergantung sama ada kepada yang tertuduh yang hendak merayu ataupun kepada pihak DPP yang hendak merayu untuk memohon perintah untuk memakai peranti. *So* dalam konteks ini, kenapa kuasa ini langsung tidak memberikan kepada mahkamah dan diserahkan hanya kepada pihak-pihak yang terbabit. Itu yang pertama.

Kalaulah tadi disebut di peringkat awal yang mengatakan bahawa pemakaian *device* ini adalah semata-mata untuk menggantikan jaminan *in the execution of a bond,* kenapa di bawah seksyen 445 ini tidak dimasukkan terus bahawa permohonan untuk memakai segala *device* ini adalah sebagai ganti kepada *execution of a bond.* Kenapa perkara ini tidak dimasukkan di sini? Sekali lagi untuk di bawah seksyen 445(a), seksyen 445(b). Begitu juga hal yang sama bila mana mereka ini bukan orang yang pada awalnya memakai alat tersebut, dia juga perlu memohon.

Dalam konteks ini saya hendak tanya dari segi kuasa. Kenapa kuasa ini tidak ditarik kepada pihak mahkamah? Keduanya, perkara ini amat berkaitan dengan perkara elektronik. Setakat ini bagaimanakah persiapan di pihak KDN khususnya memiliki pakar-pakar yang benar-benar mampu untuk berada di seluruh negara kerana kalau kes ini berlaku bukan hanya berlaku di bandar besar, tetapi juga berlaku di mahkamah-mahkamah tinggi seluruh negara. Berapa orangkah pakar-pakar yang boleh mengendalikan perkara ini kerana kita tidak mahulah bila kita dah jalankan perkara ini, ada masalah lain, kekurangan pakar. Terima kasih.

■1610

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lain kalau tidak ada saya harap minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi atas soalan ini. Pertamanya kita kena membezakan seksyen 388A bersama dengan seksyen 445 ini. Dalam seksyen 388A keadaannya ialah apabila mahkamah membebaskan seorang itu di bawah jaminan di bawah seksyen 387 ataupun 388. Ini adalah berbeza dengan 445 di mana tertuduh orang itu telah pun dituduh di mahkamah dan selepas itu telah pun didapati bersalah oleh mahkamah tetapi rayuan telah pun dibuat dan tertuduh boleh memohon kepada mahkamah untuk satu masa di mana peranti itu boleh digunakan terhadap dia sehinggalah rayuan itu telah pun diselesaikan.

Keadaan yang kedua di bawah seksyen 445 ialah apabila tertuduh itu telah pun didapati tidak bersalah dan pihak mahkamah dan pihak pendakwa raya buat keputusan untuk membuat rayuan terhadap kebebasan itu di mana pihak pendakwa raya *may apply* kepada mahkamah untuk peranti tersebut digunakan terhadap tertuduh sehinggalah rayuan itu selesai.

Jadi, ini adalah dua keadaan yang berbeza dan kuasa tidaklah diberi kepada sesiapa tetapi kepada mahkamah untuk menentukan sama ada peranti itu diguna ataupun tidak terhadap orang yang telah pun di bebas daripada siasatan tetapi *is on bail.* Kepada orang yang telah pun dituduh dan telah pun didapati bersalah. Ini adalah dua perbezaan. Maka dengan itu saya rasa saya akhirnya dapat menjawab mengenai soalan yang lain, saya rasa saya akan menjawab secara lisan sekiranya perlu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

***[Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang Undang-undang dilaporkan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN) (NO.2) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.15 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 ini bermaksud untuk melengkapi dengan izin, *complement* Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012, dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012, yang telah dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bagi memastikan tiada kelompongan undang-undang berlaku dan untuk memperkukuhkan dan menambah baik peruntukan undang-undang sedia ada, khususnya dalam mengatasi masalah dan kelemahan aktiviti jenayah siber dan kesalahan jenayah melalui *internet*.

Perkembangan yang pantas dalam penggunaan internet dan teknologi maklumat pada masa kini telah membawa kepada berleluasanya aktiviti jenayah siber dan kesalahan jenayah yang dilakukan melalui *internet*. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengenal pasti bahawa Akta Keterangan 1950 perlu dipinda bagi menangani isu ketanpanamaan *internet* ataupun internet *anonymity*.

Susan W. Brenner, seorang profesor undang-undang dan teknologi di *University of Dayton School of Law t*elah menggambarkan isu internet *anonymity,* seperti yang berikut, dengan izin. *"A man can be a woman, a woman can be a man. A child can be an adult, a foreigner can pass for a native. All of which makes the apprehension of cyber criminal that much more difficult".* "Penggunaan internet membolehkan sesiapa sahaja menyembunyikan identiti sebenar mereka dan ini menjadikan ketanpanamaan pelaku kesalahan jenayah satu halangan paling besar dalam menangani aktiviti jenayah siber. Jenayah yang dilakukan melalui *internet* seperti menghasut, menipu, menghina mahkamah, menceroboh dan mencuri maklumat.

Pelbagai teknik boleh digunakan oleh penjenayah untuk menyembunyikan identiti mereka dan ada kalanya mustahil untuk menentukan punca sebenar sesuatu e-mel atau data komunikasi elektronik yang lain. Selanjutnya, walaupun boleh dikenal pasti komputer yang digunakan untuk melakukan jenayah tetapi amat sukar untuk membuktikan siapakah sebenarnya yang menggunakan komputer tersebut. Contoh yang paling jelas ialah semasa serangan pengganas di Mumbai, India. Apabila terdapat e-mel dihantar kepada beberapa stesen televisyen sebelum letupan berlaku.

Walaupun dapat dikenal pasti dengan jelas lokasi, alamat IP dan pemiliknya tetapi amat sukar untuk membuktikan siapakah yang sebenarnya menghantar e-mel tersebut. Penyelesaian bagi masalah ini ialah dengan mengalihkan tumpuan kepada pihak lain yang boleh dikenal pasti seperti pemilik komputer, pemilik alamat IP (*IP address),* pemilik alamat e-mel dan pemilik kelengkapan dan peralatan yang daripadanya kesalahan jenayah dilakukan dan mengenakan anggapan liabiliti ke atas mereka tanpa mengira bahawa penglibatan mereka adalah secara langsung atau tidak langsung.

Oleh yang demikian, kerajaan mencadangkan peruntukan sewajarnya mengenai anggapan yang berasaskan *owner honest principal* dimasukkan dalam Akta Keterangan 1950. Tujuan peruntukan anggapan berasaskan *owner honest principal,* adalah untuk meringankan beban pembuktian berhubung dengan fakta tertentu. Walau bagaimanapun, pihak pendakwa yang ingin bersandar kepada peruntukan anggapan mesti membuktikan terlebih dahulu kewujudan fakta-fakta tertentu sebelum anggapan boleh dibuat terhadap seseorang.

Apabila wujud keterangan yang cukup untuk dibuat anggapan terhadap seseorang dan mahkamah berpuas hati bahawa anggapan boleh dibuat, beban pembuktian untuk membuktikan atau menyangkal anggapan itu berpindah kepada orang yang terhadapnya anggapan dibuat.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 memperuntukkan seperti yang berikut:

(i) fasal 2 rang undang-undang bertujuan untuk menggantikan takrif 'komputer' dengan takrif 'komputer' yang baru, yang lebih komprehensif dan selaras dengan takrif 'komputer' dalam Akta Jenayah Komputer 1997;

(ii) fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 114A yang membolehkan mahkamah untuk membuat anggapan fakta dalam kes-kes yang melibatkan penyiaran melalui internet. Anggapan yang boleh dibuat ialah:

(a) seseorang yang nama, nama samaran atau gambarnya terdapat pada mana-mana penyiaran yang menggambarkan dia sebagai pemilik, hos, pentadbir, editor atau subeditor atau dia dengan apa-apa cara membantu dalam sesuatu penyiaran, orang itu boleh dianggap sebagai orang yang membuat penyiaran tersebut;

(b) seseorang yang berdaftar sebagai pelanggan mana-mana penyedia perkhidmatan rangkaian internet dan jika terdapat penyiaran dibuat dari rangkaian yang dilanggannya, ia boleh dianggap sebagai orang yang membuat penyiaran tersebut; dan

(c) seseorang yang ada dalam milikan atau jagaannya komputer, yang dari komputer itu sesuatu penyiaran dibuat boleh dianggap sebagai orang yang membuat penyiaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 ini diperlukan sebagai salah satu langkah untuk memperkukuhkan lagi peruntukan undang-undang sedia ada bagi menangani persekitaran siber yang semakin mencabar dan kompleks pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan 1950, di baca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada sesiapa yang mahu berucap? Ya, silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

4.22 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan izin kepada saya untuk berbahas meminda Akta Keterangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membangkitkan beberapa isu.

Yang pertama ialah mengenai dengan pindaan di sini iaitu meminda definisi komputer. Melalui rang undang-undang ini maka definisi komputer amatlah luas sekali. Saya rasa ia telah diambil daripada definisi komputer daripada *Computer Crimes Act* yang begitu luas sekali, yang meliputi segala jenis komputer, elektronik, magnetik dan sebagainya yang terdapat di pasaran masa kini. Saya rasa amatlah sesuai kerana sekarang ini dalam zaman sains dan teknologi yang begitu canggih ini, maka perlulah ada definisi komputer yang amat luas sekali untuk merangkumi segala jenis komputer yang terdapat dalam pasaran.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan pindaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu satu pindaan yang melibatkan *assumption* dengan izin, iaitu anggapan fakta dalam undang-undang keterangan ini di mana sekarang ini kementerian atau kerajaan mengubah atau meminda *honest to proof* Tuan Yang di-Pertua iaitu beban untuk membuktikan telah dipindah daripada *prosecutor* kepada orang yang tertuduh. Ia adalah satu *provision* ataupun peruntukan yang biasanya berlaku di mana-mana akta berbentuk jenayah.

Contohnya dalam akta yang melibatkan undang-undang curi dan sebagainya. Kalau seseorang itu didapati mencuri tetapi tidak ada bukti yang jelas hanya *prosecutor* mendapati bahawa benda yang *subject matter* itu, dengan izin, berada terdapat dalam tangan yang tertuduh itu, dalam segi undang-undang dia *presume,* ada *presumption*nya anggapan fakta bahawa dialah si pencuri itu, kecualilah dia boleh debat, kecuali dia boleh membuat hujah-hujah yang mengatakan sebaliknya. Demikian juga dengan undang-undang jenayah dalam segi *corruption*. Kalau seseorang itu didapati memegang wang *corruption* yang menjadi *subject matter* kes itu, maka dalam segi undang-undang seorang itu di *presume* atau dianggap fakta sebagai orang yang telah menerima rasuah.

Dalam rang undang-undang seperti ini sudah dibuat seperti itu, yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa seseorang yang memiliki komputer ataupun alamat e-mel beliau katakan tadi dianggap sebagai orang yang telah menyebarkan maklumat. Dianggap bahawa sumber maklumat itu datang daripada pemilik komputer itu ataupun pemilik e-mel itu. Jadi, dari segi undang-undang di *presumed,* dianggap fakta bahawa beliaulah yang bersalah, beliaulah yang menyebarkan maklumat yang dilarang dan kecuali dia debat, kecuali dia membuktikan sebaliknya maka beliaulah yang didapati bersalah. Begitulah saya rasa isi kandungan *amendment* yang dibuat oleh kerajaan ini iaitu mengalihkan *burden* itu, beban membukti itu daripada *prosecutor* kepada orang yang tertuduh.

Cuma di sini saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, tentang implikasinya nanti terhadap pindaan ini, *presumption* ini yang saya ingat adalah kes-kes di mana seorang pemilik komputer – contohnya, yang jelas saya ingat sekarang ini di *cyber cafe. Cyber cafe* ini ialah satu *business* yang menjalankan perkhidmatan siber.

Kita boleh melayari internet di sana dan kalaulah penjenayah itu menggunakan siber internet itu sebagai sumber ataupun tempat dia membuat jenayah, maka pemilik *cyber cafe* tadi itu yang mempunyai *control,* dengan izin, yang komputer-komputer itu ataupun *internet* tadi itu, dia tidak boleh ketahui siapakah orang yang telah menggunakan komputer itu kerana pelanggan keluar masuk dan keluar masuk.

Jadi, dia tidak tahu dan susah untuk mengesan. Kalaulah jenayah itu berlaku di *cyber cafe* nya oleh seorang yang tidak dikenali, pelanggan yang tidak dikenali maka dia sekarang ini terpaksa membuktikan bahawa sumber maklumat yang dilarang itu datang dari dia, pemilik *cyber cafe* itu kecuali dia boleh membuktikan sebaliknya yang bukan dia, maka dia seterusnya akan disabitkan kesalahan. Jadi, ini yang saya ingin tanya, bagaimanakah kerajaan boleh menyelesaikan persoalan sedemikian melibatkan, orang yang *innocent* atau orang yang tidak bersalah dalam kes ini sebab kita tidak mahu mendakwa, apatah lagi mensabitkan orang-orang yang *innocent* yang tidak membuat perkara itu tetapi disabitkan atau didakwa di mahkamah.

Jadi, itu yang saya ingin timbulkan. Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu tidaklah begitu material. Saya nampak hanya dua sahaja iaitu definisi komputer dan juga *presumption*. Satu pindaan yang besar terhadap akta keterangan, akta ibu kita. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

4.28 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya menyertai perbahasan Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012. Merujuk kepada Akta Keterangan ini yang diberi dalam bahasa Inggeris, sebenarnya saya hendak bangkit tadi tetapi ada Yang Berhormat yang lain sudah bangkit. Saya mintalah kalau boleh lain kali berikan kita dalam bahasa Malaysia, dua versi. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa akan datang memanglah beri kita kalau boleh *two version* lah. Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak ada ya?

■1630

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Keterangan ini telah menimbulkan banyak kemusykilan pada pendapat saya kerana pindaan itu adalah tentang andaian atau pun tadi Timbalan Menteri kata anggapan. Seksyen 114A adalah tentang andaian itu *presumptions of fact in publication,* dengan izin. Kita semua faham bahawa di dalam dunia internet penulis dapat menjadi *anonymous.* Adalah sangat susah untuk menjatuhkan hukuman mahkamah ke atas penulis blog yang *anonymous* ini, dengan izin. Adalah bahaya kepada seseorang yang didakwa sekiranya dia tidak dapat membuktikan andaian atau anggapan itu salah.

Orang yang didakwa haruslah diberi *benefit of doubt,* dengan izin, bukan sebaliknya. Orang yang didakwa perlu membuktikan bahawa andaian itu adalah salah. Adakah ini memberikan maksud orang yang didakwa itu perlu membuktikan dia tidak bersalah? Bukankah pendakwa raya yang perlu membuktikan orang yang didakwa itu bersalah, jadi terbalik, sebaliknya.

Merujuk kepada seksyen 114A(1), seseorang yang mana namanya, fotonya atau nama samarannya kelihatan di sesuatu penerbitan sebagai pemunya hos, pentadbir, penyunting dan sebagainyalah, diandaikan telah menerbitkan kandungan penerbitan tersebut kecuali sebaliknya dapat dibuktikan. Di sini saya hendak ambil satu contoh dengan cerita, katakanlah Datuk Haji Abdul Rahman. Ada orang menggunakan nama dan juga *photo* Datuk Haji Abdul Rahman untuk membuka satu akaun blog. Kalau blog itu membuat sesuatu artikel, menulis satu artikel yang baik tidak mengapa. Kalau blog ini menyiarkan atau menerbitkan sesuatu artikel yang boleh mengancam keselamatan negara, Datuk Haji Abdul Rahman tidak tahu. Akan tetapi pada satu malam mungkin polis itu datang ke rumah Datuk Haji Abdul Rahman dan kata Datuk Haji Abdul Rahman punya blog ada menyiarkan artikel macam ini.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya marahlah... *[Ketawa]*

Puan Chew Lee Giok: Maka, *actually* Datuk Haji Abdul Rahman kena membuktikan bahawa blog ini bukan kepunyaannya. Macam mana Datuk Haji Abdul Rahman hendak buktikan. Inilah kemusykilan di sini. Susah hendak buktikan sebab dia gunakan nama Datuk, guna *photo*, alamat Datuk pun dia tahu, mungkin *handphone* pun dia tahu, biasalah, betul tidak Datuk?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul. Susah, susah.

Puan Chew Lee Giok: Susah hendak buktikan. Itu yang saya khuatir ini. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bayangkan betapa mudah seseorang penyamar boleh memfitnah musuhnya. Bukannya susah untuk membuat sesuatu akaun *Twitter, Facebook, blog,* sudah biasalah sekarang. Bukannya susah untuk meletakkan nama musuh atau *photo profile* untuk musuh pada akaun yang menyamar tersebut. Penyamar boleh menerbitkan sesuatu kandungan yang salah dari segi undang-undang, betapa mudahnya untuk memfitnah musuhnya.

Bayangkanlah seksyen 114(2), seseorang yang berdaftar dengan *network service provider,* contohnya *TM.Net, UniFi, P1, Celcom, Streamyx* atau *Maxis, DiGi* dan sebagainya sebagai pengguna. Sekiranya penerbitan itu berasal dari akaunnya, adalah diandaikan bahawa dia telah menerbitkan hasil penerbitan itu kecuali sebaliknya dapat dibuktikan. Contohnya, katakan seorang yang bernama Siti, dia bekerja di sebuah syarikat sebagai pegawai biasa dan bosnya minta dia pergi buka akaun *Streamyx*, mestilah di bawah nama dia, *then* akaun *Streamyx* ini akan digunakan oleh semua pekerja di syarikat ini.

Kalaulah ada pekerja yang sewaktu kerja dan dia *posting* sesesuatu komen yang panjang, yang merupakan fitnah terhadap seseorang ahli politik, maka ahli politik itu dia mungkin akan panggil peguam yang menyaman orang yang memberi komen itu. Siapa yang kena? Siti yang kena dan bukan pekerja yang buat itu sebab penama akaun itu *under* nama Siti. Macam mana, bagaimana Siti yang menjadi pemunya akaun *Streamyx* ini dapat membuktikan bahawa dia tidak menerbitkan komen tersebut sebab komen itu memang berasal dari akaun dia.

Saya berpendapat andaian begitu memudahkan pendakwaan, kalau senang-senang buat andaian memang senang untuk mendakwa seseorang tidak kira dia bersalah atau tidak. Seksyen 114A(3), seseorang yang mempunyai komputer di bawah kawalannya. Sekiranya penerbitan itu berasal daripada komputernya, dia diandaikan telah menerbitkan hasil penerbitan tersebut kecuali sebaliknya dibuktikan. Komputer dalam konteks ini boleh merujuk kepada banyaklah. Komputer riba, komputer *tablet* seperti *iPad, Galaxy Tab* dan juga perlu berbagai *smartphone* seperti *iPhone, BlackBerry y*ang kita punyai sekarang pada hari ini.

Ramai Yang Berhormat yang mempunyai *smartphone*. Ada Yang Berhormat mempunyai *assistant,* pemandunya. Macam saya tidak ada *assistant*. Berhati-hatilah. *Smartphone* jangan *simply you* bagi digunakan oleh *assistant* kalau dia men*tweet*kan sesuatu yang boleh dianggap sensitif, berbau perkauman atau menjatuhkan maruah seseorang, maka apa akan terjadi? Yang Berhormat tersebut hendaklah membuktikan bahawa *tweet* ini bukan dibuat oleh Yang Berhormat. Kalau tidak, nantilah kementerian akan datang mencari kita. Itu yang saya khuatir tentang andaian yang dibuat dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya yang lain ialah:

(i) berapakah kes penyamaran di *internet* yang telah dilaporkan dalam lima tahun kebelakangan ini,

(ii) berapakah kes jenayah komputer yang telah dilaporkan dalam lima tahun kebelakangan ini,

(iii) berapakah kes jenayah komputer yang didakwa dalam lima tahun kebelakangan ini,

(iv) berapakah kes kecurian identiti yang dilaporkan dalam lima tahun kebelakangan ini dan

(v) bagaimanakah ayat dalam undang-undang ini dapat diubah untuk mengelakkan penyamar membuat fitnah ataupun kecurian identiti.

Akhir kata, memudahkan pendakwaan bagi kes-kes yang melibatkan internet dan komputer adalah perlu tetapi kita juga perlu prihatin supaya penyamar yang tidak bertanggungjawab tidak mengambil kesempatan undang-undang ini untuk memfitnah orang yang lain. Kita semua tahu penyamaran di dunia *internet* ini memang sangat senang dan sangat mudah. Maka, saya berharap boleh mendapat penjelasan yang meyakinkan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya ingin katakan di dunia sebenar ini, lelaki tetap lelaki, perempuan tetap perempuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa lagi yang hendak bercakap tentang rang undang-undang ini? Silakan Yang Berhormat.

4.37 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya juga turut menyokong apa yang telah pun disebutkan oleh rakan-rakan tadi cuma saya ada sedikit pertanyaan berkenaan dengan *server computer* ini. Memang sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi ini mungkin akan menyebabkan berlaku masalah penyamaran. Jadi, dari sudut *server*, kalau *server* ini berada di luar negara, adakah kita boleh mendapatkan kuasa ekstradisi untuk memanggil orang yang jaga *server* itu untuk sahkan daripada mana sebenarnya asal perkara ini. Ini kerana banyak benda yang berlaku kadang-kadang bukan berlaku dalam *server* dalam negara. Jadi dalam konteks ini, ini perkara yang saya hendak tanya.

Kedua, kalau perkara ini melibatkan orang biasa mungkin kita boleh senang hendak buat tindakan, cari *blogger* ini, cari orang yang bersalah tetapi kadang-kadang kita terima perkara-perkara yang pelik ini bukan daripada nombor yang biasa. Nombor yang kita tidak kenal dan kadang-kadang mungkin juga daripada syarikat yang mengendalikan telefon itu sendiri ataupun secara umum dimasukkan macam itu sahaja.

Jadi dalam konteks ini, adakah pihak yang terima ini dengan serta-merta kena pergi mengadu kepada pihak polis supaya dia tidak akan terkena dan dikatakan antara orang yang terlibat untuk menyebarkan. Jadi dalam konteks ini, apakah langkah yang harus dibuat oleh orang yang menerima SMS atau e-mel tersebut daripada pihak yang tidak bertanggungjawab dan sejauh manakah kita mampu untuk mencari orang yang mengendalikan *server* yang boleh mengetahui daripada mana teks asal atau apa yang dipindahkan melalui komputer tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Minta Yang Berhormat menjawab.

4.39 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya di sini ingin menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Maijol bin Mahap mengenai pemilik siber kafe di mana komputer digunakan oleh seseorang pengguna.

■1640

Untuk maklumat Yang Berhormat, adalah perlu untuk pemilik *cyber cafe* membuat ataupun mengadakan suatu mekanisme untuk merekodkan atau mendaftarkan seseorang pengguna yang datang ke *cyber cafe* yang menggunakan *internet* di *cyber cafe* mereka itu. Selain daripada itu, pemilik *cyber cafe* juga perlu membuat pengawalan yang sewajarnya terhadap pengguna komputer bagi mengelakkan ianya tidak disalahgunakan. Ini adalah satu tanggungjawab atau *responsibility* yang mana kerajaan harap pihak pemilik dapat menjalankan tanggungjawab mereka untuk memastikan mereka yang menggunakan internet di *cyber cafe* itu dapat didaftarkan nama-nama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok juga bertanya mengenai perutusan *assumption* ataupun anggapan yang memindahkan beban pembuktian kepada seseorang suspek ataupun tertuduh. Untuk maklumat Yang Berhormat, ianya adalah peruntukan yang lazim digunakan di mana-mana negara di mana seperti di negara United Kingdom, di Amerika Syarikat, Hong Kong dan lain-lain.

Undang-undang dadah dan juga rasuah di Hong Kong menggunakan peruntukan sedemikian secara meluas. Kita ingin memahami mengenai seksyen 114A ini Tuan Yang di-Pertua, di mana kita ada *saving provision* yang mengatakan *unless the contrary is proved.*

Ini memberikan mereka yang telah pun dituduh yang menggunakan nama ataupun fotograf ataupun nama-nama lain dalam *publication* yang mengatakan mereka adalah pemilik ataupun *host* ataupun *administrator*, *editor* dan *sub editor* dan di mana sekiranya orang itu telah pun menyamarkan nama orang yang sebenarnya, orang yang sebenarnya hanya boleh membuktikan pada masa siasatan di mana dia berada sama juga memberikan satu *defend of alibi.* Jadi, ini boleh senang membuktikan secara *not beyond reasonable doubt,* dengan izin, *but on the balance of probability* bahawa dia tidak ada di tempat berkenaan yang menggunakan komputer ataupun akses *internet.* Ini sama juga kepada mereka yang telah pun didaftar dengan *network service* yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew tadi.

Sekiranya 'Siti' telah pun digunakan sebagai nama yang didaftar tetapi yang memasukkan *internet* itu menggunakan namanya. Dia boleh membuktikan, *that is where the provision* amat penting, *that is the contrary is proved* yang mengatakan dia tidak ada di situ pada masa yang berkenaan, dia boleh memberikan *defend* seperti *defend of alibi* ataupun membuktikan...

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Tunggu ya. Ataupun membuktikan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada minta mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tan Sri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau waktu itu 'Siti' pun dekat *office,* dia pun *online* macam yang pertama tadi kata. Waktu itu pun Yang Berhormat itu *online* waktu itu, dia gunakan komputer. Sama-sama waktu menggunakan komputer. Macam mana nak buktikan? Terima kasih.

Datuk Maijol Mahap: Saya juga ingin mencelah Tan Sri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut tentang *cyber cafe*. Memang betul setiap *cyber cafe* nanti akan menyediakan satu daftar di mana setiap pengguna komputer di situ akan mendaftarkan nama masing-masing sebelum menggunakan komputer. Akan tetapi setahu saya amalan seperti ini adalah *voluntary.* Sekarang ini *voluntary basis*, sukarela. *Cyber-cyber cafe* tidak menggunakan sistem begitu. Setahu saya mereka cuma masuk dan pemilik premis itu hanya beritahu, "*you* guna komputer itu". Tidak ada pun daftar nama, IC dan sebagainya, tidak ada.

Jadi, kalau rang undang-undang ataupun akta ini dikuatkuasakan, maka kerajaan haruslah juga atau pun *sequential*, dengan izin, haruslah juga mewajibkan setiap pemilik *cyber cafe* itu membuat daftar sebagai satu kewajipan, *mandatory requirement,* dengan izin. Kalau tidak nanti apabila dia didakwa kerana komputernya digunakan oleh orang lain, oleh pelanggan, maka terlalu susah untuk dia *defend* diri dia walaupun *burden of proof* itu hanyalah *balance of probability* dan bukan *beyond reasonable doubt* tetapi dia masih juga terpaksa membuktikan walaupun atas *balance of probability*. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Inilah di mana kita kena memastikan bahawa pengguna *internet* ini amatlah bertanggungjawab untuk memastikan mereka janganlah menyalahgunakan *internet* yang telah pun berleluasa ini yang telah pun memudahkan kehidupan kita tetapi kita tidak dapat nafikan bahawa ada yang tidak bertanggungjawab. Inilah di mana undang-undang ini digubal untuk memastikan mereka yang tidak bertanggungjawab itu dihadapkan ke mahkamah sekiranya mereka telah melanggar undang-undang.

Untuk maklumat Yang Berhormat Datuk Maijol, mengenai mengadakan satu kewajipan untuk mereka mendaftar. Saya rasa ini mungkin satu pertimbangan yang baik. Mungkin akan ditimbang oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kita ada satu kawalan kepada mereka yang menggunakan *internet* di *cyber café.* Akan tetapi pada masa yang sama, kita tidak juga dapat mengawalkan mereka yang tidak menggunakan *internet* di *cyber cafe* tetapi menggunakan *internet* sendiri melalui iPad ataupun melalui iPhone dan juga melalui banyak bahan.

Jadi, saya rasa kawalan itu amatlah susah tetapi yang penting sekarang ini seperti yang saya katakan tadi kepada Yang Berhormat Senator Puan Chew ialah di mana kita haraplah kita jangan ada terbit ramai orang seperti 'Siti' ini di mana dipergunakan sekiranya kita disuruh untuk melakukan sesuatu, kita gunakan alamat orang yang menyuruh kita buat itu. Jangan gunakan identiti kita sendiri ataupun alamat kita sendiri dan memberikan itu kepada lain orang untuk menggunakan.

Ini amatlah bahaya tetapi walau bagaimanapun seperti yang saya katakan, *until the contrary is proved,* ini memberikan mereka yang telah pun disiasat ataupun dituduh satu peluang untuk menjelaskan di mana mereka berada pada masa kejadian itu berlaku. Itu amatlah penting. Saya rasa dalam keadaan begitu, kita kenalah memberikan *the doubt* kepada mereka yang dapat memperjelaskan kedudukan mereka sebenar pada masa kejadian. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga bertanya mengenai *server* yang berasal daripada luar negara, sama ada mereka boleh dipanggil. Untuk maklumat Yang Berhormat, saya telah pun dimaklumkan bahawa mereka boleh dipanggil ke negara ini untuk memberi keterangan dan yang melibatkan *mutual legal assistance, on that concept* di mana *the process server* boleh datang ke negara ini untuk memberi keterangan sekiranya dipanggil oleh pihak mahkamah.

Yang Berhormat juga bertanya mengenai sama ada mereka boleh ekstradisikan pemilik *server*. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Akta Ekstradisi 1992 telah pun dibuat kepada orang yang boleh dituduh. Jika perlu, mahkamah boleh memanggil mereka yang memberikan *service provider* di luar negara seperti yang saya katakan tadi. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sempat menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan dengan itu saya ucapkan sekian, terima kasih kepada mereka. Terima kasih.

■1650

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG LAUT WILAYAH 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.52 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi Laut Wilayah Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini lebar laut Wilayah Malaysia dan had laut wilayah negeri-negeri ditetapkan di bawah Ordinan 7 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1969 (Ordinan No.7) 1969 yang telah mula berkuat kuasa pada 10 Ogos 1969 dan telah digubal di bawah fasal (2) Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Ordinan No.7, 1969 menetapkan bahawa lebar laut Wilayah Malaysia ialah 12 batu nautika. Manakala bagi negeri-negeri tidak melebihi tiga batu nautika daripada garis air surut sepanjang pantainya bagi tujuan Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966, Kanun Tanah Negara dan apa-apa undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan tanah yang berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak.

Ordinan No.7, 1969 telah digubal mengikut peruntukan-peruntukan di bawah *Geneva Convention on the Territorial Sea and Contiguous Zone (Convention 1958),* dengan izin. Malaysia telah menjadi ahli kepada konvensyen tersebut pada 21 Disember 1960. Pada 14 Oktober 1966, Malaysia menjadi negara ahli kepada Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai undang-undang laut iaitu KUUL 1982 yang telah menggantikan Konvensyen 1958 tersebut. Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 ini telah mengambil kira peruntukan-peruntukan KUUL 1982 berkenaan dengan laut wilayah secara sewajarnya.

Sebagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Proklamasi Darurat pada 15 Mei 1969 yang di bawah Artikel 150, Perlembagaan Persekutuan telah diungkaikan atau pun, dengan izin, *announced*, oleh kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 24 November 2011 dan 20 Disember 2011 masing-masingnya dan telah terhenti berkuat kuasa selaras dengan kehendak fasal (3), Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan. Menurut fasal (7), Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Ordinan No.7, 1969 akan terhenti kuat kuasanya apabila habis tempoh enam bulan daripada tarikh Proklamasi Darurat terhenti berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 perlu digubal memandangkan bahawa tiada Undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No.7, 1969. Dalam hal ini Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 ini perlu dibentangkan dan diluluskan pada mesyuarat yang bersidang kali ini bagi mengelakkan masalah undang-undang timbul jika tiada Undang-undang Persekutuan yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia setelah Ordinan No.7, 1969 terhenti berkuat kuasa kelak. Oleh itu Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 perlu dikuatkuasakan lagi bagi mengekalkan hak kedaulatan Malaysia ke atas laut wilayahnya dan bagi memastikan keutuhan sempadan laut Wilayah Malaysia terus terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta yang telah saya kemukakan tadi adalah jelas bahawa pada masa kini Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 amat penting bagi memelihara hak kedaulatan negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak pernah berkompromi dalam isu keselamatan negara. Justeru, sebagai satu langkah bagi menjamin keutuhan, keselamatan dan integriti wilayah kekal sebagaimana sedia ada, kerajaan mencadangkan agar Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 terdiri daripada tujuh fasal seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan tarikh kuat kuasa akta ini iaitu pada 22 Jun 2012 dan pemakaiannya. Sebagaimana yang disebutkan terdahulu, akta ini perlu dikuatkuasakan sebaik sahaja Ordinan No. 7 1969 terhenti berkuat kuasa.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan tertentu yang digunakan di dalam akta ini.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi had laut Wilayah Malaysia berdasarkan prinsip Undang-undang Antarabangsa dan KUUL 1982. Fasal 3 memperuntukkan bahawa lebar laut Wilayah Malaysia ialah 12 batu nautika yang diukur dari garis pangkal yang ditetapkan menurut seksyen 5, Akta Garis Pangkal Zon Maritim 2006. Ini adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 3(1) Ordinan No. 7 1969 dan adalah selaras dengan Artikel 3, KUUL 1982 yang menyatakan seperti yang berikut, dengan izin, *"Article 3 – Breadth of the territorial sea. Every state has the right to establish the breadth of its territorial seas up to a limit not exceeding 12 nautical miles, measured from baselines determined in accordance with this Convention"*

Fasal 3 juga menyatakan bahawa bagi maksud Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966, Kanun Tanah Negara dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan tanah yang berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak, apa-apa sebutan mengenai laut wilayah dalamnya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai bahagian laut itu yang terletak berdampingan dengan pantai wilayah iaitu tidak melebihi tiga batu nautika yang diukur dari garis air surut.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa hak kedaulatan berkenaan dengan laut wilayah dan berkenaan dengan dasarnya dan tanah bawahnya terletak hak pada dan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai hak Malaysia. Fasal 4 adalah selaras dengan artikel 2, KUUL 1982 yang menyatakan seperti yang berikut, dengan izin, *"Article 2 – Legal status of the territorial seas of the air space over the territorial sea and of its bed and subsoil.*

■1700

(i) the sovereignty of a coastal State extends, beyond its land territory and internal waters and, in the case of an archipelagic State, its archipelagic waters, to an adjacent belt of sea, described as the territorial sea.

(ii) This sovereignty extends to the air space over the territorial sea as well as to its bed and subsoil.

(iii) The sovereignty over the territorial sea is exercised subject to the Convention and to other rules of international law.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peta dan carta had laut wilayah.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa apa-apa sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis, perkiraan atau surat cara yang lain mengenai perairan wilayah hendaklah setakat yang sebutan itu menyentuh Undang-undang Persekutuan bererti laut wilayah dan hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada peruntukan akta ini. Istilah laut wilayah iaitu, dengan izin, *territorial sea* adalah selaras dengan istilah yang digunakan oleh KUUL 1982.

Fasal 7 memberi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi menguatkuasakan peruntukan akta ini sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk mewujudkan Akta Laut Wilayah 2012 adalah bagi mengekalkan hak kedaulatan Malaysia ke atas laut wilayahnya. Pada masa yang sama, akta ini masih mengekalkan hak dan kuasa pihak berkuasa negeri dalam kawasan laut wilayah negeri. *Status quo,* dengan izin, laut Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri adalah tidak terjejas dan masih terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi laut Wilayah Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

5.02 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Saya rasa semua orang tahu bahawa negara kita Malaysia bukan sahaja darat, bahkan termasuk laut dan udara. Jadi, Malaysia sama ada di Semenanjung atau Sabah, Sarawak ada laut.

Laut besar, laut banyak tetapi kita tidak ada satu akta pun selama ini yang menjamin kedaulatan kita yang benar-benar kecuali satu ordinan lapuk, lama, Ordinan 7, 1969. Jadi, sudah lama, sudah lapuk. Jadi, usaha yang dibuat oleh kementerian lebih-lebih lagi daripada JPM, saya sungguh bangga, terharu. Janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi untuk melakukan transformasi, perubahan berlaku bukan sahaja di bidang ekonomi, politik, pelajaran, sosial, cara hidup, bahkan juga di laut. Sedar tidak sedar, hari ini kita dibentangkan oleh satu akta yang begini murni, begini cantik. Tahniah dan syabas.

Malaysia yang kita tahu adalah sebuah negara yang tertakluk kepada ratifikasi yang dipersetujui pada 14 oktober tahun 1996 sebagai Ahli *International Maritime Organization* (IMO), Bangsa-Bangsa Bersatu. Di bawah IMO, terutama yang berkaitan dengan *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS) dan *Division for Ocean Affairs and Law of the Sea* (DOELOS) of the *United Nations*. Setakat mana yang boleh kita pakai.

Maka, sudah sampai masanya bila kita tertakluk kepada IMO, UNCLOS dan DOELOS, kita perlu pada satu undang-undang laut yang setara piawai dengan peringkat antarabangsa. Jadi, yang antarabangsa itu menjadi bahan rujukan kepada kita untuk bertindak, untuk membuat sesuatu yang diakui pakai oleh kita semua. Kepentingan akta ini, kita lihat akta ini kalau kita lihat dalam ini, tafsiran perkara dua, ia membincangkan banyak perkara seperti berikut:

(i) pandu arah maritim - pandu arah marin itu penting;

(ii) kedalaman air - tohor, cetek, dalam kena tahu;

(iii) keadaan dasar laut;

(iv) tatarajah ketinggian dan ciri-ciri pantai juga kena tahu;

(v) bahaya dan bantuan pelayaran dalam satu permit;

(vi) carta marin;

(vii) carta hidrografi.

Inilah sebahagian daripada kandungan akta ini dibuat. Jadi, bila semua sekali yang saya sebutkan tadi memenuhi apa juga kehendak, ia boleh dikategorikan sebagai memenuhi piawai antarabangsa dan Malaysia tidak ketinggalan ke belakang. Ianya merupakan satu yang baru. Satu yang berlaku yang baru, satu yang penting. Memberi nafas baru kepada Malaysia, kepada pelayar, kepada tentera, kepada kapal dagang, kepada Akademi Laut Malaysia dan kepada semua pihak yang berdagang. Sebagai satu negara ialah negara ini Dato' Sri Mohd. Najib cakna. Tepat janji, bukan beri BR1M kepada orang ramai sahaja tetapi beri rasa selamat kepada laut Malaysia, kepada semua yang terlibat menggunakan laut.

■1710

Jadi kita buat satu kesimpulan yakni Malaysia negara berdaulat. Satu darat, kedua udara, ketiga laut. Laut bukan sahaja selamat daripada ancaman dengan tertubuhnya tentera laut tetapi ianya perlu diwajibkan dikandung oleh satu akta yang julung-julung kali diadakan ini. Bukan kedua kali bukan, kali ketiga tetapi kali pertama. Kalau saya kata daulat apa makna?

Kita sebut *"Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, Daulat Tuanku"* ialah yang tertakluk kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, bukan mudah. Bukan hendak tibai dengan BERSIH, bukan hendak acah dengan suka-suka tetapi dia tertakluk kepada Kepala Pemerintah Yang di-Pertuan Agong sebagai hak Malaysia.

Kita dapati laut bukan sahaja kaya dengan ikan, kaya dengan flora dan fauna laut, kaya dengan terumbu karang, bunga-bunga laut, dan sebagainya tetapi laut juga kaya dengan hasil-hasil buminya, perut laut seperti minyak, gas, bijih dan hasil-hasil galian yang lain.

Minyak di Malaysia yang kebanyakan daripada Terengganu adalah hasil dari perut laut bukan atas bumiputera. Minyak di Terengganu banyakkan dieksport sebab kualitinya baik. Jadi saya bangga jadi orang Terengganu...

Datuk Maijol bin Mahap: Saya hendak mencelah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Mencelahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Maijol bin Mahap: Saya hendak tanya Yang Berhormat mana negeri pengeluar minyak terbanyak di Malaysia Yang Berhormat? Terengganukah, Sarawak atau Sabah atau negeri lain atau Kelantan?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang terbanyak Terengganu, kedua banyak Sarawak. Sabah, Kelantan sikit-sikit. Puas hati? Kalau tidak puas tanya lagi... *[Ketawa]* Puas hatilah. Jadi satu negara berdaulat kita perlu bukan sahaja tengok minyak tetapi kita tidak mahu hilang wilayah yang ada hilang, hilang, hilang.

Misal kata kita hilang pulau-pulau di Batu Puteh, *Pedra Branca* di tangan Singapura. Asalnya Pulau Batu Puteh dengan *Pedra Branca* hak kita. Jauh daripada Singapura lebih kurang 65 batu. Daripada Pantai Pengerang tiak sampai pun 10 batu. Tetapi disebabkan tidak adanya satu akta yang terkandung, dulu-dulu kita hilang dua pulau, Batu Puteh satu, *Pedra Branca* satu kepada Singapura.

Jadi kita tidak mahu hilang lagi pulau-pulau yang lain seperti sekarang, Pulau Laksamana di Perlis berebut dengan Siam. Kedua Pulau Ligitan di Sipadan. Dulu kita gaduh dengan Indonesia akhirnya kita menang, tetapi ada lagi pulau-pulau sekitarnya Ligitan dan Sipadan yang dipertikaikan oleh Indonesia. Ketiga, satu lagi pulau yang menjadi rebutan ialah Terumbu Layang-layang. Terumbu Layang-layang ini beratus pulau kecil-kecil. Ia menjadi rebutan antara Vietnam, Filipina, China, Taiwan, dan Malaysia.

Jadi kita tidak mahu Pulau Terumbu Layang-layang yang kaya dengan minyak dan gas hilang lagi, hilang lagi disebabkan tidak adanya satu akta yang mendaulatkan wilayah kita. Saya minta Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri buat persediaan manalah tahu satu hari nanti kita ke Mahkamah Antarabangsa lagi hilang lagi, hilang lagi seperti kita hilang Pulau Pedra Branca dan Pulau Batu Putih. Lagi kita khuatir pulau-pulau di Selat Singapura kita tidak mahu satu hari nanti jadi rebutan lagi, pertikai lagi oleh pihak Indonesia mahupun *Singapore*. Jadi kita kena hati-hati.

Jadi akta ini sesungguhnya ialah satu akta yang kesannya kalau tidak jaga, kalau tidak lulus hari ini mungkin kita hilang kuasa maritim, *maritime power dan naval power* (kuasa laut) satu hari nanti. Jadi tuan-tuan hari ini, akta ini ialah merupakan satu hak satu *sovereignty* yang tersendiri kepada Malaysia.

Satu hak yang kita punya hak kecuali untuk *innocent free passes* maknanya orang jahil tidak tahu masuk sempadan laut kita, dia tidak tahu hilang pandu arah, bot rosakkah, pandu arah rosakkah itu kecuali tetapi akta ini menjaga supaya kita boleh dakwa, sebab itu saya katakan mula-mula tadi kita jadi ahli IMO, *unclosed dan down close* satu yang baik, satu-satu yang berguna kepada kita.

Malaysia sebagai sebuah negara berhak mengambil tindakan di atas sebarang pelanggar undang-undang seperti kita boleh kenakan denda, hukuman, menahan, merampas, mengenakan cukai, mengambil tindakan pencemaran kepada mana-mana pihak yang menceroboh, yang melanggar, yang merosak laut kita berdasarkan akta ini. Itulah saya kata akta ini satu akta yang penting untuk kita semua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga sebagai sesuatu yang penting sebagai penanda arah kepada kita semua terutama kepada Badan Keselamatan Tentera Laut Diraja Malaysia, Polis Marin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

■1720

Jadi, mungkin kita tidak tahu, banyak kapal-kapal dagang, banyak kapal-kapal tentera, polis marin, agensi penguat kuasa maritim yang sesat disebabkan tidak adanya pandu arah. Pandu arah tidak ada disebabkan akta ini langsung tidak buat lagi. Di samping itu, kita juga boleh menyekat negara kita daripada ancaman lanun, daripada pencerobohan nelayan asing, daripada penyeludupan migran, daripada suaka politik dan terkini daripada gerakan memperdagangkan orang. Di negara kita, saban tahun lanun-lanun berkeliaran macam ayam dan itik di lesung. Contohnya, Laut Sulu kita antara Sandakan, Sulu, Sabah dengan Filipina banyak sekali ancaman lanun-lanun di sana.

Orang Sabah, kalau hendak tambah, tambahlah. Yang Berhormat Datuk Haji Yunus, okey kah, betulkah? Angguk sedikitlah... *[Ketawa]* Kalau tidak acah, dia tidak bangun.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman, yang sebenarnya memang benar masih terdapat kumpulan-kumpulan lanun yang mungkin seludup ke Pantai Timur Sabah dan Labuan tiadalah. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau orang Sabah cakap, betullah. Dia punya kuasa kuda, dia punya kapal atau *speedboat* jauh lebih laju kuasa kudanya daripada kuasa kuda kapal ronda polis atau tentera. Malu kita. *So,* saya hendak cadangkan kepada pihak berkenaan agar semua bot dan kapal ronda polis hendaklah mempunyai kuasa kuda...

Datuk Maijol Mahap: Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang lebih daripada lanun. Bukan *you* lanun. Sana lanun.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ini daripada Sabah. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Maijol Mahap: Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang lanun ini memang betullah. Di Sabah, kita masih lagi teringat tentang insiden *kidnapping,* dengan izin, orang-orang yang datang mengunjungi Pulau Sipadan satu ketika dahulu dan stigma itu ataupun ingatan itu masih segar di fikiran kita sehinggakan masih lagi ada penduduk di Sabah ini yang takut atau di Malaysia ini takut datang ke situ, di Pulau Sipadan ini.

Jadi, saya bersetujulah dengan hujah-hujah Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman ini bahawa pihak berkuasa haruslah mempergiatkan atau memperkasakan usaha untuk membanteras lanun-lanun dan juga orang-orang pendatang tanpa izin yang memasuki perairan Malaysia ini. Memang betul apa yang dikatakan oleh beliau bahawa kapal-kapal mereka itu walaupun yang kecil-kecil tetapi mempunyai *speed* yang lebih baik lagi, menggunakan kuasa kuda yang *modified* dengan izin. Yang boleh bergerak lebih pantas daripada kapal-kapal agensi kita ataupun *authority* kita. Saya minta kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan juga Jabatan Laut supaya membanteras usaha ini, membanteras penyeludupan ini kerana penyeludupan ini berlaku di laut dan juga *human trafficking* juga berlaku di laut.

Alasan yang selalu diberikan oleh kerajaan ialah lautan Sabah itu atau lautan di antara Filipina dengan Malaysia itu terlalu luas. Akan tetapi kita tidak boleh membuat alasan ini sepanjang masa. Kita harus mencari jalan supaya kalau laut itu luas, maka kita mesti mencari jalan bagaimana kita boleh membanteras lanun-lanun dan juga penceroboh-penceroboh perairan kita di Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat tambahan dan sokongan itu memperkuatkan hujah saya bahawa kita di Malaysia, kena jaga laut cukup-cukup. Bukan sahaja ancaman lanun di Sabah. Di Sabah, ya tetapi juga di sempadan Siam dengan Kelantan, dengan Kedah, dengan Perlis hatta dengan negara sebelah Lautan India. Kena jaga itu. Bukan sahaja kita kena luluskan akta ini tetapi roh di sebalik akta ini ialah memperkasakan kuat kuasa maritim, polis, tentera laut kita dengan alat yang canggih-canggih. Kalau alatan tidak canggih, kalaulah lanun lebih *sophisticated,* lebih canggih, macam mana kita hendak jaga negara, betul atau tidak? Saya sedar tentera laut kita berperanan menjaga laut tetapi saya juga sedar bahawa alat-alat tentera bagi mengawal lanun dan anti pemerdagangan manusia tidak cukup. Saja buat pelat. Kalau tidak orang mengantuk... *[Ketawa]*

Jadi kita kena canggih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kenapa laut kita diceroboh? Kenapa pendatang haram bertambah-tambah? Jawabnya, pendatang haram terutama daripada Indonesia dagang orang daripada negara jiran, Vietnam atau sebagainya atau daripada Kalimantan sebabnya kita punya laut tidak cukup jaga. Tidak cukup kapal. Bayangkanlah nelayan asing terutama Thailand menceroboh masuk laut kita bila tiba musim tengkujuh. Kapal-kapal dia boleh masuk di laut Kelantan – Ustaz Johari.

Di laut Kelantan, di laut Terengganu sebab pencegahan dan pengawalan tidak sepadan dengan laut musim tengkujuh. Kapal kita, marin kita, polis kita bila musim tengkujuh dia berlabuh. Relaks main daun terup. Rehat, akan tetapi masa kita rehat, nelayan asing masuk.

Jadi akta ini kena kuat kuasa bukan sahaja dengan namanya akta tetapi kena canggih, kena bantu, kena pakej sekali dengan alat-alat kuat kuasa yang terkini, yang tercanggih, yang semasa untuk menjadikan akta ini suatu realiti, benar-benar kuat kuasa dan tercanggih. Satu lagi, saya tahu iaitu sekarang ini bila kita kata laut. Laut ini isu yang terbaru ialah keganasan antarabangsa atau *terrorism.* Berlaku di laut. Ia berlaku di laut, banyak laut.

■1730

Contoh di laut Somalia keganasan antarabangsa berlaku. Kapal dagang berlaku dia rampas. Dia siap dengan bom, siap dengan senjata, siap dengan senapang AK-47 yang canggih-canggih. Apa ertinya? Bila berlaku keganasan di Somalia apakah tidak mungkin berlaku di Malaysia? Jadi, keganasan antarabangsa di Somalia boleh menjadi model atau idola kepada pengganas-pengganas laut di Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Hendaknya kita kena hati-hati. Satu lagi yang saya hendak tekankan di sini ialah *drug*, dadah. Dadah saya tidak nafikan berlaku di darat atau udara tetapi yang saya hendak tekankan di sini berlakunya penjualan perdagangan *drug* di peringkat antarabangsa melalui jalan laut, guna kapal-kapal dan sebagainya. Jadi, kita tidak mahu laut kita sama ada laut di Timur Malaysia atau di Barat Malaysia atau di Semenanjung Malaysia jadi tempat edaran *drug* di peringkat antarabangsa.

Kita hendakkan laut kita selamat daripada ancaman. Sekarang kalau boleh saya minta berapakah jumlah rampasan *drug* dadah di laut, di darat dan udara? Kita jangan ingat *drug* itu berlaku di darat sahaja. Akan tetapi laut kita sekarang menjadi sumber edaran dadah antarabangsa. Itu yang kena perhatikan.

Satu lagi yang saya hendak tekankan di sini. Dalam akta ini...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon penjelasan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Tadi Yang Berhormat tanya tentang laut sebagai satu saluran bagi menyeludup dadah dan sebenarnya apa yang lebih kerap berlaku adalah penyeludupan barang-barangan lain seperti rokok dan juga minuman keras. Ini menjadi satu fenomena yang harus dibanteras secara serius. Kadang-kadang kita dengar, kita lihat pihak-pihak berkuasa membuat rampasan tetapi kita tidak mendengar mereka yang ditangkap ini dibawa ke muka pengadilan. Jadi, ini menampakkan seolah-olah tidak ada satu usaha serius bagi membendung gejala-gejala penyeludupan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya amat setuju bahawa pesalah mengedar dadah di laut di bawa bukan sahaja ke muka pengadilan tetapi diheboh-hebohkan, diuar-uarkan, ditunjukkan kesalahan mereka supaya nampak pihak berkuasa jangan main-main, dia ambil berat. Jadi, saya setuju supaya banyak pendedahan dadah di laut.

Mengenai ini juga, perkara 4, dalam artikel ini menyebut kita tidak boleh dipergunakan untuk tujuan *elicit drug trafficking* dan *terrorism* seperti di bawah IMO Artikel 108 di mana resolusi IMO meminta *state parties* mempunyai duti untuk bekerjasama membanteras *drug* di tengah lautan yang dijalankan oleh kapal-kapal. Artikel 28(2) menjadikan satu obligasi di dalam *Exclusive Economic Zone* (EEZ).

Baru-baru ini kerjasama dan di bawah kebenaran yang diberikan oleh *parties* atau *flight state*. Kapal berkenaan boleh diperiksa dan jika terbukti terbabit dan kesalahan yang dimaksudkan tindakan boleh diambil dan dikenakan kepada kapal, orang dan juga kargo yang berada di atas kapal ini. Jadi, cantiknya Tuan Yang di-Pertua ialah artikel ini memberi hak kepada kita untuk memeriksa kapal-kapal, tidak kira kapal.

Datuk Maijol bin Mahap: Mohon mencelah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Silakan.

Datuk Maijol bin Mahap: Dadah itu satu perkara yang saya setuju. Akan tetapi satu lagi perkara yang kita nampak dari semasa ke semasa yang berlaku ialah nelayan-nelayan asing yang menceroboh perairan kita. Dari semasa ke semasa kita nampak bahawa ada terdapat nelayan-nelayan asing dari Vietnam dan Thailand yang menceroboh perairan kita menangkap ikan di kawasan perairan kita ditangkap oleh polis kita dan dibawa ke muka pengadilan.

Sebagai contoh tidak berapa lama yang lalu ada beberapa kumpulan nelayan dari Thailand yang telah ditangkap di perairan Pantai Timur Sabah dan dihadapkan ke mahkamah yang telah mendatangkan keresahan kepada kita sebenarnya di mahkamah sebab mereka ini tidak tahu berbahasa *English* apatah lagi berbahasa Malaysia. Maka, terpaksalah kita mencari *interpreter* di mahkamah yang boleh bertutur dalam bahasa Thai, bahasa Siam dan ia telah mengheret masa begitu jauh kerana mencari *interpreter* yang sesuai. Jadi, ini menjadi masalah kepada negara kita.

Jadi, saya mengharapkan agar pihak berkuasa akan memantau perkara ini kerana bukan sahaja menceroboh kawasan kita tetapi memberikan masalah kepada kita. Saya juga ingin bertanya kepada kementerian dan juga Yang Berhormat adakah kes-kes warga kita pula, warga Malaysia yang menceroboh perairan kawasan negara asing seperti Thailand, Vietnam, China dan sebagainya dan ditangkap di kawasan tersebut di negara tersebut dan dihadapkan ke mahkamah. Kalau ini berlaku maka agak susahlah sebab akan mencemari nama baik nagara kita juga. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa mana-mana pencerobоh di laut, di kapal atau sebarangnya atau kapal nelayan diambil tindakan yang keras. Kita lembut sangat. Contohnya, nelayan Malaysia yang ditangkap di Thailand masuk penjara. Penjara dia tidak boleh berdiri berbulan-bulan. Kita bukan boleh berdiri sahaja, melompat pun boleh. Dia tidak boleh. Kita makan sedap, dia makan tidak sedap. Kita tidur sedap, dia tidak sedap tidur. Jadi, nelayan tidak serik.

Saya syorkan pencerobоh jangan layan *first class* lah. Kalau dia pencerobоh dadah kah, pencerobоh kah, layan seperti banduan kelas lima atau sepuluh Jangan kelas satu, makan sedap, tidur sedap, semua sedap. Dia lebih rela jadi banduan di Malaysia daripada menganggur di negara sendiri. Itu pengalaman nelayan yang ceritakan kepada saya. Bukan saya tangkap muat sahaja. Bukan saya hendak cakap sedap-sedap sahaja di sini.

■1740

Jadi, itu undang-undang yang penting. Saya hendak tambah lagi. Kapal boleh diperiksa. Perkara 4 Yang di-Pertuan Agong menjadi simbol kedaulatan negara. Makna apa? Maknanya setiap yang mencurigakan atau tidak curiga boleh diperiksa. Sama ada kapal, bot, feri apa sahaja di laut kita boleh periksa.

Satu lagi saya hendak timbulkan ialah Selat Melaka. Selat Melaka ini dikira satu selat yang tersibuk, yang terpenting dalam dunia. Dia jadi jalan laut yang paling dikehendaki yang paling penting antara Timur dan Barat. Sibuk sangat Selat Melaka ini. Akan tetapi kita kena faham iaitu *demarcation* wilayah laut membolehkan kita *collect* kutipan fi atau caj tertentu melalui kapal-kapal yang lalu ikut Selat Melaka. Sebagai contoh, kenapa Singapura boleh mengadakan *reception facility* untuk mengumpulkan *all sludge* dan ini merupakan satu sumber ekonomi kepada negara Singapura. Kenapa kita tidak boleh buat? Negara kita juga mempunyai kemudahan sama. Akan tetapi sejauh manakah tuan punya kapal asing menggunakan *facility* dalam wilayah kita dan menjana ekonomi negara? Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan satu pelabuhan yang besar. Sampaikan Singapura cemburu dan takut akan kenaikan dan prestasi Tanjung Pelepas di Johor, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Saya hendak tanya adakah diberikan satu ruang atau peluang untuk menjana minta fi macam *sludge* tadi, itu pam minyak tadi hendak *collect revenue*. Padahal boleh dikatakan setiap bulan ada kapal pecah, minyak keluar atau perlu ditunda, kita tidak guna. Jadi sudah sampai masanya akta ini yang diberikan ilham, perubahan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak akan perubahan iaitu kita kena ubah tanggapan laut tidak boleh dilalui, dilayari secara percuma.

Kalau Singapura boleh berbuat sesuatu *collect charge* dan *fees*, kenapa Malaysia tidak boleh? Jadi, kalau tidak ada lagi saya tuntut supaya Malaysia juga buatlah yang terbaik untuk kita.

Akhirnya saya secara tidak langsung, membuat kesimpulan bahawa rang undang-undang ini menambahkan kebaikan mengenai banyak perkara termasuk mengenai *oil pollution control* Akta Perkapalan Saudagar Pencemaran Minyak Navigasi, liabiliti, *compression* contoh *removal of rack* dan mendapatkan *technical cooperation and assistance* dalam menjana kenaikan negara. Oleh itu saya menyokong sepenuhnya agar akta ini disokong dijadikan satu pembaharuan bagi menjana pendapatan negara, menjana pendapatan ekonomi, menyegarkan suasana sosial di negara serantau Nusantara khasnya akta dunia dan menyuburkan politik negara tanah air. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar dengan hujahan yang begitu hebat yang begitu bernas, yang begitu perasaan, begitu *passionate* dengan isu yang telah pun dibangkitkan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut memberikan pendapat dalam isu ini.

Jadi di sini saya hanya telah dapat mencatitkan bahawa Yang Berhormat menyokong sepenuhnya dengan rang undang-undang ini dan hanya saya sempat menjawab satu soalan yang telah dibangkitkan iaitu mengatakan kemungkinan kehilangan kedaulatan ke atas pulau-pulau tertentu seperti Pulau Sipadan dan juga Layang-Layang di negara bawah bayu iaitu Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Pulau Sipadan dan juga Padanan juga tidak lagi menjadi rebutan antara Malaysia dan juga Indonesia kerana hak milik ek atas kedua-dua pulau tersebut telah pun diputuskan oleh *International Court of Justice* (ICJ), dengan izin, pada tahun 2002 yang keputusannya memihak kepada negara kita. Saya telah pun difahamkan antara isu-isu yang telah di*determine* oleh pihak mahkamah pada masa itu ialah, pertama di mana Pulau Sipadan telah pun terdapat banyak penyu Tuan Yang di-Pertua. Beberapa tahun yang lalu telah mendapati bawah ramai penduduk di Sipadan Sabah pada masa itu pergi ke pulau itu untuk memungut telur penyu. Kita boleh katakan *the turtle* telah pun menyelamatkan kita untuk memastikan bahawa Pulau Sipadan dimiliki oleh negara kita.

Selain daripada itu Pulau Layang-Layang yang terletak di Laut China Selatan sememangnya hak milik Malaysia dan tidak jadi isu dan buat masa ini pulau tersebut diduduki oleh angkatan tentera Malaysia bagi menjamin kedaulatan negara yang kita terpelihara ini. Ada Yang Amat Berhormat bertanya, meminta mengenai statistik-statistik oleh Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Setakat ini saya tidak dapat membekalkan statistik itu. Dengan itu sekali lagi sekiranya ada terdapat isu-isu yang tidak saya sempat saya jawab oleh Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar saya akan membekalkan jawapan secara bertulis. Sekali lagi sekian terima kasih.

■1750

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

*[**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa**]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan pasukan sukarelawan di Malaysia bermula dengan penubuhan pasukan *Home Guard* apabila bermulanya darurat pada tahun 1948 untuk menjaga keselamatan setempat. Keahlian pasukan ini terdiri daripada masyarakat setempat dan telah dibubarkan setelah darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Tenaga sukarelawan digembleng sekali lagi apabila negara menghadapi ancaman konfrontasi dengan Indonesia dari tahun 1963 hingga 1965.

Kerajaan telah menubuhkan pasukan kawalan secara perundangan pada tahun 1966 melalui Peraturan-peraturan Perlu (Pasukan Kawalan) 1966. Tujuan Pasukan Kawalan ditubuhkan adalah untuk membantu agensi keselamatan menangani pendaratan dan penyelusupan pihak Indonesia. Pada waktu itu Pasukan Kawalan bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan kepada pasukan keselamatan tentang ancaman pihak Indonesia. Keganasan komunis dan konfrontasi telah menyedarkan kerajaan tentang perlunya kewujudan sebuah pasukan sukarela yang tetap untuk menggembleng rakyat bagi memastikan keselamatan dan keamanan setempat terjaga. Atas kesedaran ini pada tahun 1974, Undang-undang Tubuh Pasukan Kawalan telah dipinda bagi memantapkan lagi fungsi Pasukan Kawalan serta penukaran nama Pasukan Kawalan kepada Ikatan Relawan Rakyat (RELA).

Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhannya, RELA telah melaksanakan pelbagai tanggungjawab selaras dengan objektif penubuhannya iaitu bertindak sebagai *third line of defense,* dengan izin. Bagi memastikan keselamatan dan keamanan setempat. Di samping memastikan keselamatan dan keamanan setempat terjamin, RELA sebagai organisasi yang diwakili oleh sukarelawan tempatan sesuatu kawasan juga merupakan penggerak utama aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong, pembasmian musuh tanaman dan pembaikan rumah. RELA juga terlibat dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan operasi bencana. Atas keberkesanan RELA dalam memastikan keselamatan dan keamanan setempat, pada tahun 2005 RELA telah diberi peranan oleh kerajaan untuk menangani masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) dan diikuti dengan tugasan mengawal depot tahanan sementara imigresen. RELA masih diberi tugasan untuk mengawal depot tahanan sementara imigresen.

Bagaimanapun dalam hal berkaitan PATI, semenjak 2010 RELA tidak lagi melaksanakan operasi menahan PATI. Sebaliknya hanya bertindak membantu operasi pihak berkuasa yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia. RELA kemudiannya turut dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah bersama dengan pihak polis di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Seramai hampir 13,500 anggota yang berlainan terlibat setiap minggu di seluruh negara dalam penugasan tersebut. Di samping itu, RELA turut membantu meningkatkan *omnipresence* dalam Rondaan 1Malaysia untuk mengurangkan jenayah.

Seramai hampir 3,000 anggota RELA berlainan terlibat setiap minggu dalam Rondaan 1Malaysia bersama pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara. RELA juga diberi tanggungjawab bagi memberikan khidmat kawalan keselamatan kepada sasaran-sasaran penting dan mengawal keselamatan lokasi-lokasi strategik seperti stesen jana kuasa elektrik, pelabuhan dan lapangan terbang kecil di pedalaman negeri Sarawak dan Sabah. Seramai 3,384 anggota terlibat setiap minggu dalam penugasan kawalan keselamatan sasaran penting dan lokasi-lokasi strategik. Mulai tahun 2011, RELA turut membantu kerajaan memantau kegiatan pembelian minyak RON95 oleh warga asing dan penyeludupan minyak diesel di stesen-stesen minyak berdekatan sempadan negara seperti di negeri Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan. Seramai 2,032 orang anggota terlibat setiap minggu dalam penugasan tersebut.

Selain itu, RELA merupakan salah satu agensi yang terlibat dalam membantu kerajaan ketika negara menghadapi bencana dan kecemasan melalui Dasar Pertahanan Menyeluruh dan juga arahan MKN nombor 20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara). Sebagai contoh, dalam situasi banjir anggota RELA akan membantu memindahkan mangsa ke pusat-pusat pemindahan, membantu mengedarkan makanan kepada mangsa, membantu mengawal keselamatan rumah-rumah yang ditinggalkan dan kemudiannya membantu mangsa membersihkan harta benda selepas banjir reda.

■1800

Jumlah anggota yang terlibat dalam pelbagai penugasan pada setiap minggu adalah seramai hampir 32,000 anggota seminggu. Jumlah ini tidak termasuk jumlah yang diminta oleh masyarakat untuk membantu pelbagai aktiviti kemasyarakatan, kebajikan, kawalan lalu lintas, keselamatan dan keamanan setempat setiap hari di seluruh negara.

Sehingga 11 Mac 2012 jumlah keanggotaan RELA adalah seramai 2,928,093 orang. Ini menjadikan RELA sebuah organisasi sukarelawan yang terbesar di negara. Jumlah keahlian yang besar ini menjadikan RELA sebagai sebuah organisasi yang unik menepati kehendak Gagasan 1Malaysia dengan kepelbagaian latar belakang pendidikan, kaum dan umur. Keanggotaan RELA kini dipelbagaikan dengan wujudnya Briged Orang Asli, Briged Masyarakat Siam, Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) di institut pengajian tinggi awam dan Skuad Muda RELA. RELA juga disertai golongan-golongan profesional dan korporat melalui keahlian kehormat.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan kerajaan untuk menarik balik Proklamasi Darurat 1969, undang-undang baru bagi RELA perlu diluluskan bagi menggantikan Undang-undang Tubuh RELA yang akan terhenti kuat kuasanya pada 21 Jun 2012. Undang-undang baru ini akan memberikan nafas baru kepada RELA yang bersesuaian dengan peredaran zaman dan kehendak semasa.

Tujuan utama penggubalan Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 ini adalah berdasarkan asas-asas pertimbangan berikut:

(i) berikutan penarikan balik Proklamasi Darurat 1969, Undang-undang RELA perlu digubal dan diluluskan bagi menggantikan Undang-undang Tubuh RELA yang akan terhenti kuat kuasanya pada 21 Jun 2012;

(ii) kelahiran semula Pasukan Sukarelawan Malaysia RELA ini perlulah didokong oleh undang-undang supaya RELA dapat melaksanakan tugas dengan sah;

(iii) Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 ini adalah selari dengan kelahiran semula RELA yang berpaksikan teras 4K iaitu keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian yang berorientasikan situasi semasa aman dan tidak lagi dalam situasi darurat;

(iv) membenarkan RELA sebagai organisasi sukarelawan dengan seramai tiga juta anggota menjelang akhir tahun 2012 membekalkan tenaga sukarelawan yang ramai bagi membantu agensi-agensi kerajaan melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan seperti membekalkan jumlah yang ramai kepada PDRM untuk penugasan *omnipresence* di kawasan titik panas;

(v) membolehkan RELA menjadi sebuah platform perpaduan berkesan yang boleh menjamin keharmonian kaum di Malaysia memandangkan keanggotaannya terdiri daripada pelbagai kaum;

(vi) membolehkan anggota RELA setempat memainkan peranan sebagai duta kecil bagi mengesan masalah rakyat setempat; dan

(vii) membolehkan RELA menjadi platform bagi memupuk semangat kesukarelaan di kalangan generasi muda memandangkan jumlah keanggotaan RELA yang berumur antara 18 hingga 40 tahun adalah semarai 2,020,848 orang.

Tuan Yang di-Pertua, huraian terperinci mengenai Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 adalah sebagaimana yang berikut:

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas akta dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 rang undang-undang mengandungi takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 3 rang undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan RELA.

Fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai RELA lain.

Fasal 5 menyatakan tugas tiap-tiap pegawai dan anggota RELA.

Fasal 6 memberi pegawai dan anggota RELA kuasa untuk mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran anggota RELA.

Fasal 8 rang undang-undang mengadakan peruntukan bagi pengeluaran perakuan pelantikan dalam bentuk kad keselamatan kepada anggota RELA.

Fasal 9 menyatakan tempoh bagi pendaftaran anggota RELA dan pendaftaran itu boleh dilanjutkan oleh Ketua Pengarah. Sekiranya tempoh pendaftaran anggota RELA tidak dilanjutkan, namanya hendaklah diletakkan dalam senarai simpanan.

Fasal 10 memberi kepada Ketua Pengarah kuasa untuk menentukan latihan bagi anggota RELA.

Fasal 11 bertujuan untuk mengenakan kewajipan kepada majikan untuk memberikan pelepasan kepada anggota RELA yang menjalani latihan dan menjadikannya suatu kesalahan sekiranya majikan membuat apa-apa potongan daripada gaji, mengenakan apa-apa penalti atau mengubah terma dan syarat pekerjaan semata-mata kerana ketidakhadiran anggota bekerja semasa tempoh latihan.

Fasal 12 bertujuan untuk melarang pembuangan kerja kerana menghadiri latihan.

Fasal 13 bertujuan untuk membenarkan anggota RELA untuk meletakkan jawatan sebagai anggota dengan memberikan notis secara bertulis kepada pegawai atau anggota RELA yang mempunyai kuasa ke atasnya.

Fasal 14 bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberikan kuasa olehnya untuk menamatkan keanggotaan seseorang anggota RELA.

Fasal 15 Menteri berkuasa untuk menentukan elaun yang akan dibayar kepada anggota RELA.

Fasal 16 menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang yang bukan anggota RELA untuk mempunyai dalam miliknya suatu perakuan pelantikan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah akta ini.

Fasal 17 memperkatakan perkara kesalahan menghalang, memujuk atau menghalang mana-mana orang daripada mendaftar diri dalam RELA atau daripada melaksanakan tugas atau menjalankan kuasa sebagai anggota RELA.

Fasal 18 memperkatakan kesalahan penyamaran.

Fasal 19 memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pakaian seragam dan kelengkapan.

■1810

Fasal 20 mengenakan kewajipan kepada pegawai dan anggota RELA untuk apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan apabila berhenti menjadi pegawai atau anggota RELA.

Fasal 21 memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menentukan kawasan RELA.

Fasal 22 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pangkat RELA dan memberi kepada Menteri kuasa untuk meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Fasal 23 memberi Menteri kuasa untuk memberikan pangkat kehormat atau pangkat bersekutu kepada mana-mana orang.

Fasal 24 memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengeluarkan arahan pentadbiran yang dipanggil arahan tetap bagi tawaran, tanggungjawab dan latihan am pegawai dan anggota RELA.

Fasal 25 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan tiap-tiap anggota RELA hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan apabila menunaikan tugas mereka.

Fasal 26 memperuntukkan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan tiap-tiap anggota RELA.

Fasal 27 bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 28 menyatakan peruntukan kecualian pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukkan bagi Penubuhan Tugas, Kuasa Pasukan Sukarelawan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Khoo Soo Seang. Silakan Yang Berhormat.

6.14 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan penghormatan ini untuk turut berbahas. Sebelum saya memulakan hujah-hujah saya, saya hendak tanya berkenaan dengan satu dua perkara iaitu saya yakin apabila rang undang-undang ini dijadikan akta dan selepas itu dilaksanakan, nama rasmi Ikatan Relawan Rakyat Malaysia akan menjadi Pasukan Sukarela Malaysia tetapi macam mana dengan akronimnya? Adakah RELA masih digunakan sebagai akronim ataupun kita akan tukar?

Kedua berkenaan dengan logo RELA itu oleh kerana di dalam logo, nama Ikatan Relawan Rakyat Malaysia ada tercatat di situ, jadi adakah logo itu akan dipinda oleh kerana nama itu telah tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, RELA merupakan sebuah pasukan sukarela yang membolehkan rakyat jelata berkhidmat untuk negara dengan menyumbangkan masa dan tenaga mereka. Pasukan ini ditubuhkan pada tahun 1972 pada masa kecemasan negara ketika Akta Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1964 dikuatkuasakan. Secara umumnya misi pasukan ini adalah untuk membantu mengekalkan keselamatan, kestabilan dan keamanan negara ini.

Tugas-tugas tertentu pasukan RELA telah berubah dari masa darurat sehingga ke sekarang untuk memenuhi keperluan semasa. Pada peringkat awal, pasukan RELA telah membantu polis menjaga keamanan dalam negara pada masa darurat. Pertubuhan ini juga memainkan peranan ketika negara ini mengalami konfrontasi dengan Indonesia. Pada masa itu saya berkhidmat di Kementerian Pertahanan dan bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan kepada pihak yang berkuasa tentang ancaman dari negara tersebut.

Sebagai sebuah pasukan sukarela yang bertanggungjawab, RELA boleh dianggap lebih rapat dengan masyarakat dan mengambil peranan sebagai pembantu pihak beruniform yang rasmi. Pada tahun 2005, pindaan peraturan-peraturan perlu Ikatan Relawan Rakyat 2005 memberi kuasa-kuasa tertentu kepada pegawai RELA dengan tujuan untuk menangani pendatang asing tanpa izin. Anggota RELA diberi kuasa untuk membawa senjata api, memeriksa dokumen tertentu dan menahan tanpa waran seseorang yang disyaki merupakan pendatang tanpa izin. Anggota RELA juga diberi kuasa untuk memasuki dan menggeledah sesebuah premis tanpa waran tidak kira persendirian ataupun premis kerajaan sekiranya ia disyaki berhubung dengan pendatang asing tanpa izin.

Dengan pemansuhan Undang-undang Darurat yang akan dilakukan pada 21 Jun akan datang ini, undang-undang yang memberi pasukan RELA kuasa-kuasa ini juga dimansuhkan. Akan tetapi pasukan RELA merupakan sebuah pasukan bersejarah yang telah berjasa kepada negara. Rang undang-undang yang dibincangkan pada hari ini akan memastikan pasukan ini berterusan dan menyesuaikan peranannya untuk memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun yang lalu khasnya selepas pindaan kepada kuasa RELA pada tahun 2005, segelintir pasukan anggota pasukan RELA melampaui batasan kuasa ketika menjalankan serbuan ataupun menahan orang yang disyaki pendatang asing tanpa izin. Pencabulan hak asasi manusia begini menjatuhkan imej negara di kalangan mata dunia.

Terdapat juga kes-kes di mana pasukan RELA menyalahgunakan kuasa untuk merompak mereka yang diserbu. Kejadian begini telah mencemari reputasi pasukan RELA dan juga menjadikan orang ramai kenali mereka sebagai samseng.

Walaupun terdapat anggota-anggota RELA yang pernah terlibat dalam kesalahan-kesalahan tertentu, saya bersetuju bahawa pasukan ini tidak patut dibubarkan begitu sahaja. Negara ini masih perlu menurunkan lagi kadar jenayah demi memelihara keselamatan rakyat jelata.

Namun sumber tenaga pihak polis adalah terhad. Di sinilah peranan yang boleh dipenuhi oleh pasukan RELA. Dengan bekerjasama dengan pihak polis, pasukan RELA ini boleh membantu mengisi kekurangan tenaga kerja yang dihadapi dan memenuhi peranan mereka untuk menjaga keamanan masyarakat. Namun demikian, keadaan ini tidak bermaksud anggota RELA boleh bertindak sesuka hati.

Setiap pasukan beruniform yang diberi kuasa pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang juga tertakluk kepada peraturan-peraturannya. Terdapat pelbagai mekanisme yang diwujudkan untuk memastikan pasukan ini tidak menyalahgunakan kuasa mereka dan untuk membolehkan orang awam menyuarakan aduan mereka. Saya juga amat bersetuju dengan keputusan untuk menghapuskan kuasa anggota RELA untuk membawa senjata api dan menjalankan serbuan tanpa waran.

■1820

Proses mendapatkan waran adalah antara proses yang diperlukan untuk memastikan hak individu dihormati di sisi undang-undang persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini tugas tertentu pasukan RELA telah bergantung kepada keperluan semasa. Penggubalan rang undang-undang ini akan membantu RELA mengubah peranannya untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja dan memenuhi keperluan semasa ini. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan pendirian saya iaitu saya menyokong rang undang-undang ini tetapi setiap perkara memang ada kelemahan masing-masing. Izinkan saya di sini untuk mengemukakan beberapa cadangan dan pertanyaan mengenai rang undang-undang ini.

Pertama, saya cadangkan supaya jelas ternyata perbezaan tugas di antara RELA dan juga pihak-pihak berkuasa keselamatan yang lain. Jika tidak, kekeliruan memang akan terjadi. Di bawah rang undang-undang ini, majikan dikehendaki memberi sukarelawan cuti selama tempoh latihan itu untuk membolehkan orang itu menjalani latihan. Tempoh latihan hendaklah tidak melebihi 10 hari pada satu-satu masa. Pada pendapat saya, hak pihak majikan juga perlu dipertimbangkan supaya kadar produktiviti negara tidak terjejas. Rang undang-undang ini boleh diperbaiki dengan memperkenalkan satu had tempoh di mana sukarelawan ini boleh menjalani latihan. Katakanlah mungkin dalam setiap tahun, paling banyak 30 hari.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendaftaran. Saya baca rang undang-undang ini ada had umur minimum iaitu 21 tahun tetapi tidak disebut tentang had umur maksimum. Oleh kerana di tempat saya, saya dapati ada anggota RELA yang sudah agak lanjut usianya, masih berkhidmat sebagai anggota RELA. Berkenaan dengan tempoh keanggotaan. Sekarang tempoh pendaftaran bagi tiap-tiap anggota RELA adalah lima tahun daripada tarikh pendaftaran dan Ketua Pengarah ataupun seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melanjutkan tempoh pendaftaran itu. Soalan saya ialah sekiranya sebelum tamatnya lima tahun, seseorang anggota RELA menjadi tidak aktif, adakah tempohnya akan ditamatkan ataupun dia dibiarkan sampai habis lima tahun?

Dalam rang undang-undang ini juga ada disebut bahawa nama seseorang anggota yang tempoh pendaftarannya tidak dilanjutkan hendaklah diletakkan dalam senarai simpan. Saya nak tanya, apakah bezanya mereka yang dilanjutkan tempoh pendaftaran dan mereka yang dimasukkan ke dalam senarai simpanan, apakah bezanya? Pada beberapa tahun yang lepas, saya difahamkan bahawa semua Ahli Dewan Rakyat dikurniakan pangkat kehormat bagi pasukan RELA tetapi penghormatan ini tidak diberikan kepada Ahli Dewan Negara. Saya tak tahu apakah sebabnya, kalau ikut protokol sepatutnya Ahli Dewan Negara lebih tinggi daripada Ahli Dewan Rakyat. Oleh itu saya nak tahu adakah semua Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat dilantik pangkat kehormat RELA secara automatik? Kalau ya, apakah pangkat mereka?

Saya difahamkan daripada Dato' Najeeb bahawa dia baru-baru ini dikurniakan Jeneral, bukan? Akan tetapi dulu saya dengar bahawa Ahli Dewan Rakyat diberikan Brigadier Jeneral, jadi apakah pangkat kehormat yang sepatutnya diberikan? Cuma dia seorang Jeneral sahaja, jadi kami semua kena tabik kerana dia tetapi kami tak dapat kurniaan itu? Apakah tempoh pelantikan dan kuasa individu-individu yang berpangkat kehormat tersebut dan apakah beza di antara pangkat kehormat dan juga pangkat bersekutu oleh kerana ada satu pangkat bersekutu yang disebut di dalam rang undang-undang ini.

Saya balik semula lagi kepada cuti untuk latihan. Oleh kerana sebagai seorang guru dan seorang pentadbir sekolah, saya pernah menghadapi masalah ini apabila guru nak ambil cuti panjang untuk menjalani latihan dan tugas guru tak sama dengan kerani ataupun tugas-tugas lain. Biasanya apabila seseorang guru bercuti, sukar bagi cikgu lain ambil alih tugasnya.

Saya berikan contoh yang konkrit. Kalau saya seorang cikgu yang mengajar Bahasa Malaysia tujuh waktu di dalam satu kelas dan apabila saya bercuti, saya tak boleh berikan tujuh waktu kepada seorang cikgu oleh kerana dia sudah terbeban sangat dan saya juga tak boleh pecah-pecahkan tujuh waktu ini kepada beberapa orang cikgu. Jadi, saya harap bahawa perkara ini dapat perhatian oleh kerana di tempat-tempat yang tertentu, ramai juga cikgu yang menjadi anggota RELA.

Soalan yang berikutnya ialah apakah sebabnya seseorang majikan yang termasuk dalam takrif Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], Ordinan Buruh Sabah, bab 67 ataupun Ordinan Buruh Sarawak, bab 76 boleh memotong gaji ataupun saraan lain orang yang mengikut latihan di bawah subseksyen ini. Ini saya petik daripada rang undang-undang tetapi saya langsung tak faham apakah sebabnya, apakah bezanya. Sekiranya seseorang majikan membuang kerja seseorang pekerja yang menjalani latihan RELA, adakah dipaksa untuk membayar balik pendapatan yang hilang dan upah semula pekerja yang berkenaan selepas didenda RM6,000 oleh kerana disebut bahawa kalau dia buang kerja dan sebagainya, majikan akan dihukum, didenda RM6,000. Selain daripada hukuman RM6,000 ini yang kerajaan dapat, bagaimana dengan pekerja yang hilang kerja itu? Adakah dia akan diupah balik dan dapat balik gaji ataupun upahnya?

Tuan Yang di-Pertua, fasal 13(3), sekiranya seseorang yang meletak jawatan sebagai anggota RELA dan gagal menyerahkan perakuan pelantikan, apakah tindakan yang boleh diambil? Tadi saya dengar Timbalan Menteri ada sebut bahawa ini merupakan kewajipannya untuk pulangkan semua dokumen dan sebagainya. Kalau dia tak pulangkan, apa yang kita boleh buat dan apakah tempoh yang dianggap munasabah untuk dia pulangkan? Kalau kita tak sebut tempoh, lepas tiga tahun dia cuma kata saya masih belum pulangkan bukan saya tak mahu pulangkan.

Berkenaan dengan elaun, saya nak tanya, selain daripada kerajaan, adakah menjadi kesalahan sekiranya mereka juga menerima bayaran elaun daripada pihak-pihak yang menggunakan perkhidmatan mereka? Oleh kerana selalunya macam di tempat saya pun, selalunya apabila kami menjalankan aktiviti, kami akan minta pasukan RELA untuk bantu mengawal lalu lintas, keselamatan dan sebagainya. Bolehkah kita juga berikan mereka elaun oleh kerana mereka tak ada elaun lain?

Saya difahamkan bahawa di bawah sistem sekarang, pasukan RELA tidak dibenarkan buka akaun bank. Jadi, kadang-kadang Ahli Parlimen nak bantu mereka, berikan mereka kemudahan dan nak berikan *outright grant* pun memang susah. Adakah di bawah rang undang-undang yang baru, mereka masih tak boleh buka akaun di bank? Jadi, di sini saya ingin mengakhiri dengan sekali lagi menawarkan sokongan saya bagi rang undang-undang ini dan amat berharap cadangan-cadangan yang telah dikemukakan tadi dipertimbangkan oleh kerajaan dan pertanyaan-pertanyaan saya dijawab dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Silakan Yang Berhormat.

■1830

6.30 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan saya berbahas mengenai Rang Undang-undang Sukarelawan Malaysia 2012. Saya akan bercerita sedikit sejarahlah. Tidak banyak tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menceritakan banyak sejarah. Pada 23 November 2011, Yang Amat Berhormat perdana menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib telah membentangkan usul untuk memansuhkan tiga Proklamasi Darurat iaitu yang dikeluarkan oleh yang di-Pertuan Agong pada tahun 1966, 1969 dan tahun 1977.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Dengan pemansuhan Proklamasi Darurat, semua aturan berkaitan darurat juga akan diberhentikan. Oleh sebab itu akta baru ini telah diadakan. Tadi kita mengetahui sejarah iaitu RELA *actually* mempunyai asal usulnya daripada *home guard* di Persekutuan Tanah Melayu dan juga *home guard* di UK.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menyatakan sejarahnya tentang *Home Guard* yang telah memainkan peranan penting sewaktu darurat, sewaktu konfrontasi tetapi tertinggal iaitu ada satu pada 13 Mei 1969 telah berlaku rusuhan perkauman. Insiden yang berlaku telah menyedarkan pemimpin-pemimpin negara kita pada ketika itu tentang pentingnya diwujudkan satu pasukan sukarela yang tetap bagi menolong kerajaan dalam menangani masalah keselamatan setempat. Pada waktu itu Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman yang mencadangkan supaya pasukan sukarela berfungsi sebagai mata dan telinga kerajaan.

Pada 11 Januari 1972, kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan RELA di bawah seksyen 2, akta ini, Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1964. Kita mengetahui bahawa fungsi RELA ini termasuklah memastikan keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat setempat. Pada hari ini yang sering kita lihat ialah apabila ada sesuatu majlis ataupun atur cara kelihatan anggota RELA selalu menolong mengawal trafik dan juga keselamatan di tempat tertentu. Maka, saya di sini ada mengemukakan beberapa persoalan saya:

(i) apakah persamaan dan perbezaan antara Ikatan Relawan Rakyat dan Pasukan Sukarelawan Malaysia dari segi tugas, kuasa, organisasi dan uniform;

(ii) adakah RELA baru ini merupakan satu pasukan para militari sukarela;

(iii) setakat manakah latihan ketenteraan dan latihan persenjataan diberikan kepada pegawai dan anggota rela;

(iv) apakah jenis penghargaan dan pingat yang pernah diberikan kepada RELA semenjak RELA ditubuhkan pada tahun 1972;

(v) bagaimanakah pengiraan elaun untuk anggota RELA yang bertugas;

(vi) adakah anggota-anggota RELA ini mempunyai perlindungan insurans; dan

(vii) boleh saya mengetahui tentang statistik RELA di semua negeri dan juga peratusan mengikut jantina.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada fasal 9(1) tempoh keanggotaan, apa kriteria yang menentukan tempoh keanggotaan ini dilanjutkan ataupun ditamatkan?

Mengenai fasal 10 dikatakan RELA hendaklah menjalani latihan. Saya ingin mengetahui untuk menjadi seorang RELA yang sah, berapa kali latihan perlu dijalankan.

Untuk fasal 11(2), tempoh latihan hendaklah tidak melebihi 10 hari pada satu-satu masa. Apa maksud satu-satu masa itu? Tiga bulan, enam bulan ataupun 12 bulan?

Untuk fasal 21 tentang kawasan rela, Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa menentukan kawasan RELA bagi maksud kawalan secara pentadbiran. Di sini saya hendak tanya, apa yang dimaksudkan oleh kawasan RELA? Ia mengikut daerah ataupun kawasan Parlimen.

Fasal 23, tentang pangkat kehormat dan bersekutu. Berapakah pangkat kehormat dan bersekutu yang telah dianugerahkan? Apakah ada hak tempoh keanggotaannya?

Sekian sahajalah saya ingin menyatakan bahawa memandangkan peranan penting tenaga sukarelawan dapat menyumbang kepada keselamatan dan keamanan masyarakat setempat, maka kita mestilah meluluskan kumpulan sukarelawan ini yang kita kenali sebagai RELA ini. Maka saya menyokong penuh tentang rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

6.35 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan tentang rang undang-undang ini, saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan tentang perkara-perkara yang kurang jelas dan kemudian membuat sedikit komen tentang satu, dua perkara yang saya ragu.

Pertama sekali, pada fasal 1 disebutkan bahawa akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012. Jarang-jarang sekali saya melihat misalnya ditetapkan tarikh untuk kuat kuasa satu-satu undang-undang itu. Jadi saya ingin mengetahui, adakah apa-apa tujuan untuk menetapkan tarikh tersebut? Mengapa tarikh itu telah dipilih sedemikian rupa?

Fasal 3, satu pasukan sukarelawan Malaysia ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan pegawai dan anggota rela. "Apa-apa bilangan pegawai" itu Tuan Yang di-Pertua, memberikan pemahaman kepada saya bahawa tidak ada batasan sama sekali bilangan pegawai dan anggota RELA itu. Kalau tidak terbatas, saya ingin tahu adakah difikirkan tentang keseimbangan bilangan di antara anggota RELA dengan anggota tentera dan juga anggota polis. Sebab saya rasa keseimbangan yang tersebut adalah perlu terutama sekali untuk memastikan dalam soal menjaga keselamatan dan sebagainya kita dapat keseimbangan tersebut.

Dalam fasal 5(e) muka surat 6, *"Menjalankan apa-apa perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh ketua pengarah yang selaras dengan peruntukan akta ini*". saya rasa memanglah ketua pengarah itu mempunyai hak dan tanggungjawab untuk membuat arahan dan sebagainya. Akan tetapi ada juga mungkin satu-satu ketika, tugas yang perlu dijalankan adalah berat dan tidak disebut di sini, setakat manakah tanggungjawab ketua pengarah itu kepada menteri dan menteri yang mana. Adakah Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan dan sebagainya. Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan tentang mengapa tidak disebutkan di dalam rang undang-undang ini pertanggungjawaban ketua pengarah itu terhadap kementerian ataupun Menteri.

Fasal 7 pula, seseorang yang berumur 18 tahun dan ke atas berupa seorang warganegara dan seterusnya. Di sini disebutkan tentang umur minimum dan perkara ini sudah disebutkan juga oleh seorang yang sebelum daripada saya. Saya pernah pergi misalnya melihat satu perhimpunan RELA yang agak ramai dan yang dipunggah ke sana di antara lain ialah kelihatan orang yang sudah agak tua. Bahkan ada perempuan-perempuan yang saya kira berumur lebih daripada 50 tahun. Mungkin mereka masih sihat, masih segar bugar untuk berkhidmat tetapi apa yang penting bagi saya ialah tentu juga perlu ditetapkan umur maksimum untuk menjadi ahli RELA ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sama ada pada polis ataupun askar, biasanya ditetapkan berapakah berat badannya dan berapakah tingginya. Di sini pun tidak ditentukan apakah berat badan ataupun ketinggian. Saya rasa perkara ini harus diselaraskan juga dengan amalan pihak polis dan tentera.

Bahagian V, fasal 16(2) Tuan Yang di-Pertua, disebutkan di sini bahawa *"Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 1, akan didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun".*

■1840

Soalan yang timbul di sini ialah apakah nilai tempoh tahanan berbanding dengan nilai wang denda itu kerana di sini dikatakan RM3,000 itu boleh dikatakan disamakan dengan tiga tahun penjara tetapi kalau kita melihat 22 pula kita dapati bahawa apabila kesalahan disabitkan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan. Mengapakah dalam satu kes dendanya RM3,000 dan tidak melebihi tiga tahun tetapi dalam kes yang lain pada 22 ini RM5,000 dendanya atau lima tahun penjara. Jadi pada saya tidak ada keseimbangan di sini. Sepatutnya mesti ada keadaan yang jelas menentukan denda itu persamaannya dengan berapa lama penjara atau tahanan dan kalau ada keselarasan itu barulah nampak rasional tentang apakah sebabnya sesuatu perkara itu disebutkan sedemikian.

Manakala, tentang 19(2) Tuan Yang di-Pertua pula, 19(2) - tiap-tiap RELA yang layak mendapat pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dibekalkan dengan apa-ataupun pakaian seragam dan kelengkapan dan memakai apa-apa lencana.

Perkara yang kurang jelas pada saya di sini ialah tentang kelengkapan pakaian seragam dan kelengkapan. Adakah kelengkapan ini termasuk senjata api? Saya lihat ada kalanya pasukan RELA terlibat dengan menjaga trafik bersama-sama dengan polis dan mereka kelihatan menggunakan alat senjata. Jadi di sini saya lihatlah tidak ada dijelaskan sama ada mereka mempunyai hak atau tidak untuk mempunyai senjata dan sama ada kelengkapan itu bermakna juga termasuk senjata.

Tuan Yang di-Pertua, komen umum yang hendak saya sebutkan tadi ialah bahawa ada penjelasan mengatakan bilangan-bilangan RELA sekarang ini kalau tidak salah saya, maaf kalau silap sudah mencapai kira-kira 2.5 juta orang. Betul tidak?... Kira-kira begitu ya.

Dato' Lee Chee Leong: Betul!

Dr. Syed Husin Ali: Dan di tiap-tiap negeri diagih-agihkan bilangan mereka dan bukan sahaja di negeri-negeri bahkan di tiap-tiap kawasan Parlimen pula diagihkan bilangan yang berbeza dan nampaknya bilangan yang paling banyak sekali ialah di Selangor. Ini menimbulkan syak dan waham di setengah-setengah orang dan saya ingin meluahkan juga syak dan waham ini iaitu sama ada mungkin atau tidak satu ketika nanti setengah-setengah daripada mereka ini digunakan sebagai pengundi pos atau pengundi yang lain. Jadi oleh kerana ada syak dan waham itu saya ingin mendapatkan jaminan setegas-tegasnya terutama daripada Menteri yang berkenaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tidak akan ada peristiwa di mana ahli-ahli RELA ini digunakan sebagai pengundi pos atau pengundi-pengundi cara yang lain. Jadi sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

6.44 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang RELA perlu digubal dan diluluskan bagi menggantikan Undang-undang tubuh RELA yang terhenti kuat kuasa pada 21 Jun 2012 selepas penarikan balik proklamasi Darurat 1969 yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu. Peraturan perlu Ikatan Relawan Rakyat 1964 pindaan 2005 telah dipinda kepada Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) 2012 yang dilihat lebih efektif dan relevan dengan keadaan masa kini dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan penubuhan Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan untuk mengadakan peruntukan bagi tugas dan kuasanya serta bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Selaras dengan program kerajaan di bawah NKRA bagi mengurangkan kadar jenayah RELA kini dilihat semakin menepati transformasi yang diperkenalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Langkah mengkodifikasikan akta baru ini menunjukkan pengiktirafan kerajaan kepada Sukarelawan Malaysia. Kita maklum bahawa pertubuhan sukarelawan makin hari makin relevan dalam kehidupan kita kerana mereka juga telah banyak menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran serta pembangunan masyarakat dan rakyat di negara kita.

Selain itu sukarelawan juga turut mengawal keselamatan di kawasan-kawasan berkepentingan kerajaan seperti jana kuasa, pusat-pusat telekomunikasi malah pintu-pintu masuk sempadan laut dan darat negara. Selain itu juga, RELA menjadi pemangkin kepada aktiviti kemasyarakatan setempat termasuk program gotong-royong, kawalan keselamatan setempat dan aktiviti oleh agensi kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas. Pertama sekali antara inti pati utama dalam akta baru ini adalah berhubung dengan pendaftaran dan had umur yang ditetapkan. Sebelum ini untuk menyertai anggota sukarelawan itu adalah 16 tahun. Kini dipinda kepada 18 tahun.

Kita sangat menyokong transformasi yang dibuat terhadap RELA kerana RELA adalah merupakan platform perpaduan serta pupuk semangat kesukarelawan, tanggungjawab dan jati diri yang tinggi di kalangan generasi muda. Dilaporkan sehingga kini RELA merekodkan keahlian seramai hampir tiga juta orang.

Soalan saya apakah mekanisme yang digunakan untuk mendaftar Ahli Sukarelawan ini dan apakah kerajaan akan membenarkan sukarelawan yang berdaftar pada masa ini didaftarkan secara automatik? Apakah langkah atau promosi yang dirancangkan untuk menarik minat masyarakat terutama belia pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara? Ini merupakan lebih 50 peratus penduduk Malaysia untuk menjadi sukarelawan dan menyertai pasukan sukarela. Mungkin boleh menjalinkan kerjasama dengan universiti-universiti dan institusi pengajian tinggi untuk mendaftarkan pelajar-pelajar menyertai pasukan sukarelawan daripada belia menyertai perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat seperti demonstrasi jalanan BERSIH atau kumpulan-kumpulan tertentu yang boleh merosakkan minda pemikiran belia lebih baik kita galakkan mereka berkhidmat untuk masyarakat. Ilmu pengalaman dan kemahiran bertambah dan boleh dimanfaat. Dengan kerja sukarelawan ini sikap toleransi dan integriti makin tertanam di jiwa belia terutamanya kita tuju kepada pelajar-pelajar universiti dan kita dekati dan kenali kehidupan dahulu sebelum kita sertai politik pembangkang yang merugikan.

Selain itu, peruntukan ini disokong sekali kerana hanya lepasan sekolah iaitu belia yang berumur 18 tahun sahaja yang layak menyertai sukarelawan ini. Bermakna mereka yang di bawah umur 18 tahun wajar fokus kepada pelajaran. Namun dari satu perubahan umur ini relevan kerana pengiktirafan datang bersama tanggungjawab dan risiko serta bidang kuasa pekerjaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan di Bahagian III yang menjelaskan tugas dan kuasa RELA. Agak sukar untuk pelajar memikul tanggungjawab dalam masa yang sama mereka perlu fokus dengan pelajaran yang dibimbangi boleh mengganggu mereka.

■1850

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kemusykilan apakah rasional setiap ahli perlu memperbaharui keahlian mereka setiap lima tahun seperti mana yang disebut di bawah seksyen 9. Saya juga mohon penjelasan mekanisme penubuhan satu pasukan sukarelawan ini ditubuhkan. Akta ini tidak menjelaskan tatacara penubuhan pasukan sukarelawan secara jelas dan saya juga ingin bertanya berapakah jumlah pasukan sukarelawan di seluruh negara.

Selain daripada itu, berkenaan dengan elaun atau emolumen sukarelawan ini. Sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 27 rang undang-undang ini, Menteri boleh membuat peraturan berkenaan elaun faedah, ganjaran dan sebagainya. Di sini saya minta penjelasan statistik sukarelawan yang aktif berapa? Pasukan sukarelawan yang aktif itu berapa? Kalau ada yang tidak aktif kenapa mereka tidak aktif? Adakah kerana mereka tidak cukup masa atau kerana tidak ada elaun atau apa sebabnya.

Saya percaya elaun atau bayaran yang sewajarnya perlu dibayar kepada sukarelawan kerana sumbangan tenaga dan masa mereka mungkin masa untuk keluarga justeru dengan sedikit bayaran dapat membantu sukarelawan membayar balik masa dan tenaga yang keluar untuk keluarganya. Sebagai contoh di samping itu, sukarelawan kita juga menjangkaui ahli-ahli profesional seperti doktor, arkitek dan sebagainya. Jadi saya harap agar Menteri mengkaji jumlah yang munasabah selaras dengan kedudukan negara kita ke arah negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dengan senjata api. Walaupun peruntukan untuk menggunakan senjata api telah dilucutkan atas alasan kegunaan senjata bolehlah bukanlah satu perkara *paramount* tetapi pihak kerajaan perlu memikirkan semula kepada keperluan ini. Ini berdasarkan contoh pasukan lain yang dilatih menggunakan senjata api seperti pasukan simpanan, *Reserve Force Singapore, Reserve Force Thailand*, juga *Reserve Force Indonesia* di bawah ABRI. Mereka semua mempunyai latihan penggunaan senjata api yang kukuh kerana jika keperluan mendadak di masa hadapan pasukan simpanan ini akan dikerah menjadi pelapis kepada angkatan bersenjata lain mempertahankan negara.

Oleh itu, RELA mestilah mempunyai kekuatan yang serupa sedangkan PLKN dan PALAPES dilatih dengan baik tatacara menggunakan senjata apatah lagi pasukan sukarelawan ini.

Jika ia dikenali '*Third Line of Defence'* maka seharusnya ia mesti mampu mempunyai pengetahuan dan penggunaan senjata yang berkaitan cuma cara atau mekanisme menyimpan senjata api sahaja yang perlu difikirkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hukuman berbentuk larangan di bawah Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 hendaklah dibuat kajian semula atau pihak kerajaan hendaklah mencari satu mekanisme khusus dalam menangani isu ahli yang melakukan kesalahan selain daripada larangan dan denda berbentuk kewangan yang jumlahnya agak kecil. Persoalan ini yang timbul di bawah rang undang-undang ini ialah apakah pihak kerajaan akan bertanggungjawab sebagai *principle?* Apakah kerajaan bertanggungjawab secara *voluntary non feed injury atau rest is far liquito* atau *vicarious liability* atau satu soalan lagi bolehkah mana-mana ahli *apply mandamus order* jika ahli tidak bersetuju dengan Menteri yang bertanggungjawab yakni KDN?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap agar pelaksanaan dan berkuat kuasanya akta ini, kerajaan terus konsisten dengan memberi sokongan kepada sukarelawan negara ini yang banyak menumbang kepada keharmonian, kemakmuran dan kemajuan masyarakat dan negara. Perpaduan negara juga berbentuk melalui mekanisme sukarelawan ini di mana ahli-ahlinya terdiri dari pelbagai bangsa, agama dan kaum di Malaysia dan membentuk pasukan sukarelawan yang sumbangan mereka dari segi pembangunan masyarakat dilihat sebagai satu signifikan sekali malah mereka dilihat sebagai nadi kepada keharmonian dan pembangunan masyarakat di negara kita.

Diharap kaji selidik yang berterusan dari semasa ke semasa dalam aspek tertentu dalam pelaksanaan dasar ini, dapat diwujudkan di antara agensi-agensi yang lain bagi memastikan dasar melaksanakan ini terus ditambah baik dan selaras dengan perkembangan semasa selaras dengan usaha melahirkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti dalam menuju negara maju berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini saya ingin menyokong ucapan saranan daripada rakan saya tadi di mana Ahli-ahli Dewan Negara ini bukan hanya seorang dua sahaja dilantik sebagai sukarelawan yang berpangkat tinggi. Jadi saya menyokong penuh sukarelawan ini dilantik juga Ahli-ahli Dewan Negara yang lain dan Ahli Dewan Negara Wanita juga jangan dikecualikan.

Dengan ini saya mencadangkan Ahli Dewan Negara Wanita juga dilantik kalau boleh secepat mungkin yang boleh. Itu nampak Dato' Mohammed Najeeb mengangguk-angguk dia pun sudah awal dahulu dilantik jadi sebab itu dia mengangguk awal-awal itu. Jadi minta sampaikan salamlah dengan Dato' Seri Hishammuddin kenapa seolah-olah ada birokrasi, ada orang yang boleh dilantik, ada orang yang tidak boleh dilantik. Saya rasakan rakan-rakan saya bersetujulah. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

6.56 ptg.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyentuh dan menyokong Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan 2012. Menyebut tentang RELA, kita mempunyai persepsi yang pelbagai. Kita tahu bahawa RELA ini satu institusi yang sudah lama wujud sejak kita menentang dalam zaman *emergency* dahulu tetapi persepsi ini berubah-ubah dari semasa ke semasa bergantung pada keadaan. Ada bagi saya, pada satu ketika menganggap RELA ini sebagai satu tempat, satu laluan yang membolehkan sesetengah masyarakat ataupun rakyat memegang senjata dan lebih daripada itu boleh menyimpan senjata. Itu sebab orang hendak masuk RELA. Orang yang ada minat ke arah itu memikirkan tentang keselamatan diri dan juga keluarga, dia kata dia pilih hendak masuk RELA kerana semata-mata hendakkan senjata.

Ada yang masuk RELA ataupun menjadi ahli RELA kerana ia menjadikan itu satu profesion. Di tempat saya ramai, ramai yang menjadi ahli RELA, ahli sukarelawan dan dia tidak ada kerja lain. Kerja dia, tugas dia menjadi ahli RELA. Dia tidak ada kerja sampingan.

Saya tidak nampak dia buat kerja lain. Jadi apabila hari ini Timbalan Menteri mengatakan hari ini RELA tidak lagi menjaga depoh-depoh Imigresen, dia sudah tidak ada sumber pendapatan yang boleh diharapkan melainkan tugas-tugas yang ("sukarela") yang dibuat.

Jadi ini adalah pelbagai persepsi masyarakat hari ini terhadap RELA. Saya menganggap RELA sebagai satu badan yang sekarang ini nampaknya lebih dinamik dengan kemasukan ahlinya yang semakin bertambah. Kalau September tahun 2009 ahlinya 596,000 orang, tetapi hari ini seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri 2.928 juta. Satu kenaikan yang mendadak dengan secara sama ada kita sedar atau tidak sedar dengan secara kita meningkatkan kesedaran kepada orang ramai tentang satu institusi yang disebutkan tadi *third line of defence*. Sebelum itu saya lupa hendak perkenalkan diri, nama saya Briged Jeneral Najeeb Abdullah (Kehormat)... *[Tepuk]* Jadi tidak lama lagi saya rasa Senator Hajah Noriah pun juga Briged Jeneral Hajah Noriah. Jangan risau, pegawai-pegawai sana sedang menunggu masa untuk mentauliah ataupun menganugerahkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, berhubung dengan masa depan RELA, hala tuju seperti mana yang digariskan dalam rang undang-undang yang baru ini, nampaknya RELA semakin relevan tinggal lagi RELA harus dikemaskinikan. Kedatangan rang undang-undang pasukan sukarelawan ini sedikit sebanyak boleh membantu walaupun pada saya banyak perkara-perkara yang boleh dimuatkan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai tentang RELA dan fungsi-fungsinya.

■ 1900

Berhubung dengan latihan, saya melihat bahawa latihan hari ini daripada pandangan mata kasar saya kepada ahli-ahli RELA yang sedia ada, mungkin saya tidak tahu jadual-jadual yang sedia ada tetapi latihan yang diberi mungkin tidak sistematik dan tidak menyeluruh. Saya berpendapat dan melihat sendiri ada ahli-ahli yang sentiasa pergi kursus, yang sentiasa diberi peluang untuk latihan tetapi ada ahli-ahli yang mungkin tidak pernah langsung hadir dan mereka ini tidak tahu kenapa mereka tidak dipanggil.

Saya beranggapan bahawa mungkin terdapat diskriminasi. Mungkin bukan di peringkat jabatan tetapi di kalangan pemimpin-pemimpin di dalam pasukan RELA itu sendiri. Jadi saya juga setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Khoo tadi supaya mengehadkan jumlah hari latihan untuk satu anggota RELA itu, berapa banyak mereka boleh hadir latihan dalam setahun supaya kita juga kena berlaku adil kepada majikan yang mengikut rang undang-undang ini boleh didakwa sekiranya mereka tidak memberi kebenaran. Jadi bagi tidak menghampakan ataupun menyusahkan majikan, kita kena *transparent* juga, telus juga. Beritahu. Kalau silingnya 30 hari, tetapkan 30 hari. Ini bergantung kepada struktur sistem latihan yang hendak diperkemas kini.

Mereka yang di bawah 18 tahun, saya baru tadi Yang Berhormat Hajah Noriah sebut 16 tahun. Ini satu angka ataupun umur yang mungkin rendah dan saya amat setuju kalau kita mulakan dengan umur 18 tahun dan saya hendak tahulah berapa ramai hari ini yang di bawah 18 tahun yang sudah mendaftar. Di bawah 18 tahun. Kalau boleh jangan kita ketepikan. Hanya tunggu masa sahaja untuk kita serapkan mereka kepada institusi RELA ini.

Berhubung dengan tempoh keanggotaan selama lima tahun iaitu seseorang apabila dia menjadi ahli, tempohnya lima tahun kecuali– *unless* dia dimaklumkan dia akan ditamatkan atas sebab-sebab tertentu. Ini pun elok kita diberi sedikit garis panduan yang lebih jelas supaya ahli itu lebih berhati-hati. Dia tahu kalau dia buat silap, di mana silapnya dan apa akibatnya kalau dia buat silap. Mungkin dia akan hilang keahliannya sebagai anggota RELA.

Pakaian seragam kita tahu memang dibekalkan dan saya sendiri pun telah mendapat pakaian seragam dan bukan murah. Saya dimaklumkan hampir RM300 untuk satu pasang yang termasuk *cap*, baju, jaket dan seluar. Tidak termasuk kasut. Bayangkan kalau anggota kita yang seramai 2.9 juta orang ini, kalau pada satu ketika sahaja, kalau hendak dibekalkan, mungkin yang anggota biasa itu rendah sedikit kosnya. Bayangkan kalau RM100 sahaja, kosnya sudah ratusan juta ringgit untuk memperlengkapkan keanggotaan, keseluruhan anggota RELA ini.

Jadi saya rasa oleh kerana belanjanya tinggi, bilangan anggota itu pun ramai, kita kena berhemah juga supaya anggota yang ramai itu benar-benar anggota yang berfungsi dan benar-benar bersikap ataupun mempunyai semangat kesukarelawan di samping mereka ini sedikit sebanyak boleh menyumbang pada satu-satu ketika. Bukan seperti yang saya sebutkan tadi, kumpulan yang menjadikan RELA sebagai satu periuk nasi bagi keluarga mereka.

Berhubung dengan elaun, sebagaimana yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat yang lain, saya pun amat setuju kerana hari ini elaun itu tidak *transparent*. Elaun lain, bayaran perkhidmatan lain. Ini pun hendak diberi sedikit penerangan. Apa bezanya elaun dengan bayaran perkhidmatan? Kalau kita menggunakan perkhidmatan anggota RELA katalah untuk tugas mengawal lalu lintas, kita bayar dia bukan elaun. Kita beri dia bayaran perkhidmatan. Adakah di samping itu, mereka ini layak untuk diberi elaun yang tetap atau adakah mereka-mereka yang menggunakan perkhidmatan itu membayar kadar mengikut kadar elaun yang ditetapkan oleh kerajaan yang hari ini kalau tidak silap saya di bawah kadar RM7 sejam. RM6.80 sen kalau tidak silap saya dan saya tidak tahu kerana tidak ada rujukan.

Berhubung dengan perakuan pelantikan ahli-ahli ataupun anggota RELA ini akan diberi lencana di samping uniform. Ini juga harus dikawal dengan baik kerana kita juga pernah lihat satu ketika dahulu pakaian seragam angkatan tentera dijual di pasar-pasar malam. Baju celoreng dijual di pasar malam. But-but tentera dijual di pasar malam dan di sini juga kita perlu berhati-hati. Apakah inisiatif kita bagi memastikan perkara ini tidak berlaku?

Berhubung dengan pentadbiran di peringkat jabatan, saya lihat sebagai satu institusi ataupun badan yang mempunyai anggota yang ramai tetapi struktur organisasi jabatan di peringkat daerah-daerah dan juga negeri mempunyai satu struktur yang longgar dan lemah. Saya berkata demikian kerana pegawai-pegawai RELA yang ada di peringkat negeri beroperasi di dalam satu keadaan yang kadang-kadang saya sedih juga lihat. Dalam pejabat yang sempit. Kadang-kadang saya tengok tidak ada hawa dingin. Dengan uniform-uniformnya yang berlambak-lambak stoknya dan tidak ada ruang pejabat yang selesa dan pegawai-pegawai ini merupakan pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk menjaga sekumpulan manusia yang besar. Satu bala tentera yang besar. Mungkin di satu daerah itu ada 10,000 anggota hingga 12,000 anggota RELA. Bayangkan satu premis yang kecil untuk diguna pakai oleh mereka yang ramai tadi, kita boleh bayangkan kesulitan.

Kedua, dari segi imej. Dari segi imej RELA itu sendiri tidak menampakkan sesuatu yang gah. Sesuatu yang boleh dibanggakan dan menaikkan semangat kesukarelawan di kalangan ahli-ahli RELA itu mahupun dari kaca mata orang ramai.

Berhubung dengan *batch* atau lencana tadi, saya juga pernah terlihat di kereta-kereta. Di kereta-kereta mewah terutamanya. Mereka menggunakan lencana-lencana yang memaparkan logo RELA seolah-olah melambangkan mereka ini macam Jeneral RELAlah mungkin. Dia ada lencana dekat keretanya dan sudah tentu lencana-lencana ini apabila dilekatkan di plat nombor kereta untuk menaikkan imej, prestasi, ego seseorang pemandu kereta itu.

Jadi soalannya, adakah ini menjadi sesuatu yang diterima pakai ataupun dikeluarkan secara rasminya oleh pihak RELA itu sendiri. Kalau tidak, bagaimana kita membendung keadaan ini supaya tidak menjejaskan imej institusi RELA itu sendiri. Ini kerana tidak berapa lama dahulu kita ingat, satu ketika dahulu kita digemparkan dengan penubuhan satu badan yang beruniform juga yang mana seorang jeneralnya berumur sekitar 30-an ataupun 40-an yang menjual pangkat-pangkat, yang menjual plat-plat kereta ataupun lencana-lencana kereta bagi melambangkan mereka ini adalah ahli kepada pertubuhan itu.

■1910

Sama ada halal atau haram saya tidak tahu. Akan tetapi ini memang pernah digambarkan di dalam negara kita tidak berapa lama. Jadi, kita tidak mahu ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mungkin dia ahli RELA tetapi dia mengambil kesempatan di situ.

Perkara seterusnya ialah berhubung dengan pangkat kehormat yang dianugerahkan oleh pihak Menteri. Jadi, bagi menghilangkan keresahan rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sebenarnya tidaklah niat pihak Menteri sendiri untuk menganaktirikan atau diskriminasi mana-mana ahli Dewan Negara.

Saya dimaklumkan baru-baru ini dalam satu upacara penganugerahan pangkat kehormat RELA yang dimaksudkan untuk tiga negeri iaitu Negeri Sembilan, Johor dan Melaka dan diadakan di Melaka. Saya hairan kenapa rakan-rakan Senator saya daripada Melaka tidak hadir. Begitu juga rakan-rakan daripada Johor. Ada yang datang?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Bukan tidak hadir, itu tidak dijemput.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih. Walau bagaimanapun, jangan jadikan itu satu kata orang penyebab untuk kita tidak mahu menyumbang atau pun berbakti melalui RELA. Jeneral Baharudin boleh terima tidak lama lagilah dan begitu juga rakan-rakan Jeneral yang lain.

Akan tetapi saya ingin mohon penjelasan juga daripada Menteri tanggungjawab kami sebagai pemegang pangkat kehormat bagaimana kami boleh menyumbang bersama-sama dengan anggota RELA yang lain? Yang ini mungkin boleh diberi sedikit penjelasan supaya kehadiran kami dalam pasukan itu...

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat, boleh minta mencelah sedikit?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Sila.

Tuan Khoo Soo Seang: Kalau sekiranya Ahli Dewan Negara dikurniakan pangkat kehormat Jeneral, jadi macam mana dengan Tuan Yang di-Pertua? Apakah pangkat kehormat yang sepatutnya dikurniakan kepada Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua sudah di peringkat umur ini tidak payahlah.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih. Saya hendak terangkan, Jeneral ini ada banyak. Ada *one star, two star, there star* dan pihak Menteri empat *star*. Saya satu *star*, begitu juga Yang Berhormat yang lainlah. Jadi, saya yakin Tuan Yang di-Pertua 4 *star*. Jadi, bukan hak saya tetapi saya yakinlah mungkin pihak Menteri boleh menjelaskannya.

Berhubung dengan tanggungjawab tadi pun perlu. Ini kerana kita bukan sahaja hendak syok-syok sendiri tetapi nilai tambah yang kita boleh lakukan sebagai Ahli-ahli di Dewan Negara bagi memantapkan lagi pasukan. Ini kerana masalah imej tadilah yang saya sebutkan. Masalah imej bagaimana persepsi hari ini walaupun kita akan meluluskan RUU ini sebentar nanti dan diterima pakai melalui 22 Jun tahun ini, tetapi bukan sesuatu yang mudah untuk menukar persepsi masyarakat bukan sahaja dalam negara bahkan di luar negara tentang RELA itu sendiri.

Ini kerana kalau hari ini kita rujuk kepada *wikipedia*, *wikipedia* hari ini menggambarkan bahawa RELA ini sebagai satu badan *paramilitary* yang beruniform yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk bertugas di pusat-pusat kemasukan pelawat, pelancong mahu pun pekerja-pekerja asing. Itu tugas rasmi. Akan tetapi sedangkan hari ini dalam RUU *clear* bahawa tugas atau pun tanggungjawab ahli-ahli RELA adalah membantu.

Dalam perkara atau pun fasal 5 tugas-tugas RELA semuanya membantu. 5(1)(a) membantu, 5(1)(b) membantu bantuan pihak berkuasa, mengambil bahagian khidmat masyarakat dan 5(1)(d) juga membantu. Tidak ada menyebut bahawa RELA itu mempunyai kuasa mutlak untuk melancarkan gerakan-gerakan seumpama *rate* seperti yang digambarkan dalam *wikipedia* yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dalam *wikipedia* menggambarkan banyak perkara-perkara negatif yang digambarkan seolah-olah RELA telah menyalahgunakan kuasa ahli-ahli RELA, menyalahgunakan kuasa, membuat tangkapan-tangkapan. Ada juga perkara rogol juga yang disebutkan dalam itu. Ada juga perkara-perkara salah guna kuasa yang lain. Yang ini diutarakan sedangkan sumbangan RELA dalam menguatkan institusi keselamatan negara tidak disentuh.

Jadi, masalah persepsi inilah yang saya sebutkan tadi. Walaupun kita akan luluskan sebentar lagi bagaimana kita harus merubah gambaran ini? Gambaran yang selama ini menggambarkan penyalahgunaan kuasa ahli-ahli RELA yang ditimbulkan, yang diberi tekanan. Sedangkan sumbangan ahli-ahli RELA dalam apa juga bentuk kerjasama terutamanya dalam perkara-perkara kawalan, dalam perkara-perkara keselamatan dan juga membantu pasukan-pasukan keselamatan negara. Apatah lagi dalam NKRA hari ini.

Kalau kita dalam NKRA menurunkan kadar jenayah menjadi salah satu pokok utama, RELA berperanan penting membantu pasukan polis dengan kerjasama tentera dan sebagainya bagi mengurangkan *street crime* di kawasan-kawasan yang panas.

Jadi, masalah persepsi inilah yang saya rasa RELA harus mempunyai satu strategi yang bagus, yang kuat, yang berkesan bagi menangkis masalah-masalah negatif, persepsi negatif yang kadang-kadang sengaja ditimbulkan oleh mereka di luar sana termasuk media asing, termasuk rakan saya di hujung sana yang tadi juga mempunyai persepsi negatif mengatakan RELA mungkin diguna pakai untuk membantu menguatkan sesuatu kerajaan.

Apabila tiba pilihan raya, mungkin RELA akan diberi keistimewaan dalam masa mengundi pos misalnya. Ini mungkin satu andaian beliau tetapi ini sudah menampakkan bahawa RELA itu bukan sahaja disegani tetapi ditakuti oleh sesetengah pihak.

Berhubung dengan bab senjata Tuan Yang di-Pertua, juga sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Hajah Noriah tadi saya amat bersetuju bahawa kita tidaklah boleh terus menghapuskan peluang untuk ahli-ahli RELA ini menggunakan senjata. Kalau kita hendak gunakan RELA sebagai *third line of defense* sudah tentu RELA diperlukan dalam membantu tentera dan juga polis pada ketika-ketika yang diperlukan. Sudah tentu kemahiran menggunakan senjata menjadi keutamaan. Jadi, keseluruhannya saya rasa SOP dalam RELA harus dipertingkatkan. SOP kepada semua anggota RELA di pelbagai peringkat, *every stage of the* RELA *community* mesti diperjelaskan.

Hari ini kita tengok ada juga ahli-ahli RELA yang sungguh disiplin, yang mengikut apa juga garis panduan tetapi kita juga ada mendengar ahli-ahli RELA yang kurang berdisiplin yang tidak mahir, yang tidak tahu apa yang dia harus buat dan apa yang dia tidak boleh buat sebagai seorang ahli yang beruniform walaupun sebagai seorang sukarelawan.

Berhubung dengan sebagai salah satu objektif RELA untuk menguatkan perpaduan di antara pelbagai kaum di negara kita. Ini saya rasa satu usaha atau pun objektif yang harus diterima pakai. Akan tetapi dalam melaksanakannya saya menyarankan supaya setiap platun yang ditubuhkan di mana-mana juga sama ada dalam bandar, di taman-taman atau pun di dalam kawasan luar bandar di kampung-kampung, pedalaman dan sebagainya pastikan platun itu tidak hanya terdiri daripada satu kaum.

Ini saya lihat kadang-kadang di separuh taman kalau kelompok itu orang Melayu, orang Melayu sahaja. Kalau orang India, orang India. Jadi, bila masanya perpaduan itu boleh kita semaikan. Kalau boleh disyaratkan setiap platun mesti ada pelbagai bangsa. Ada Melayu, ada Cina, ada Indianya atau pun ada Iban, ada Kadazan dan sebagainya.

■1920

Ini harus kita tekan di peringkat akar umbi sendiri. Bagi nampak kesungguhan dia menjadikan perpaduan itu sebagai antara objektif negara ataupun objektif nasional. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah antara beberapa perkara yang saya hendak sentuh dan akhir sekali saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya mohon daripada pihak supaya tidak diabaikan hasrat rakan-rakan saya tadi yang menyala-nyala semangatnya untuk menjadi salah seorang sukarelawan dalam RELA, bukan sekadar pangkat itu tetapi saya yakin kerana sama-sama membantu negara yang kita sama-sama cintai. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

7.21 mlm.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bercakap, berucap menyokong Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 ini. Pertama sekali saya rasa mungkin saya hendak ucapkan ini telah disentuh oleh kawan-kawan. Akan tetapi untuk mula bercakap saya ingin memperkukuh dengan izin *reinforce* bahagian terakhir daripada ucapan Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah tadi supaya salah satu objektif RELA ini secara tersurat, secara *explicit* dinyatakan ialah untuk meningkatkan perpaduan.

Saya melihat RELA ini satu mekanisme yang mempunyai potensi yang besar untuk kita membina sebuah negara bangsa iaitu satu aspek dalam kehidupan kita bernegara yang rasanya pada masa ini masih belum lagi sampai ke tahap yang kita ingini. Jadi, saya menyokong benar apa dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah tadi.

Berikutan itu saya juga ingin mengemukakan soalan-soalan berikut kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian iaitu mengenai persiapan memberikan latihan yang sistematik anggota RELA yang jumlahnya sudah mencapai 3 juta. Ini satu jumlah yang menakutkan. Kalau sekiranya kita tidak membuat perancangan pelatihan yang sistematik yang teratur. Berapa lama kah jangka masa latihan hendak diberikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu, kepada ranking-ranking tertentu di dalam RELA yang sudah mencapai bilangan hampir 3 juta itu? Selain daripada jangka masa latihan yang perlu dirangka secara sistematik itu, satu soalan lain yang perlu ditanyakan ialah apakah modul-modul latihan yang hendak diberikan? Adakah modul-modul latihan itu semata-mata hendak berkawat, berbaris menggunakan senjata tidakkah perlu umpamanya modul-modul latihan juga meliputi aspek-aspek fizikal, mental, spiritual dan sosial. Kalau kita benar-benar serius ingin menjadikan RELA ini sebagai satu saluran, sebagai satu mekanisme, sebagai satu wadah untuk kita membina sebuah negara bangsa, saya rasa ialah perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dengan serius.

Saya takut memikirkan dengan jumlah yang begitu banyak, apakah kelengkapan pengurusan, *management* kapasiti yang kita ada untuk menjadikan RELA itu benar-benar berkesan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi huraian yang panjang lebar tentang jasa RELA masa dahulu, khususnya pada zaman darurat, pada zaman konfrontasi di Indonesia dan sejak akhir-akhir ini kita dapati sebagaimana yang dinyatakan oleh beberapa orang kawan tadi RELA memberikan tenaga-tenaga sukarela untuk kegiatan-kegiatan sosial. Apabila ada kenduri di kampung, maka anggota RELA bersukarela memberikan tenaga dan masa untuk mengatur lalu lintas seumpamanya. Saya juga tahu ada yang bersukarela untuk bergotong-royong memotong lembu, melapah lembu di dalam kenduri-kenduri kampung yang saya sanggup sebagai satu kegiatan sosial yang patut dialu-alukan.

Oleh kerana itu kita sangat mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk melanjutkan dan memberi nafas baru kepada RELA dengan peruntukan-peruntukan baru seperti yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya ingin mencadangkan supaya sudah berlaku sebenarnya tetapi semua dilaksanakan dengan cara teratur dan sistematik. Jadi saya cadangkan supaya RELA hendaklah wujud atau berfungsi sebagai badan pelbagai fungsi dengan izin, *multifunctional organization,* bukan sahaja untuk menjaga keamanan kampung, malah untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan sosial di kampung dengan *ultimate aim* nya, matlamat akhirnya pembinaan sebuah negara bangsa di dalam masyarakat kita yang berbilang kaum ini.

Untuk itu barangkali antara perkara-perkara yang perlu dilakukan ialah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah tadi, *'kerana seekor kerbau berlumpur semua terpalit'.* Ertinya ada segelintir anggota-anggota RELA yang melakukan kegiatan-kegiatan antisosial, kegiatan-kegiatan yang tidak diingini dan ini menjejaskan nama baik RELA keseluruhannya. Oleh kerana itu antara fungsi pengurusan yang harus ditangani oleh pihak kerajaan dalam memberi imej dan fungsi baru kepada RELA ini ialah dengan membersihkan imej yang sudah terjejas itu. Supaya dengan demikian, RELA benar-benar dilihat sebagai satu badan yang positif dan konstruktif.

Selain itu, sebagaimana yang telah disebut oleh rakan-rakan tadi, fungsi yang patut dibuat oleh RELA ialah pertama, yang disebut oleh Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah meningkatkan perpaduan sosial dalam negeri, di kampung-kampung, kemudian menjaga keamanan di kampung-kampung halaman, mengawasi kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin.

Di suatu waktu dahulu kononnya ada segelintir anggota-anggota RELA yang menyalah gunakan kuasa dalam menghadapi pendatang-pendatang asing tanpa izin. Saya kira walaupun kesilapan berlaku pada masa lalu namun RELA mestilah terus diberi kepercayaan diberi tanggungjawab untuk mengawasi kampung halaman untuk mengawasi pantai dan laut kita daripada disusupi, pantai laut dan perbatasan-perbatasan kita daripada diseludupi oleh pendatang-pendatang asing tanpa izin itu. Ini bermakna RELA patut dijadikan saluran atau mekanisme untuk pembentukan sebuah negara bangsa dan seiring dengan itu juga ialah untuk meningkatkan semangat patriotisme kita, untuk meningkatkan perpaduan antara kaum kita.

Apabila anggota RELA semakin meningkat bilangannya maka dengan sendirinya memerlukan keupayaan pengurusan yang lebih cekap dan *facility* yang lebih lengkap. Saya ingin mendapat jawapan apabila Yang Berhormat Menteri menggulung perbahasaan ini nanti, apa persiapan pengurusan yang lebih cekap dan persiapan *facility* yang lebih lengkap itu diadakan untuk menampung bilangan yang hampir tiga juta itu? Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya RELA diberi kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan untuk berfungsi sebagai satu organisasi yang konstruktif dan produktif.

■1930

Dengan demikian harapan-harapan yang kita suarakan dalam Dewan ini akan tercapai, akan terlaksana. Ertinya perlu ditingkatkan program-program dengan izin, *capacity building*. Program-program meningkatkan keupayaan dari sekali fizikal, psikologikal, mental dan sosial.

Akhirnya saya ingin mengakhiri kembali apa yang saya sebutkan tadi bahawa RELA haruslah diperkasa. Saya mencadangkan supaya kita perkasa RELA sebagai satu wahana untuk pembinaan sebuah negara bangsa atau *nation building*. Sekali lagi saya ulangi soalan saya iaitu apakah persiapan-persiapan latihan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta perancangan yang lebih sistematik untuk memastikan RELA itu benar-benar berfungsi dengan berkesan secara konstruktif dan positif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan yang terakhir sekali Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

7.31 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara-perkara yang sangat relevan dan penting telah pun diungkit dan dibahas. Jadi saya tidak ada banyak perkara untuk diucap, hanya satu atau dua perkara sahaja.

Pertamanya, pada masa ini sukarelawan RELA ada memberi kebenaran untuk *search*, *seize* dan *arrest* tanpa *warrant*, dengan izin, ataupun tanpa apa-apa penerangan. Kadang kala mereka pun ada senjata api. Ada juga beberapa kes di mana salah guna pun berlaku. Jadi dengan penggubalan undang-undang baru ini diharap perkara-perkara sebegini akan dikemas kini kerana perkara-perkara itu akan menjejas nama baik RELA. Jadi apakah tindakan atau latihan yang akan diwujudkan untuk mengemas kini perkara ini. Adakah selepas penggubalan undang-undang ini RELA masih ada kuasa untuk *search*, *seize and arrest* tanpa waran ataupun tanpa penerangan. Juga adakah mereka dibenarkan membawa senjata api?

Tuan Yang di-Pertua, saya baca di surat khabar bahawa ada satu insiden pada 16 Februari 2012 di mana beberapa pegawai RELA telah merompak seorang mekanik dan apabila beliau melaporkan di balai polis, polis memukul beliau dan *force a confession*, dengan izin. Adakah perkara ini disiasat dan apakah keputusan terkini? Insiden ini berlaku pada 16 Februari 2012, seorang mekanik ya. Tuan Yang di-Pertua, ada juga laporan bahawa seorang ahli RELA di Sabah ialah seorang pendatang asing dengan IC palsu menjadi ahli RELA. Jadi ini menunjukkan bahawa pengambilan sukarelawan tidak begitu kemas dan tersusun. Kesilapan-kesilapan begini tidak harus berlaku. Ini berlaku di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila RELA membuat kerja masyarakat mereka mendapat nama yang baik tetapi bila melakukan kerja-kerja mengawal pendatang asing ataupun pelarian ada banyak laporan di *mass media* bahawa terdapat salah guna kuasa. Saya harap bila RELA mengambil kerja-kerja begini mereka ini mesti dilatih dengan lebih tersusun dan ada pengetahuan macam mana mengendalikan kerja-kerja berat ini. Itu sahaja pandangan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

7.35 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan secara spesifik, izinkan saya menjelaskan secara sepintas lalu sejarah panjang penubuhan RELA ini. Penubuhan pasukan sukarelawan bermula dengan penubuhan pasukan *home guard* semasa darurat tahun 1948 dahulu. Pada tahun 1960 selepas darurat tamat, keahlian pasukan ini telah dibubarkan. Selepas itu sekali lagi khidmat sukarelawan diperlukan semasa negara menghadapi ancaman konfrontasi pada tahun 1963 hingga 1965.

Ikatan Relawan Rakyat atau lebih dikenali dengan RELA yang ada pada hari ini ditubuhkan melalui Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1964, Peraturan-peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat) (Pindaan) 2005 di atas kesedaran kerajaan akan pentingnya kewujudan sebuah pasukan sukarela yang tetap untuk menyatupadukan rakyat bagi memastikan keselamatan dan keamanan setempat terjaga.

Dewasa ini selaras dengan Program Transformasi Politik (PTP), kerajaan telah mengorak langkah dengan mengambil inisiatif merungkaikan Proklamasi Darurat. Justeru itu Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia yang sekarang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini perlu diwujudkan kerana RELA masih kekal relevan yang mana dari segi fungsinya ia perlu fokus kepada tugas yang selari dengan keadaan semasa dalam suasana negara yang aman dan tenteram. Sebagaimana yang turut dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini memang tidak dapat kita nafikan sumbangan dan khidmat bakti yang telah RELA curahkan kepada masyarakat dan negara selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat terutama sekali mengenai singkatan nama dan logo RELA. Tuan Yang di-Pertua, logo RELA akan ditukar dan ianya masih di dalam perbincangan. Mengenai akronim pertukaran RELA namanya masih lagi digunakan. Fasal 2 rang undang-undang memberikan tafsiran Pasukan Sukarelawan Malaysia atau RELA. Fasal 3 rang undang-undang juga merujuk perkataan Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Mengenai isu umur maksimum Tuan Yang di-Pertua, tiada had maksimum umur dan umur minimum menganggotai RELA adalah 18 tahun ke atas tanpa ada had umur tertentu demi menggalakkan sifat kesukarelawan terus subur. Di samping itu anggota yang telah berumur juga masih boleh menyumbang jika tidak dalam bentuk tenaga, mereka boleh menyumbang buah fikiran dan yang lebih dari itu adalah bagi menjadi anggota senior yang berjasa.

Mengenai isu syarat pendaftaran ahli RELA, syarat-syarat pendaftaran ahli RELA adalah:

(i) warganegara Malaysia;

(ii) berumur 18 tahun ke atas; dan

(iii) bukan anggota angkatan tentera atau mana-mana pasukan atau skim sukarelawan yang ditubuhkan.

■1940

Mengenai persoalan jumlah anggota berumur 18 tahun ke bawah. Jumlah anggota berumur 18 tahun ke bawah ialah seramai 15,154 orang. Keahlian mereka secara automatik akan tergugur. RELA akan mewujudkan Kadet RELA di sekolah atas kuasa Menteri dan akan mengembangkan RELA Siswa Siswi di pusat pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan sekiranya anggota tidak aktif adakah ianya akan ditamatkan. Fasal 14 memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk menamatkan keanggotaan seorang anggota RELA. Kuasa ini merupakan kuasa budi bicara ketua pengarah. Mengenai tempoh yang dianggap munasabah bagi memulangkan alat kelengkapan dan pakaian seragam. Fasal 20(1) pegawai atau anggota RELA berhenti hendaklah dalam tempoh 14 hari mengembalikan pakaian seragam dan kelengkapan.

Mengenai isu elaun latihan dan penugasan. Pada masa kini setiap anggota RELA yang menjalani latihan dan tugasan yang diluluskan dibayar elaun iaitu anggota biasa RM4 sejam dan anggota berpangkat Leftenan Muda, Leftenan dan Kapten RM5.80 sejam. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan RM2.00 sejam. Kementerian Dalam Negeri telah mengemukakan peruntukan kenaikan elaun tersebut kepada Kementerian Kewangan dan masih dalam pertimbangan kelulusan kementerian tersebut.

Mengenai soalan yang ditanyakan mengenai skim insurans. Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan anggota RELA memang dilindungi Skim Insurans Berkelompok secara percuma. *Benefit* insurans seperti berikut:

Kes	Jumlah (RM)
Kematian	20,000
Kematian semasa tugas	40,000
Khairat kematian	2,000
Hilang upaya menyeluruh kekal	20,000
Hilang upaya separa sementara	25 sehari mak. 30 hari
Perbelanjaan perubatan	2,000 mak. tahunan setiap anggota
Elaun hospital	100 sehari mak. 90 hari
Alat ganti palsu	500 mak. tahunan

Mengenai statistik yang ditanya mengikut negeri, statistik keanggotaan RELA mengikut negeri:

Negeri	Jumlah Anggota
Johor	176,176
Kedah	148,847
Kelantan	246,515
Melaka	88,217
Negeri Sembilan	123,293
Pahang	203,574
Perak	280,627
Perlis	40,396
Pulau Pinang	226,059
Putrajaya	11,520
Sabah	273,999
Sarawak	213,407
Selangor	535,714
Terengganu	205,395
Wilayah Persekutuan	154,354
Jumlah Keseluruhan	**2,928,093**

Mengenai isu pertanyaan tentang apakah beza tugas dan kuasa RELA dahulu dan sekarang. RELA dahulu terlibat dalam penguatkuasaan PATI (Pekerja Asing Tanpa Izin). Undang-undang baru tidak memberi kuasa ini tetapi membantu pihak keselamatan apabila diminta oleh pasukan keselamatan tersebut. Selain itu RELA juga boleh membantu pihak berkuasa dalam mengawal dan mengubah haluan motor.

Mengenai dengan senjata api dan undang-undang, adakah dia diberikan kepada anggota RELA?

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat minta mencelah sedikit. Tuan Yang di-Pertua saya hendak minta penjelasan sedikit. Kalau sekiranya tanpa kehadiran anggota polis bolehkah anggota RELA mengawal lalu lintas?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua kalau ikut akta baru ini anggota RELA hanya membantu penguat kuasa yang sedia ada maksud membantu pihak polis, membantu pihak imigresen dan sebagainya. Dia bukan berjalan bertugas secara berasingan.

Mengenai senjata api latihan pengendalian senjata api dan undang-undang ada diberikan hanya kepada anggota-anggota yang berpeluang mengikuti Kursus Asas RELA. Anggota yang belum menghadiri kursus tersebut walau bagaimanapun, dilatih semasa mereka menjalani ujian kemahiran menembak RELA di peringkat daerah masing-masing.

Mengenai peralatan keselamatan yang digunakan semasa bertugas. Peralatan keselamatan yang digunakan setakat ini semasa bertugas di kawasan-kawasan dan tempat strategik adalah *walkie talkie*, *T-baton,* cota kayu, *search light, vest of* RELA dan wisel.

Mengenai hukuman di bawah fasal 18 lebih berat daripada fasal 20. Tuan Yang di-Pertua, kesalahan di bawah fasal 18 adalah lebih berat kerana ia melibatkan kesalahan penyamaran. Manakala fasal 20 hanya berkaitan kegagalan pegawai atau anggota gagal mengembalikan pakaian seragam dan kelengkapan.

Ada soalan menanya juga, apa yang dimaksudkan dengan kawasan RELA? Kawasan RELA diwujudkan adalah bagi tujuan pentadbiran dan operasi RELA. Contoh daerah Petaling yang boleh dipecah dua dan diwujudkan dua kawasan ditadbir oleh dua pegawai RELA.

Rang undang-undang ini tidak meletakkan syarat keahlian, berkaitan dengan soalan menanya tentang syarat keahlian pengambilan keahlian dengan berat badannya dan tinggi anggota RELA. Syarat kelayakan akan ditetapkan secara pentadbiran melalui kuasa di bawah fasal 24.

■1950

Mengenai statistik RELA aktif dan tidak aktif, jawapan akan diberi secara bertulis.

Mengenai kenapa tidak dinyatakan Menteri Dalam Negeri dipertanggungjawabkan bagi RELA, fasal 2 mentafsirkan perkataan menteri sebagai Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi RELA. Tafsiran ini dimasukkan bagi memudahkan khas undang-undang ini dibuat. Penempatan undang-undang ini bergantung Akta Fungsi-fungsi Menteri.

Mengenai adakah RELA akan menjadi pengundi pos, Tuan Yang di-Pertua anggota RELA merupakan organisasi sukarelawan. Maka mereka hanya mengundi mengikut saluran biasa. Mengenai apakah mekanisme untuk mendaftar anggota RELA, mekanisme pendaftaran akan dibuat secara pentadbiran yang mana borang pendaftaran boleh diakses melalui laman web RELA.

Mengenai pertanyaan langkah kerajaan bagi menggalakkan golongan muda ataupun belia untuk menyertai RELA beberapa inisiatif telah dilaksanakan iaitu bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, menubuhkan Skuad Muda RELA yang kini keanggotaan seramai 8,776 orang anggota dan angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa. Program RELA masuk ke IPTA dan IPTS dengan menubuhkan RELA Siswa Siswi yang mana keanggotaannya baru di peringkat permulaan iaitu seramai 808 orang anggota di Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Program ini akan dikembangkan di seluruh negara.

Pengurusan tertinggi RELA sedang merancang mengimplementasikan beberapa inisiatif lagi seperti melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menarik minat golongan muda.

Mengenai isu pertanyaan apakah relevannya pembaharuan keahlian setiap lima tahun. Ini adalah bagi menentukan keaktifan ahli masa kini jumlah sebenar anggota. Hanya yang aktif sahaja akan diberikan secara bertulis.

Mengenai isu uniform RELA, sejak awalnya RELA tidak dibekalkan dengan pakaian seragam selain disumbangkan oleh ahli politik di kawasan mereka atau sumbangan dari orang-orang persendirian. Pembekalan pakaian dalam jumlah yang kecil kepada anggota hanya bermula pada tahun 2004 apabila RELA melaksanakan Platun Keselamatan Daerah. Pembekalan uniform yang tidak sepenuhnya lengkap kepada anggota yang aktif bermula pada tahun 2005 apabila RELA diberi peranan menangani kebanjiran PATI. Sehingga 10 April 2012, sebanyak 331,652 pasang pakaian seragam telah diagihkan kepada anggota yang aktif.

Masalah yang ketara adalah bekalan kasut *compact* yang memadai belum dapat dibekalkan memandangkan kosnya yang agak tinggi dan ketidakupayaan pembekal. Dengan wujudnya peruntukan mengenai pembekalan pakaian seragam dalam rang undang-undang baru ini, diharapkan RELA akan diberikan peruntukan yang mencukupi dari semasa ke semasa terutamanya anggota-anggota yang aktif.

Mengenai isu tentang jenis kursus, latihan yang perlu disertai oleh seseorang anggota sukarelawan dan kenapa sesetengahnya tidak berkursus. Kursus-kursus yang dikendalikan oleh RELA adalah sebagaimana yang berikut:

(i) kursus pengenalan satu hari;

(ii) kursus asas 7 hari; dan

(iii) kursus-kursus lanjutan seperti kursus ketua platun, kursus ketua perhubungan RELA mukim, kursus bantuan khas dan kursus yang berkaitan dengan peranan dan tugas 7 hari.

Anggota yang dapat meluangkan masa mereka boleh menghadiri kursus dan yang tidak dapat meluangkan masa tidak dipaksa dan yang berkursus adalah lazimnya anggota yang aktif. Jadi isu mengenai akan membebankan majikan, isu ini tidak akan membebankan majikan sebab kursusnya adalah pendek.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Boleh mohon mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada sedikit soalan sahaja tentang RELA. Baru-baru ini RELA telah menganugerahkan dan mengurniakan pangkat-pangkat kehormat kepada ADUN, Ahli Parlimen termasuk Senator tetapi bukanlah saya hendak pangkat sangat, *please don't get me wrong* tetapi tidak semua di kalangan kita ini yang mendapat kurniaan tersebut. Saya sudah berhubung dengan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri sudah serahkan kepada Ketua Pengarah RELA. Dia kata akan menyusul tetapi sampai sekarang tidak ada apa cerita pun. Tolong Yang Berhormat Menteri tengokkan perkara ini. Terima kasih... *[Ketawa]*

Dato' Lee Chee Leong: Pangkat Ahli Kehormat?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Ya.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, ini memang adalah kuasa Menteri Dalam Negeri mengikut syarat-syarat dan bantuan pelantikan, bersekutu, berpangkat kapten di kalangan anggota yang telah banyak menyumbang dan berjasa kepada pangkat kehormat mana-mana orang dari kalangan kakitangan kerajaan, ahli politik dan ahli kehormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit lagi?

Dato' Lee Chee Leong: Ini pasal cadangan-cadangan - okey saya akan jawab lagi pasal pertanyaan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Okey, dia sudah setuju Yang Berhormat, pihak Menteri setuju tetapi belum dilaksanakan sahaja.

Dato' Lee Chee Leong: Yang Berhormat, maaf perkara ini sememangnya telah dibincangkan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan dianugerahkan dengan pangkat briged jeneral semuanya.

Mengenai SOP operasi dan SOP tugasan RELA, tugasan pasukan semua bidang yang dijalankan adalah berpandukan kepada SOP yang dikeluarkan oleh ketua pengarah dan mesti dipatuhi oleh semua pegawai dan anggota yang bertugas. Sementara pegawai dan anggota RELA yang ditugaskan membantu tugas-tugas lain-lain, agensi akan tertakluk kepada SOP agensi tersebut.

■2000

Mengenai soalan mengenai membaiki imej RELA. Tindakan susulan kementerian untuk memperbaiki imej RELA adalah akta baru ini mengukuhkan semua kuasa yang boleh mendorong RELA ke arah perkara-perkara yang buruk dan negatif dan meletakkan tanggungjawab RELA lebih kepada tugas kemasyarakatan dan hanya membantu agensi utama dalam bidang keselamatan. Kedua, memberi latihan menjurus kepada disiplin, kemahiran dan ilmu dalam setiap bidang tugasan yang bakal dilaksanakan. Ketiga, meremajakan RELA dengan menggalakkan penyertaan golongan remaja di samping pengambilan anggota yang berkualiti. Keempat, membekalkan pakaian seragam yang lengkap secara berperingkat dan kelima, memperbaharui keahlian setiap lima tahun bagi menyemak keaktifan ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan-soalan yang spesifik dan memerlukan maklumat yang terperinci, izinkan saya menjawab secara bertulis. Setakat inilah saya rasa saya dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Soalan yang tak terjawab itu, sila balas secara bertulis. Jawab secara bertulis ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya tanya sikit Tuan Yang di-Pertua? Adakah jawapan bertulis itu akan diberikan langsung kepada Ahli-ahli Dewan yang bertanya mengenai soalan-soalan yang spesifik atau semua jawapan yang tak diberikan yang dijanjikan akan bertulis itu akan diberikan kepada semua Ahli Dewan? Itu soalan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat menjawab.

Dato' Lee Chee Leong: Akan jawab kepada Yang Berhormat yang menanya soalan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya fikir seelok-eloknya kepada semualah, kepada semualah ya. Okey, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Berapa lama agaknya jawapan itu boleh kita harapkan sebab begini Tuan Yang di-Pertua, janji-janji seperti ini pernah diberikan. Ada soalan-soalan yang tidak dijawab katanya dijanjikan akan diberi tetapi penunaian janji itu tak kunjung tiba. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa lama agaknya Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan secara bertulis dan bolehkah ditunaikan? Itu soalannya.

Dato' Lee Chee Leong: Tak lebih daripada satu minggu.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Tak lebih daripada satu minggu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 28** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG JASA PERKASA PERSEKUTUAN (ELAUN KENANGAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.08 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemberian satu elaun kenangan kepada Penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan dan untuk perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012 adalah bertujuan untuk pemberian Elaun Kenangan kepada penerima-penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri seperti berikut:

(i) supaya elaun bulanan sebanyak RM1,000 kepada penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan yang masih hidup;

(ii) sekali bayaran sebanyak RM10,000 kepada penerima secara *posthumous;*

(iii) supaya diwujudkan Akta Elaun Kenangan Jasa Perkasa Persekutuan bagi membolehkan pembayaran kepada penerima-penerima dilaksanakan; dan

(iv) supaya pemberian Elaun Kenangan di atas berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemberian suatu Elaun Kenangan kepada penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan dan untuk perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada sesiapa daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskan rang undang-undang ini?

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengemukakan satu soalan sahaja dalam rang undang-undang yang bakal diluluskan nanti, Insya-Allah. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tentang elaun RM1,000 sebulan kepada penerima yang masih hidup. Soalan saya ialah apakah kerajaan tidak bercadang untuk melanjutkan pemberian elaun tersebut setelah kematian penerimanya kepada waris-waris yang terdekat. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

■2010

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop atas soalan ini. Terima kasih juga atas sokongan akta rang undang-undang ini. Buat setakat ini, untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan hanya tumpukan pembayaran elaun kepada penerima Pingat Jasa Perkasa Persekutuan yang masih hidup. Akan tetapi kepada mereka yang sudah meninggal secara *posthumous* diberikan RM10,000 dan kepada waris dan semua itu buat setakat ini masih lagi belum ada apa-apa keputusan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...? Hendak bertanya dua, tiga soalan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri berhubung Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012.

Jadi ini merupakan satu rang undang-undang yang baru dikemukakan dan sesuatu yang baik untuk mengenang jasa kepada orang yang berjasa. Soalan saya ringkas sahaja. Pertama, sudah berapa lama pingat atau sudah berapa lama mulanya Jasa Perkasa Persekutuan ini diperkenalkan? Kedua, berapa ramai yang telah dianugerahkan? Kalau sekiranya ada beberapa kali dianugerahkan, adakah amaun itu atau yang RM1,000 itu akan digandakan? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat atas soalan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, selain daripada apa yang telah pun ditanya mengenai isu tadi, berapa lamakah mulanya akta ini yang telah pun berlangsung. Dia bermula pada 11 Ogos 1960. Pada setakat ini bilangan yang telah menerima pingat ialah 93 orang sahaja. Buat setakat ini tidak ada cadangan untuk menggandakan sekiranya penerimaan itu berganda. Itu sahaja yang saya dapat jawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PINGAT TENTERA UDARA (ELAUN KENANGAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemberian suatu elaun kenangan kepada penerima Bintang Kehormatan Pingat Tentera Udara dan untuk perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012 adalah bertujuan untuk pemberian elaun kenangan kepada penerima-penerima pingat tentera udara selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada seperti berikut:

(i) supaya elaun bulanan sebanyak RM1,000 kepada penerima pingat tentera udara yang masih hidup;

(ii) sekali bayaran sebanyak RM10,000 kepada penerima secara *posthumous;*

(iii) supaya pemberian pingat tentera udara dihentikan dan calon yang layak boleh dipertimbangkan untuk pengurniaan pingat Jasa Perkasa Persekutuan mengikut syarat yang telah ditetapkan;

(iv) supaya diwujudkan Akta Elaun Kenangan Pingat Tentera Udara bagi membolehkan pembayaran kepada penerima-penerima dilaksanakan; dan

(v) supaya pemberian elaun kenangan di atas berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemberian suatu elaun kenangan kepada penerima Bintang Kehormatan Pingat Tentera Udara dan untuk perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada sesiapa yang ingin membahaskan rang undang-undang ini? Tiada yang ingin membahas. Yang Berhormat Menteri, tidak ada.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

***[Fasal 1 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2020

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan ini sementara selama lima minit.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 8.22 malam.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 8.40 malam.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■ 2040

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap semua masuk balik. Ada keadaan teknikal berlaku. Saya harap sedia maklum dan kita teruskan persidangan kita sekarang. Silakan.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.43 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] yang biasanya dirujuk sebagai AUKU telah diwartakan pada 29 April 1971 dan mula berkuat kuasa pada 30 April 1971. AUKU merupakan suatu akta yang telah diwujudkan bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia.

Selaras dengan dasar transformasi politik negara yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, kerajaan telah memutuskan agar AUKU dipinda bagi memberi hak pembabitan pelajar dalam parti politik. Ini juga membuktikan kerajaan sentiasa mengotakan janji demi memastikan kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat tercapai.

Dalam proses pindaan AUKU kali ini, Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2011 telah menubuhkan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Jawatankuasa ini telah diberikan mandat untuk mengkaji dan menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh dan kemudiannya mengemukakan cadangan pindaan kepada kementerian.

Dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, jawatankuasa berkenaan telah mengadakan pertemuan, mesyuarat, menjalankan soal selidik atas talian serta mendapatkan maklum balas bertulis daripada IPTA dan IPTS dan juga menggunakan media baru seperti *blog, email, Facebook* dan membuat sumbang saran atau *brain storming* bagi mengkaji, meneliti dan mencadangkan pindaan ke atas AUKU.

Jawatankuasa turut mendapatkan maklum balas dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak pemegang taruh, atau *stakeholders,* dengan izin seperti Ahli Parlimen, parti pemerintah dan pembangkang, persatuan kakitangan akademik dan Majlis Perwakilan Pelajar. Jawatankuasa juga meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti SUHAKAM dan sebagainya. Hasil dapatan tersebut, majoriti bersetuju agar AUKU dipinda yang mana pelajar hanya dibenarkan bagi aktif dalam politik di luar kampus sekali gus mengekalkan sifat *neutrality* politik kepartian di dalam kampus. Justeru, rang undang-undang yang dicadangkan ini telah mengambil kira pandangan dan harapan pelbagai *stakeholders* di samping mengambil kira dasar dan polisi negara yang sedia ada untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berfikiran matang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan AUKU ini dicadangkan dengan mengambil kira falsafah pengajian tinggi negara iaitu kebebasan pelajar untuk mencari, menimba dan meneroka ilmu sambil mengasah kemahiran berfikir. Dalam konteks ini, pelajar seharusnya diberikan ruang untuk mengupas dan menganalisis maklumat dan pengetahuan dalam semua bidang ilmu termasuk ilmu mengenai organisasi sosial termasuk politik.

Ini bermakna mereka bebas terlibat dengan mana-mana persatuan, badan atau kumpulan parti politik yang menjadi pegangan mereka apabila berada di luar kampus. Bagaimanapun, apabila berada dalam kampus, mereka perlu mengekalkan persekitaran ilmu yang bersifat neutral dan perbincangan yang berpandukan fakta. Selaras dengan kedudukan IPT sebagai pusat pengembangan ilmu melahirkan modal insan unggul yang dapat membentuk fitrah dan pemikiran yang tepat seterusnya memimpin masyarakat mencintai ilmu dan kebenaran.

Pindaan AUKU kali ini dibuat dengan menyeimbangkan kebebasan pelajar berpolitik dengan kebebasan akademik. Kebebasan berpolitik sewajarnya tidak mengganggu gugat IPT sebagai tempat menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ini bermaksud pelajar adalah dibenarkan terlibat dalam apa jua persatuan, badan atau kumpulan orang termasuk parti politik ketika di luar kampus. Namun, dalam masa yang sama, *neutrality* di dalam kampus sebagai pusat ilmu harus dikekalkan. Bagi mengawal selia penglibatan pelajar dan persatuan pelajar dalam aktiviti politik kepartian di dalam kampus, IPT bertanggungjawab untuk menentukan mekanisme yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan AUKU kali ini juga turut menekankan keperluan aspek kebajikan pelajar di IPT dipelihara dan dilindungi dengan sewajarnya oleh pihak IPT. Bagi maksud ini, Jawatankuasa Aduan Pelajar akan diwujudkan, yang dianggotai oleh wakil kakitangan akademik dan bukan akademik, unit audit dalam serta wakil-wakil badan pelajar. Kementerian berkeyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan yang memberikan hak kebebasan kepada pelajar ketika berada di luar kampus dan memantapkan lagi perkara-perkara yang berhubungan dengan sistem *governance* institusi pengajian tinggi akan dapat memperkasakan IPT tempatan bagi melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dan seterusnya memacu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 [*Akta 30*] untuk memasukkan takrif baru "Ketua Pengarah" dan untuk meminda takrif "Kampus". Takrif "Ketua Pengarah" dimasukkan berikutan daripada pewujudan jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 4C(1) yang baru. Pindaan kepada takrif "Kampus" bertujuan untuk meluaskan takrif itu untuk memasukkan "Kampus" yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1) [*Akta 30*] dan juga kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya oleh sesuatu universiti atau kolej universiti.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru IIA ke dalam Akta 30 yang berhubungan dengan pentadbiran. Seksyen 4C yang dicadangkan memperkatakan tentang pelantikan ketua pengarah pendidikan tinggi dan timbalan ketua pengarah. Seksyen 4D yang dicadangkan memperuntukkan perwakilan, fungsi kuasa dan kewajipan Menteri kepada ketua pengarah.

Fasal 4 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 5A(2) [*Akta 30*] untuk membolehkan Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, membenarkan penubuhan suatu institusi pelajaran tinggi yang bertaraf universiti demi kepentingan negara.

■2050

Yang paling mustahak Tuan Yang di-Pertua ialah fasal 5 yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 15 [*Akta 30*] dengan seksyen 15 yang baru. Subseksyen 15(1) yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan hak berpersatuan pelajar untuk memasukkan hak untuk menjadi ahli mana-mana parti politik. Subseksyen 15 [*Akta 30*] yang sedia ada tidak membenarkan pelajar untuk menjadi ahli parti politik.

Perenggan 15(2)(a) dan (b) yang dicadangkan memperuntukkan sekatan terhadap pelajar untuk menjadi ahli persatuan dan sebagainya yang menyalahi undang-undang dan ahli persatuan dan sebagainya yang ditetapkan oleh lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti. Walau bagaimanapun, penetapan oleh lembaga di bawah perenggan 15(2)(b) yang dicadangkan tidak termasuk parti politik.

Perenggan 15(2)(c) yang dicadangkan bertujuan untuk melarang pelajar daripada bertanding dalam pilihan raya bagi atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus jika pelajar itu memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik. Larangan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian di dalam kampus.

Perenggan 15(2)(d) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan sekatan ke atas penglibatan pelajar dalam aktiviti parti politik di dalam kampus. Sekatan ini bertujuan untuk mengekalkan keberkecualian di dalam kampus. Walau bagaimanapun, tiada sekatan dikenakan ke atas aktiviti parti politik pelajar di luar kampus.

Subseksyen 15(3) yang dicadangkan bertujuan untuk meniadakan sekatan yang dikenakan ke atas pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar untuk menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik.

Subseksyen 15(4) yang dicadangkan memperuntukkan pengecualian kepada sekatan yang dikenakan dalam subseksyen 15(3) yang dicadangkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15 [*Akta 30*] yang sedia ada. Subseksyen 15(5) yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas universiti untuk mengawal selia aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan badan atau kumpulan pelajar di dalam kampus. Subfasal 6(a) bertujuan untuk memotong subseksyen 16B(9) [*Akta 30*] kerana perkara yang sama telah diperuntukkan dalam subseksyen 16B(13B) [*Akta 30*]. Subfasal 6(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 16B(11) Akta 30 untuk melanjutkan tempoh dari tiga puluh hari kepada enam puluh hari yang di dalamnya Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar dikehendaki untuk memutuskan sesuatu rayuan.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukan Bahagian baru IVA ke dalam Akta 30. Seksyen 22A yang dicadangkan mengehendaki ketua pengarah untuk menyimpan dan menyenggarakan atau menyebabkan supaya disimpan atau disenggarakan Daftar Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Seksyen 12B yang dicadangkan mengenakan obligasi ke atas IPT yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 [*Akta 30*] untuk menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang hendaklah dijadikan boleh diakses oleh Menteri.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 24E ke dalam Akta 30 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta 30.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Perlembagaan Universiti dalam Jadual Pertama kepada Akta 30. Perenggan 9(a)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 10(3) untuk menyatakan bahawa syarat pelantikan pendaftar, bursar, ketua pustakawan dan penasihat undang-undang hendaklah ditentukan oleh lembaga. Perenggan 9(a)(ii) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 10(4), (5) dan (6) ke dalam Perlembagaan.

Subseksyen 10(4) yang dicadangkan menyatakan bahawa tempoh jawatan bagi pendaftar, bursar dan penasihat undang-undang tidak boleh melebihi tiga tahun dan mereka adalah layak untuk dilantik semula.

Subseksyen 10(5) yang dicadangkan menyatakan bahawa ketua pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh lembaga.

Subseksyen 10(6) yang dicadangkan menyatakan bahawa pelantikan pendaftar, bursar, ketua pustakawan dan penasihat undang-undang boleh dibatalkan oleh lembaga.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk memotong seksyen 20A perlembagaan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja.

Subfasal 9(c) bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Perlembagaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan atau inkuiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh statut.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda sub-sub perenggan 1(a)(iv) Jadual Kedua kepada Akta 30 untuk menjadikan teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris selaras.

Fasal 11 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Rakyat telah meluluskan agar fasal 9 rang undang-undang ini dipinda dengan memasukkan selepas sub fasal (a), sub fasal yang berikut iaitu (Aa) dalam sub seksyen 12(i) dengan memotong perkataan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja.

Pindaan kepada fasal 9 bertujuan untuk meminda subseksyen 12(i) Jadual pertama untuk meniadakan sebutan mengenai Jawatankuasa Kebajikan Pekerja sebagai salah satu pihak berkuasa universiti kerana Jawatankuasa Kebajikan Pekerja tidak lagi wujud berikutan daripada pindaan yang dibuat dalam sub fasal 9(b) rang undang-undang ini yang memotong peruntukan berkenaan dengan Jawatankuasa Kebajikan Pekerja.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Rakyat juga telah meluluskan pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rembau agar fasal 5 rang undang-undang ini dipinda dengan memotong sepenuhnya perenggan 15(2)(c). Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan ini tidak timbul lagi perbahasan tentang 15(2)(c) kerana telah dipinda dalam Dewan Rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sila kemukakan nama-nama siapa yang ingin menyertai perbahasan ini. Sekarang saya ada menerima empat nama setakat ini. Kalau ada lagi sila kemukakan secepat mungkin. Sekarang saya mulakan dengan memanggil Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

8.59 mlm.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang akan dilakukan ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ini dianggap sebagai salah satu transformasi politik yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Ini adalah pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap para pelajar di kampus dalam mencapai Wawasan 2020 negara maju.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyebut bahawa beliau melakukan transformasi politik ini atas sebab beliau menghormati kematangan para pelajar dan juga berpendapat bahawa para pelajar telah bersedia dalam menghadapi transformasi politik ini.

■2100

Justeru itu, saya menyokong sepenuhnya transformasi yang meminda AUKU ini cuma kita perlu lihat beberapa perkara dalam rang undang-undang ini untuk dikaji semula sebagai penambahbaikan supaya pindaan terhadap AUKU ini lebih menepati transformasi yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pertamanya, saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan pelantikan dan peranan Ketua Pengerah Pendidikan Tinggi yang diwujudkan dalam rang undang-undang ini. Sebagaimana yang kita tahu, jawatan ini masih belum wujud dalam Kementerian Pengajian Tinggi tetapi dimaklumkan bahawa terdapat tiga jawatan Ketua Pengarah Jabatan iaitu Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Politeknik dan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Jadi, saya mempunyai beberapa soalan tentang perkara ini.

Pertamanya, dalam 4C(1) mengatakan bahawa pelantikan seorang Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi ini dilantik oleh Menteri. Hal ini bermaksud pelantikan ini secara mutlak tanpa konsultasi dengan mana-mana pihak dalam KPT oleh Menteri. Jadi, saya mohon penjelasan tentang pelantikan ini.

Soalan saya yang kedua. Bolehkah pihak kementerian menerangkan tentang bidang tugas dan fungsi Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi? Adakah ia akan merangkumi fungsi ketiga-tiga Ketua Pengarah Jabatan yang terdapat dalam kementerian sekarang ini?

Soalan yang ketiga, adakah pertindihan kuasa akan berlaku antara jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dengan jawatan Timbalan Menteri.

Kedua, berkenaan dengan seksyen 15 iaitu seksyen yang mempunyai kaitan dengan kegiatan dan aktiviti para pelajar di kampus. Seksyen 15 inilah yang telah menjadi pendebatan sepanjang 38 tahun dari tahun 1974 hinggalah kini dan akhirnya kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberikan pilihan kepada para pelajar sama ada untuk menyertai politik kampus atau tidak. Bagi saya ini satu tindakan yang berani oleh kerajaan dalam melakukan transformasi politik. Akan tetapi saya berpendapat bahawa kita masih perlu mempunyai mekanisme dalam memastikan keadaan kampus terkawal dan tidak digunakan oleh mana-mana parti politik sebagai satu gelanggang pertarungan mereka. Bagaimanakah pihak universiti ingin mengenal pasti pelajar yang terlibat dengan politik di luar kampus? Hal ini penting kerana ia akan memudahkan pihak pentadbiran universiti dalam mengawal segala pergerakan dan aktiviti yang berkaitan dalam parti politik di dalam kampus.

Kedua, apabila pelajar menyertai parti politik di luar kampus, adakah ia bermaksud pelajar tersebut boleh menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik di dalam kampus. Saya melihat perkara ini perlu diteliti oleh pihak kerajaan kerana adakah perkara ini sesuai untuk dibenarkan di dalam ataupun di luar kampus. Saya yakin dan percaya mana-mana ahli dalam Dewan ini pastinya akan bersetuju mengenai pandangan saya bahawa kampus perlu kekal sebagai sebuah tempat yang neutral dan tidak boleh dijadikan sebagai gelanggang pertarungan kepada mana-mana parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya kesedaran politik yang saya maksudkan ini ialah mahasiswa ada kalanya yang mempunyai semangat juang politik yang begitu tinggi. Mungkin sokongan kepada sesebuah politik yang agak keterlaluan dan ia mungkin boleh menjejaskan akademik pelajar dan kebebasan akademik. Perkara yang jelas ialah mahasiswa ini menuntut kebebasan politik lebih, namun kebebasan politik dalam bentuk apa dan untuk tujuan apa agak kabur pada masa ini. Pelajar perlu menyatakan pendirian masing-masing dengan lebih jelas. Umpamanya larangan menjalankan aktiviti politik ke kampus atau menyertai pertubuhan haram yang mempunyai sebab. Begitu juga larangan pelajar yang memegang jawatan dalam parti politik daripada bertanding pilihan raya kampus. Ini seolah-olah kebebasan mahasiswa disekat jika larangan ini tidak munasabah dan mempunyai tujuan yang tersembunyi.

Saya sebenarnya ingin menyentuh perenggan 15(2)(c), tetapi saya dimaklumkan ia telah dikeluarkan. Jadi sebenarnya banyak yang saya hendak menyentuh mengenai itu, jadi saya *skip* lah.

Tuan Yang di-Pertua, mahasiswa juga saya rasa perlu bijak menganalisis sesuatu isu yang dibangkitkan oleh pihak tertentu khususnya pembangkang bagi mengelakkan mereka terjerat dalam agenda politik jalanan yang merugikan bangsa dan negara. Pihak-pihak tertentu ini memang sengaja memperalatkan mahasiswa untuk mencetuskan pelbagai isu bagi menggugat kredibiliti kerajaan. Saya ingin mengambil contoh apa yang berlaku di Dataran Merdeka baru-baru ini yang mana pelajar-pelajar berkumpul bagi membantah PTPTN serta penglibatan pelajar dalam BERSIH 3.0 yang dilihat segelintir mahasiswa kita bereaksi yang saya rasa di luar jangkaan kita. Jadi, saya rasa ini satu budaya yang amat tidak baik dan sekiranya kita biarkan, ia akan merosakkan modal insan kita pada masa akan datang. Saya tidak mahu disebabkan pindaan perlembagaan ini kemudian dimainkan oleh pihak-pihak tertentu untuk meracuni fikiran mahasiswa supaya ada gerakan menghapuskannya dengan penuh.

Apa akan jadi kepada mahasiswa jika masa hadapan mereka lebih memenuhi dengan agenda politik tertentu sehingga pencapaian akademik diabaikan? Sedangkan sebagaimana yang kita tahu ramai di kalangan mahasiswa adanya yang diterima masuk untuk meneruskan pengajian tetapi hanya berbekalkan keputusan ihsan akademik yang sekadar cukup makan sahaja.

Jadi, saya rasa perlulah kita ingat kepada mahasiswa ini bahawa mereka perlu menamatkan pengajian mereka terlebih dahulu kerana apabila mereka telah tamat, mereka ingin memohon untuk mendapatkan pekerjaan. Syarikat-syarikat akan fokus kepada kredibiliti, akauntabiliti, keputusan akademik yang cemerlang dan rekod peribadi yang bersih. Bukanlah sekiranya mereka masuk sebarang demonstrasi jalanan itu akan memberikan markah yang lebih kepada mereka apabila mereka ingin menyambungkan pelajaran kemudian. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Geok.

9.06 mlm.

Puan Chew Lee Geok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam 1Malaysia. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah selama empat dekad menyekat penglibatan mahasiswa dan mahasiswi dalam kegiatan berbentuk politik dan keanggotaan dalam parti politik. Sudah lebih dari 40 tahun kaum mahasiswa memperjuangkan untuk dipulangkan hak asasi mereka untuk menyatakan pendapat dalam politik bersuara dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti politik. Sejak tahun 1971, terdapat banyak kes tatatertib pelajar di peringkat universiti yang terpaksa diambil tindakan oleh pihak universiti akibat sekatan yang tergantung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 sebelum pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mahasiswa mahasiswi adalah pelapis dan pemimpin masa hadapan. Pendedahan awal kepada politik merupakan satu perkara yang baik juga. Semasa saya belajar di Universiti Teknologi Malaysia, pada waktu itu saya memang berminat tentang isu-isu semasa, isu-isu politik. Akan tetapi pada waktu itu kita tidak boleh melibatkan diri dalam bidang politik disebabkan oleh sekatan rang undang-undang ini, maka kita tidak dapat menyertai mana-mana parti politik. Pada masa itu, kebanyakan rakan-rakan saya dan juga saya berfikiran politik jenis membangkang. Memang secara keseluruhannya pelajar universiti mempunyai kecenderungan untuk membangkang dan mempersoalkan polisi-polisi kerajaan sewaktu mereka muda, sewaktu di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, antara titik sejarah yang telah membentuk dan mempengaruhi sudut pandangan masyarakat terhadap isu ini adalah keputusan kes Muhammad Hilman dan juga kes yang dikenali sebagai UKM 4 pada 31 Oktober 2011 di mana mahkamah rayuan di Putrajaya telah mengisytiharkan sekatan kebebasan pelajar untuk berpolitik dalam seksyen 15(5)(a), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 sebagai bercanggah dengan hak asasi kebebasan bersuara yang dijamin bahawa Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan.

Komitmen kerajaan dalam pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak untuk meneruskan transformasi politik dapat dilihat apabila kerajaan mengumumkan pindaan ke atas Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2009 daripada 24 November 2011 untuk memberi ruang dan kebebasan kepada pelajar supaya diberi peluang untuk menceburi diri serta menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman mereka dalam bidang politik.

Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi yang membenarkan pelajar universiti untuk menyertai parti politik adalah sesuai dan tepat pada masanya.

■2110

Dengan itu saya mengalu-alukan pindaan kepada Akta Universiti Kolej Universiti 1971 ini terutamanya seksyen 15(1) yang menyatakan seseorang pelajar universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan ataupun kumpulan orang sama ada di luar Malaysia termasuk mana-mana parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah pertama, bagaimana dengan kolej dan institusi pengajian tinggi yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi? Apakah pelajar berkaitan itu tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti?

Keduanya, bagaimanakah pihak universiti dapat membendung dan mengawal kegiatan politik para pelajar di dalam kampus?

Ketiganya, bagaimanakah pihak universiti dapat mengawal para pensyarah daripada mempengaruhi para pelajar tentang ideologi politik dan fahaman politik di universiti?

Keempat, adakah pelajar universiti perlu memberitahu pihak universiti atau Kementerian Pengajian Tinggi tentang kegiatan politiknya di luar kampus dan jawatan yang dia pegang di dalam parti-parti politik?

Seksyen 22A menyatakan tentang Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan. Antara maklumat di dalam daftar ini ialah senarai orang yang diberi ijazah kedoktoran dan ijazah kedoktoran kehormat.

Ini memanglah sesuai kerana kita kadang kala ketemu orang-orang yang bergelar doktor tetapi tidak tahu sama ada doktor itu adalah doktor perubatan, doktor falsafah, doktor kehormat atau pun doktor yang dibeli dengan wang ringgit daripada luar negeri. Dengan adanya senarai nama orang yang diberi ijazah kedoktoran dan ijazah kedoktoran kehormat ini, kita boleh menyemak kesahihan seseorang yang memakai gelaran doktor ini.

Diharap mereka yang membeli doktor kehormat daripada universiti luar negeri ini akan berhenti mengelirukan masyarakat dan tidak menggunakan gelaran doktor ini dengan sewenang-wenangnya. Saya tidak mahu menyinggung sesiapa yang berbuat demikian secara sengaja namun siapa yang makan cili akan terasa pedasnya.

Seksyen 22A juga menyatakan Daftar Pengajian Tinggi Kebangsaan juga mengandungi maklumat program khusus yang didaftarkan dan institusi pengajian tinggi yang didaftarkan. Dengan membayar sesuatu fi, seseorang itu boleh menyemak program khusus di sesuatu universiti sama ada sudah berdaftar atau tidak. Dengan ini bakal pelajar universiti dan ibu bapa boleh menyemak kesahihan sesuatu program khusus di universiti dan kesahihan universiti atau kolej sebelum memohon atau mendaftar dengan universiti tersebut. Ini dapat mengelakkan kes pelajar tertipu menyertai sesuatu program universiti yang belum diluluskan atau belum berdaftar. Ini juga mengelakkan pelajar tertipu berdaftar dengan universiti atau kolej yang belum diluluskan atau tidak diiktiraf.

Itu sahaja pandangan dan persoalan saya. Sekian sahaja, terima kasih. Saya mohon untuk menyokong pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

9.13 mlm.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional yang telah berusaha untuk meminda akta ataupun AUKU ini walaupun setelah 41 tahun berlalu. Akta ini mula diperkenalkan pada bulan April 1971 dan pada bulan yang sama jugalah saya dan rakan-rakan melangkah masuk ke Universiti Malaya sebagai mahasiswa tahun pertama dalam jurusan Sastera dan Sains Sosial.

Sepanjang empat tahun pengajian saya di Universiti Malaya, saya dan rakan-rakan telah mengalami beberapa perkara dan peristiwa yang pahit dan manis walaupun akta tersebut masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya pada awal tahun 70-an.

Suasana pembelajaran di Universiti Malaya pada ketika itu sangatlah kondusif bagi saya dan rakan-rakan kerana ianya memberi ruang seluas-luasnya kepada para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan di samping membentuk sahsiah diri, karakter seperti mana yang selalu disebut oleh Senator Dato' Dr. Firdaus yang sejajar dengan pembangunan sesebuah negara bangsa.

Kebebasan yang saya maksudkan ini boleh saya kategori sebagai dua perkara. Satu ialah kebebasan melibatkan diri ataupun bersuara dalam perkara-perkara yang menyentuh tentang *establishment* dan yang kedua ialah kebebasan untuk mengurus organisasi pelajar yang banyak bercambah di Universiti Malaya pada ketika itu khususnya Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya ataupun dipanggil PMUM. Kalau dahulu kita panggil UMSU.

Bagi saya UMSU atau PMUM adalah satu organisasi yang sangat hebat. Setiap pelajar di Universiti Malaya adalah anggota atau pun ahli kepada persatuan tersebut. Walaupun ada persatuan-persatuan lain seperti PBMUM, PKPM tetapi persatuan-persatuan tersebut adalah persatuan yang selektif, yang *optional* kepada mahasiswa.

PMUM adalah sebuah organisasi pelajar yang dihormati dan disegani. Bukan sahaja di dalam negara tetapi di kalangan universiti-universiti antarabangsa. Sepanjang tiga tahun saya berkhidmat dalam PMUM sebagai editor surat khabar pelajar. Kita ada surat khabar kita sendiri yang diberi nama *Mahasiswa Negara* terbitan sekali dua minggu, di mana kebebasan bersuara, kebebasan untuk menyuarakan apa sahaja yang berkaitan dengan hal-hal dalam negara dan juga luar negara dibuat tanpa sebarang sekatan dan tanpa sebarang teguran.

Ini kerana saya yakin mahasiswa mempunyai idealismenya sendiri pada zaman muda seperti mana yang disebut oleh Senator Norliza tadi. Tanpa idealisme seseorang itu tidak cukup syarat untuk menjadi pemimpin yang berkesan pada suatu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang selalu dibangkitkan oleh para pelajar dari zaman saya dahulu sehinggalah sekarang ialah berpusat kepada hak seseorang pelajar di universiti itu untuk bersuara dan untuk terlibat di dalam organisasi politik. Hujah yang selalu kita kemukakan ialah kalau hak tersebut diberikan kepada seluruh rakyat di negara kita di luar kampus yang berumur 21 tahun ke bawah, tidak kira apa taraf pelajaran mereka, mengapa hak tersebut disekat?

■2120

Tidak diberikan kepada para pelajar yang umur lebih 21 tahun, mempunyai idealisme yang tinggi dan mempunyai latar belakang pendidikan yang kuat. Itulah yang hujah selalu bermain di kalangan kami sebagai pemimpin-pemimpin pelajar pada ketika itu. Di pihak *establishment* pula menyanggah hujah-hujah kami dengan mengatakan mahasiswa belum cukup matang atau belum cukup berwibawa untuk memikul sosial *responsibility*, tanggungjawab sosial, yang dimaksudkan kalau hak itu diberikan kepada golongan mahasiswa pada ketika itu maka apakah jaminan mereka ini bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara? Itu adalah asas kepada AUKU diperkenalkan pada tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, sepanjang penglibatan kami di kampus, empat tahun 1971-1974. Saya tidak nampak sebarang kegiatan-kegiatan mahasiswa yang secara langsung terlibat dengan parti-parti politik di luar kampus. Tidak ada. Malah apabila kita menganjurkan aktiviti seperti *The Great Economy Debate,* kita menjemput pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang berlainan daripada luar kampus. Kalau DAP selalunya diwakili oleh Goh Hock Guan kalau saya tidak silap, arwah Dato' Harun Idris, arwah Almarhum Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Kamarul Ariffin ya. Ini adalah nama-nama yang pada ketika itu dijemput untuk kita selalu membuatkan forum dan juga perbahasan-perbahasan tanpa sama sekali melibatkan parti-parti politik secara langsung di kampus.

Kalau ada pun kegiatan yang bermirip politik pada ketika itu ialah sekumpulan pelajar-pelajar kita yang menjadi anggota kelab sosialis. Dr. Syed Husin Ali ada dalam Dewan ini, Pensyarah Sosiologi dan Antropologi kami pada ketika itu. Isu-isu yang kita perjuangkan adalah isu-isu yang universal, kemiskinan, pembelaan di luar kampus. Isu-isu antarabangsa antaranya ialah pembelaan terhadap rakyat Palestin. Kita menentang dasar luar Amerika yang campur tangan dalam banyak perkara, sama ada di Asia Tenggara atau di lain-lain negara.

Tujuan saya mengemukakan perkara ini Tuan Yang di-Pertua ialah maknanya suasana sebelum AUKU ini diperkenalkan ataupun dikuatkuasakan dengan sepenuhnya suasana pembelajaran, suasana kemasyarakatan pelajar-pelajar di universiti amatlah kondusif seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kita sering mengadakan mahasiswa turun ke desa semasa cuti panjang, kursus-kursus kewartawanan dan apa sahaja. Tidak ada polarisasi kaum, boleh dikatakan tidak ada Universiti Malaya pada ketika itu. Melayu, Cina, India boleh berkongsi bilik yang sama dalam kolej yang sama. Dato' Dr. Firdaus pernah jadi Pengetua Kolej Kedua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kolej keempat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Kolej Keempat? Ya. Tidak ada masalah untuk berkongsi bilik antara seorang pelajar Melayu dengan pelajar Cina. Lebih menarik Tuan Yang di-Pertua ialah organisasi pelajar pada ketika itu cukup meriah dan cukup teratur. PMUM mengendalikan kedainya sendiri, kafeterianya sendiri, pengangkutan basnya sendiri, mengadakan lawatan-lawatan *inter*-universiti dengan universiti, universiti di Indonesia, Chulalongkorn dan sebagainya. Kami ikut serta tanpa diganggu, tanpa digugat oleh pentadbiran universiti. Malangnya apabila AUKU diperketatkan penguatkuasaannya, Rumah Persatuan PMUM itu diambil alih. Segala harta milik PMUM, bas-bas PMUM diambil alih oleh pentadbiran universiti.

Sahabat saya Dato' Dr. Firdaus pernah memegang jawatan Timbalan Naib Canselor. Barangkali dia salah seorang daripada yang menguatkuasakan AUKU pada ketika itu. Betul tidak?... *[Disampuk]* Selalunya dapat penentangan daripada Dr. Syed Husin Ali. Betul Dr. Syed Husin Ali?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya celah sedikit? Saya hendak mengatakan satu perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kata orang, *'berlainan tempat tegak, berlainan benda yang nampak.'* Saya tegak di tempat lain saya nampak benda lain, Dr. Syed Husin Ali tegak tempat lain, dia ternampak benda lain. Saya tegak pihak pentadbiran maka kepentingan pentadbiranlah yang patut saya utamakan. Oleh kerana itu saya sendiri mempunyai perasaan yg bercampur baur tentang perubahan AUKU ini. Terima kasih. Kalau ada kesempatan saya hendak cakap lebih lagi... *[Ketawa]*

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Dato' Dr. Firdaus. Akan tetapi selepas saya keluar universiti, saya jadi kawan baik dengan dia. Waktu dia buat PhD di Columbia University kami merayau-rayau samalah di bandar New York, hebat sedikitlah ya. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun 41 tahun menguatkuasakan AUKU ini. Apa yang saya nampak selepas ianya dikuatkuasakan secara seriuslah selepas tahun 1974-1975, gerakan mahasiswa khususnya di Universiti Malaya boleh dikatakan hampir lumpuh.

Penglibatannya lesu walaupun dibenarkan dari sudut-sudut tertentu untuk mengadakan pelbagai aktiviti tetapi roh dan semangatnya sudah hilang. Boleh dikatakan hilang sama sekali dan sejak daripada itu kami melihat saya melihat mahasiswa ataupun pelajar-pelajar kita semakin menebal sikap *empathy* nya, *empathy* ya, betul? *Empathy* yang tidak mengambil peduli ya?

■2130

Tidak mengambil peduli, tidak mengambil kisah tentang apa yang berlaku di sekitarnya. Sama ada betul atau tidak telahan saya ini, satu generasi atau lebih daripada satu generasi pelajar-pelajar kita telah dinafikan hak kebebasan mereka sama ada untuk bersuara ataupun mengambil bahagian sedikit sahaja dalam hal-hal berkaitan dengan politik tetapi kesan daripada penafian tersebut, kita telah melahirkan graduan-graduan yang kurang berkemahiran. Bagi saya walaupun mereka mempunyai kelulusan yang tinggi, yang lebih daripada pencapaian biasa tetapi semacam ada kekurangan di mana-mana. Jadi kumpulan yang tidak berani, takut hendak bersuara, psikologinya, tidak mempunyai keyakinan diri yang kuat dan ini sebenarnya merugikan negara kita pada jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar ingin merakamkan pengalaman saya tadi dan merasa pada satu ketika saya merasa sangat gembira kerana pindaan ini tetapi pada masa yang sama saya ingin merakamkan kesedihan saya mengapa terlalu lama mengambil masa untuk meminda satu generasi lebih, pelajar kita dinafikan hak mereka atas alasan bahawa kita bimbang mereka menjadi mahasiswa yang tidak mempunyai tanggungjawab sosial yang lebih. Dengan kata-kata itu saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Dr. Syed Husin Ali, silakan Yang Berhormat.

9.33 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tugas saya tentang ini menjadi kurang sedikit setelah mendengar ucapan yang dibuat oleh teman saya sebelah sana. Sebab saya berkata begitu kerana beliau telah menyatakan terutama sekali tentang betapa buruknya impak daripada AUKU. Bagi saya, AUKU telah menimbulkan satu jenis ketakutan. Ketakutan berbentuk psikologi. Ia menghilangkan sifat kritikal atau *critical mind* di kalangan pelajar-pelajar. Ia juga menjejaskan sifat kreatif di kalangan pelajar-pelajar.

Dengan adanya AUKU, kita dapati bahawa universiti menjadi sebagai sebuah jabatan kerajaan dengan pensyarah-pensyarahnya semakin berfikir sebagai pegawai kerajaan dan dengan pelajar-pelajarnya takut hendak menyuarakan sesuatu yang kritikal terhadap suasana di sekitar mereka. Saya lihat bahawa penyertaan dan kesedaran dalam bidang politik adalah suatu perkara yang penting dalam sesebuah universiti. Memahami politik secara umum adalah penting. Mungkin mempunyai pendirian partisan politik, itu suatu hal yang berlainan sedikit dan saya lihat di universiti di kalangan pelajar dan juga pensyarah, ada semacam sinisisme terhadap parti politik. Mereka menganggap pemimpin politik, anggota politik ini serupa sahaja, tidak memikirkan kepentingan umum tetapi lebih banyak memikirkan kepentingan politik mereka, parti politik mereka dan juga diri mereka.

Oleh kerana itu, walaupun mereka bersifat *political*, mempersoalkan hal-hal politik tetapi mereka agak *cynical*, agak sinis terhadap menjadi anggota parti politik. Dengan demikian kita dapati dan saya melihat ini bukan sahaja sebagai sorang pelajar, seorang mahasiswa pada tahun penghujung 1950-an dan awal 1960-an bahkan juga sebagai pensyarah bahawa sebenarnya mahasiswa-mahasiswa ini tidak suka untuk terlibat dengan parti politik tetapi mereka terbuka kepada hal-hal yang *political*. Jadi oleh kerana demikian, kita tidak seharusnya takut...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sedikit. Saya katakan tadi berlainan tempat tegak, berlainan benda yang nampak. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Syed Husin ini, bolehkah Tuan Syed memberikan secara khusus, secara spesifik contoh-contoh bagaimana kebebasan pelajar itu dihalang. Saya tahu tentang mengutip duit, terpaksa diatur oleh pentadbiran kerana sebab-sebab yang tertentu. Saya boleh memberi contoh tentang penyalahgunaan wang oleh pemimpin-pemimpin pelajar secara umum tetapi tidak wajar kalau disebutkan di sini. Akan tetapi yang saya hendak tahu apabila Yang Berhormat menyebut tentang tidak ada minat terhadap politik tetapi ada sinisisme terhadap anggota-anggota politik.

Jadi saya timbulkan perkara ini kerana semasa saya menjadi birokrat di universiti itu, saya tanya pelajar-pelajar sendiri apa yang menghalang kamu untuk terlibat dalam kegiatan politik dan apakah kegiatan-kegiatan politik kamu yang dihalang. Tidak boleh jawab.

Sebab saya tanya begitu kerana kebanyakan pelajar-pelajar itu dalam prestasi akademiknya terlalu rendah. Itu antara sebab yang saya rasa kenapa kita mengharapkan kenapa mereka lebih menumpukan masa dan tenaga kepada pelajaran dan mengetahui politik untuk sekadar mengetahui dan tidak terlibat secara aktif.

Dr. Syed Husin Ali: Yang Berhormat yang bercakap tadi dia tidak berpuas hati kalau dia tidak mencelah apabila saya bercakap tetapi tidak mengapa. Perkara yang disebutkan itu adalah penting. Perkara yang saya hendak tegaskan ialah bahawa dalam universiti, dalam suasana selepas Akta Universiti kita dapati seolah-olah timbul suatu psikologi ketakutan. Ketakutan untuk menyuarakan sesuatu dan ini jelas sekali. Kita lihat sebenarnya sebelum daripada yang AUKU, sebelum ada AUKU pelajar-pelajar bukan sahaja terlibat dalam politik bahkan mereka terlibat dengan menyuarakan berbagai-bagai pandangan politik dan semasa itu saya sendiri misalnya terlibat.

■2140

Semasa itu kita dapati bahawa antara pelajar yang paling baik keputusan peperiksaan mereka adalah mereka yang aktif bukan sahaja dalam politik tetapi juga dalam kegiatan-kegiatan pelajar semuanya. Sebelum itu juga kita dapati bahawa kebanyakan daripada mereka menunjukkan sifat yang kreatif, sifat yang kritikal. Buruknya perkara yang berlaku selepas ada AUKU ialah tersekat fikiran yang kritikal, tersekat tindakan yang kreatif terutama sekali di kalangan pelajar. Ini saya lihat sendiri mungkin Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah selaku Timbalan Canselor di pihak pentadbir tidak melihatnya tetapi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tak? Saya nak ingatkan, hendak membawa perhatian Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Dato' Saifuddin bin Abdullah belajar di Universiti Malaya sewaktu AUKU dikuatkuasakan. Yang Berhormat Datuk Seri Sabri Chik yang pernah mengikuti kuliah saya belajar di Universiti Malaysia sewaktu AUKU dikuatkuasakan. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Yang Berhormat Bekas Speaker Dewan Undangan Negari Perak, V. Sivakumar kalau tidak silap saya, pun begitu juga. Jadi ertinya dalam tuduhan-tuduhan yang mengatakan pelajar-pelajar terkongkong fikirannya akhirnya lahir juga pemimpin-pemimpin politik yang kreatif seperti Dato' Saifuddin bin Abdullah, seperti Datuk Seri Sabri Chik, seperti Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, seperti V. Sivakumar dan begitu juga Setiausaha Akhbar kepada Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim sekarang adalah bekas pelajar yang belajar di Universiti Malaya sewaktu AUKU dikuatkuasakan. Tidak menghalang perkembangan bakat mereka.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Ini Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dia tidak akan puas hati selagi dia tak dapat terus mengacau saya supaya saya tidak dapat menumpukan kepada apa yang saya katakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Syed Husin Ali: Sebenarnya tidak semuanya mati dalam keadaan AUKU itu tetapi lebih banyak yang mati daripada sebelum AUKU. Itu yang hendak saya katakan dan pejuang-pejuang kemerdekaan dan sebagainya adalah timbul terutama sekali dalam suasana sebelumnya AUKU dan banyak lagi pejuang-pejuang pembangunan negara timbul sebelum itu kerana ada sifat kreatif dan kritikal di kalangan mereka dan sifat kritikal dan kreatif itu wujud kerana ada suasana kebebasan. AUKU menimbulkan suatu *constrain* atau kekangan yang bersifat *psychological* iaitu kekangan yang membuat mereka menganggap bahawa mereka tidak boleh pergi kepada luar daripada atau lebih daripada sekatan-sekatan yang ada daripada AUKU tersebut.

Akan tetapi apa yang hendak saya teruskan ialah bahawa dalam keadaan sebelum AUKU, kita dapati bahawa ramai juga pensyarah yang terlibat dalam politik bahkan selepas AUKU pun ada yang terlibat cuma kebanyakannya atau sebahagian besarnya adalah daripada UMNO dan parti-parti pemerintah.

Sebelum AUKU itu, kita dapati bukan sahaja mereka aktif sebagai anggota tetapi ada di antaranya yang memegang jawatan dan kemudiannya misalnya menjadi Menteri Besar dan seumpamanya selepas mereka berhenti daripada menjadi pensyarah.

Ertinya, kebebasan yang wujud sebelum ada AUKU itu adalah lebih luas dan kebebasan itu ada orang, ada pelajar, ada pensyarah yang tidak pedulikan sesuatu, yang tidak menjalankan tugas mereka sebagai pensyarah pun apatah lagi hendak bertanggungjawab terhadap masyarakat. Akan tetapi selepas AUKU, bilangan mereka yang memperlihatkan tanggungjawab itu adalah berkurangan. Saya tidak mahu memanjangkan soal itu tetapi saya hendak pergi sekarang ini secara khusus kepada perkara-perkara yang tercatat dalam akta ini ataupun dalam rang undang-undang ini.

Pertamanya ialah tentang pelantikan dan kewajipan Ketua Pengarah Pendidikan. Sebagaimana yang disebutkan tadi, ini adalah satu jawatan yang baru dan di sini disebutkan 4C, Menteri hendaklah melantik seorang Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan apa-apa bilangan timbalan ketua pengarah. Ketua Pengarah hendaklah menasihati Menteri. Ada empat bidang saya lihat di mana pengarah ini boleh menasihati Menteri. Satu ialah bidang akademik, kedua adalah bidang pentadbiran. Ketiga, bidang kewangan dan keempat, nanti saya ingat nanti saya akan cakap. Saya terlupa buat sementara ini. Bila pandang sahaja Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, saya terlupa... *[Ketawa]* Akan tetapi yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa nasihat boleh diberi kepada Menteri tetapi nasihat itu hendaklah tidak menimbulkan pelaksanaan sesuatu yang boleh menjejaskan autonomi universiti.

Perkara yang terburuk yang berlaku selepas AUKU ialah universiti boleh dikatakan kehilangan autonomi. Kita dapati universiti sudah seolah-olah menjadi sebahagian daripada jabatan kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran. Hendak dapat kelulusan sedikit wang pun misalannya untuk mengambil seorang pekebun bekerja terpaksa mendapat kelulusan daripada *Treasury*. Ini barangkali lebih diketahui oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Jadi oleh kerana itu kita dapati juga bahawa bukan sahaja universiti sudah menjadi macam satu jabatan kerajaan, pensyarah-pensyarahnya juga menganggap atau dianggap sebagai pegawai-pegawai kerajaan juga. Jadi ini menghilangkan sifat universiti itu, sifat bebas, sifat *independent* yang harus ada, sifat neutral yang patut ada pada universiti supaya ia dapat sepenuh-penuhnya menjalankan tugas untuk mengembangkan ilmu pengetahuan, untuk melakukan penyelidikan.

Selepas AUKU, kita dapati hendak buat penyelidikan pun mesti dikaitkan dengan kehendak-kehendak pemerintah sendiri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tekankan di sini bahawa walau apa pun peranan yang diberikan kepada Ketua Pengarah Pendidikan ini, tugasnya seharusnyalah sepenuh-penuhnya bersifat menasihati dan nasihat yang diberi itu janganlah sehingga menjejaskan autonomi universiti itu.

Keduanya ialah pindaan seksyen 5A iaitu fasal 4(b) digantikan ketidakpakaian akta yang di atas dengan subseksyen dua dengan subseksyen yang berikut. Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta membenarkan penubuhan mana-mana institusi pelajaran tinggi yang bertaraf universiti apa jua nama atau gelarannya.

Perkara yang menjadi masalah di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa selepas adanya AUKU, kita dapati bahawa penubuhan universiti itu tidak lagi dengan cara membuat perhitungan, membuat kajian tentang apakah keperluan pendidikan dan apakah fakulti-fakulti yang diperlukan bukan sahaja daripada segi akademik tetapi juga daripada segi keperluan negara.

■2150

Apa yang lebih ditekankan ialah terutama sekali bila diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, ertinya ia bergantung kepada nasihat yang diberikan oleh menteri. Kita dapati lebih banyak universiti yang didirikan atas perkiraan politik. Jadi misalnya sebelum pilihan raya, hendak pastikan menang di sesuatu tempat, kita janji universiti. Ini berlaku misalnya pilihan raya kecil di Kelantan tempoh hari. Bukan itu sahaja, kadang-kadang pula bila hendak mendapat sokongan-sokongan yang tertentu dari segi politik...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah memerhatikan Yang Berhormat Tuan Syed ini dalam banyak hujah-hujah beliau, dalam akta-akta tertentu dan setiap kali saya melihat beliau ini terlampau banyak andaian dan terlampau banyak persepsi yang kebanyakannya negatif!

Beberapa Ahli: Betul!... *[Tepuk]*

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya rasa ini perlu kita perbetulkan dan saya berharap Tuan Syed sebagai seorang s*cholar* yang berwibawa mungkin berfikir dan bertutur secara waras. Walaupun kita bebas bercakap tetapi jangan membuat andaian. Tadi sebagai contoh, dalam bab ataupun Rang Undang-undang RELA, beliau telah membuat andaian bahawa RELA ditubuhkan, diperkuatkan di Selangor bagi menguatkan jentera sesuatu parti. Itu andaian yang saya rasa keterlaluan. Baru Yang Berhormat sebutkan tadi juga sebagai satu contoh. Jadi hentikanlah persepsi-persepsi yang tidak menguntungkan ini. Terima kasih... *[Tepuk]*

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan Dr. Syed Husin.

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh minta laluan? Terima kasih. Saya ingin berkongsikan fikiran saya. Dewan ini Dewan yang mulia. Kalau kita tidak boleh meluahkan fikiran di sini, fikiran bercanggah atau berlainan, mana lagi kita boleh meluahkan? Bukan semua apa yang dikatakan diterima. Memang kita meluahkan dan akhirnya keputusan akan dibuat. Jadi saya harap kita tidak sekat. Jadi itulah salah satu kesan daripada AUKU ini, sekatkan fikiran... *[Ketawa]* Jadi ini Dewan, Dewan yang mulia, Dewan yang tertinggi. Biarlah kita meluahkan fikiran dan akhirnya kita buat keputusan. Tidak payah...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tetapi jangan zalimlah Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak celah sedikit. Oleh sebab Dewan ini Dewan yang mulialah, jangan buat menuduh yang bukan-bukan. Saya bersetuju apa yang di cakap oleh Dato' Najeeb. Hari itu pun dia sudah tuduh. Saya sudah beritahu, hari ini dia buat lagi. Kemudian, yang dikata berapa ribu yang RELA itu dia kata itu taktik kerajaan untuk buat undi pos untuk macam-macamlah. Jadi kita kena muhasabahlah diri kita. Kadang-kadang menuduh tidak berampun ini, esok kita menempah neraka. Terima kasih... *[Ketawa]*

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya pun hendak minta celah sekejap... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Ya, saya bila Yang Berhormat Najeeb bangun tadi, sebab ada perkataan daripada Yang Berhormat memberitahu universiti dibuka di tempat-tempat ini untuk pilihan raya. Akan tetapi untuk saya, saya datang daripada satu tempat yang kecil, Bedong, tak sangka saya kerajaan boleh buka satu universiti di satu kampung. Bila kerajaan bersama-sama dengan parti MIC membuka universiti di tempat saya *Asian Institute of Medicine, Science & Technology* (AIMS).

Masa-masa itu kita di Bedong itu tidak tahu, tidak boleh percaya apa ini universiti ini? Akan tetapi selepas sepuluh tahun, universiti ini telah membawa begitu banyak manfaat kepada rakyat-rakyat di sekitar. Tidak payah kita hendak hantar anak-anak kita jadi doktor ke India ataupun hendak datang ke Kuala Lumpur. Jalan kaki pun boleh sampai hendak jadi doktor. Bukankah ini, adakah ini untuk pilihan raya? Adakah ini untuk undikah atau adakah ini untuk kita membawa taraf, menaikkan taraf bagi *opportunity* kepada penduduk-penduduk di kawasan mereka.

Saya ingat, saya rasa ini, ini andaian seperti yang diberitahu oleh Dato' Najeeb ini memang tidak betul. Ini hendak *create opportunity* atau peluang di kawasan senang sahaja. Semua tempat tiap-tiap rakyat di tempat dia mesti diberi peluang bukan sahaja di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ingin hendak menjawab segala komen itu kerana saya nanti terkait dan terus...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan dengan perbahasan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Yang saya hendak maksudkan tadi ialah bahawa kita tidak mahu universiti ditubuhkan dengan beralasankan pertimbangan politik.

Biasanya universiti didirikan dengan menimbangkan dahulu keperluan-keperluan, dikaji secara mendalam sama ada patut universiti itu didirikan dan kalau didirikan jenis apa dan di mana? Jadi apa yang saya harapkan ialah bahawa jangan misalnya keputusan untuk mendirikan universiti itu adalah keputusan politik yang akhirnya ditentukan oleh orang politik semata-mata.

Ini kerana mesti anggota masyarakat, anggota akademik sama-sama menimbangkan dan memberi input tentang di mana sepatutnya universiti itu didirikan. Kalau tidak nanti kita akan dapat juga keadaan di mana universiti-universiti *private* didirikan. Kebanyakan perkiraan universiti *private* adalah keuntungan. Kalau keuntungan misalannya, dia tidak akan memikirkan kepentingan atau keuntungan bagi para pelajar, bagi negara keseluruhannya. Sekarang saya ingin berpindah Tuan Yang di-Pertua kepada seksyen 15. Ini ialah tentang memberikan hak kepada pelajar untuk berpolitik. Saya lihat ini adalah elemen terpenting yang selalu ditimbulkan apabila memperkatakan reformasi kepada AUKU ini.

Sebenarnya saya mengalu-alukan pemberian hak pelajar ini untuk bebas dalam politik. Dengan AUKU, hanya pelajar-pelajar dalam negara yang tidak boleh berpolitik. Sebaliknya pelajar-pelajar di luar negara, pelajar-pelajar Malaysia yang di luar negara, di England atau New Zealand, Australia mereka bebas berpolitik. Mereka menjadi anggota UMNO. Mereka menjadi anggota Kelab UMNO. Mereka juga menjadi anggota-anggota parti pembangkang. Mereka menghargai kongres-kongres yang diadakan di sini, dibayar untuk datang. Jadi mengapakah dibezakan? Memang wajarlah sekarang ini mereka diberikan hak politik, berpolitik. Akan tetapi saya kurang faham mengapa misalnya mereka tidak boleh berpolitik dalam kampus?

Sebelum AUKU, kita dapati bahawa banyak seperti yang saya cakapkan awal-awal tadi, ramai pensyarah yang terlibat dalam politik. Pada waktu itu, mutu universiti sangat tinggi. Tanggungjawab pensyarah-pensyarah terutama sekali mereka yang berpolitik ini sama ada daripada UMNO ataupun yang lain adalah tinggi sekali tanggungjawab mereka dan mutu universiti seperti saya katakan tadi tinggi.

Sebelum AUKU juga, ramai pelajar yang terlibat dengan politik. Antara mereka yang menjadi pemimpin pelajar yang mendapat keputusan yang terbaik sekali adalah mereka yang terlibat dengan politik. Jadi saya tidak nampak mengapa tidak boleh terlibat dalam politik dalam hal ini? Apa yang saya hendak katakan ialah bahawa pelajar-pelajar mahasiswa sebagai orang muda, mereka *cynical* terhadap parti politik dan orang politik.

Mereka sanggup menyertai politik, memahami politik secara umum. Akan tetapi mereka *cynical* terhadap orang politik sebab bagi mereka orang politik ini serupa sahaja. Semuanya oportunis, memikirkan diri mereka, memikirkan parti mereka. Mereka mempunyai idealisme dan idealisme politik itu membuatkan mereka tidak tercebur terus sahaja dalam parti politik tetapi mempertimbangkan sesuatu dari segi politik yang lebih luas.

Dalam pada itu, saya ingin menjelaskan bahawa di sini ada disebutkan bahawa dalam (2)(d) iaitu seksyen 15, disebutkan bahawa seorang pelajar universiti tidak boleh terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

■2200

Ini sebenarnya tidak dibatalkan. Ini adalah berkaitan dengan hujah saya tadi iaitu mereka berpolitik tetapi tidak semestinya menjejaskan pelajaran mereka. Bukan kerana politik terjejas pelajaran mereka. Dalam hal ini juga kita harus bezakan di antara pelajar yang duduk dalam kampus sebagaimana istilah yang ada ini dengan yang *off campus*. Mereka yang *off campus* ini oleh kerana mereka tidak dalam kampus berertinya mereka bolehlah terlibat dengan politik, bererti boleh terlibat dengan jawatan-jawatan politik. Jadi, terdapat dua perkara yang berbeza dari segi hak ataupun tanggungjawab pelajar itu jikalau mereka duduk dalam kampus ataupun *off campus* dari segi penglibatan dalam politik tadi.

Soal politik ini Tuan Yang di-Pertua, tugasan politik ini walaupun penting tidaklah merupakan satu-satunya perkara yang mustahak dalam soal AUKU ini. Walaupun ini merupakan satu transformasi tetapi ia adalah sebahagian daripada transformasi besar yang diperlukan lagi yang akan saya sebutkan selepas ini. Seksyen 24E iaitu fasal 8 – kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan 24(a), (b).

Saya ambil (a) dan (b) muka surat 7, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang difikirkan sesuai manfaat atau perlu oleh Menteri bagi maksud akta ini.

Saya ingin mendapatkan tafsiran dan penjelasan yang terang tentang maksud ayat ini kerana apa yang saya fahamkan dengan, *"Apa-apa perkara lain"* termasuklah soal-soal akademik. Tadi saya katakan nasihat boleh diberi mengenai soal kewangan, yang akhir tadi yang keempat soal pelajar. Jadi kalau disebutkan soal-soal lain ini, saya bimbang nanti ia memberikan kuasa kepada Menteri atau penasihat kalau diberikan kuasa oleh Menteri untuk campur tangan dalam soal-soal akademik. Pada masa yang lalu, ini sudah banyak berlaku contoh di mana kementerian atau Menteri terlibat dalam penentuan *administrative* dan akademik...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya masuk sedikit boleh Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Boleh, boleh tidak ada masalah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh saya mencelah, saya di sini. Okey, berkenaan dengan status apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kuasa Menteri. Sudah namanya pun Menteri Pengajian Tinggi. Kalau langsung tidak boleh campur tangan dalam satu perkara yang melibatkan universiti terutamanya universiti kerajaan, jadi di mana kedudukan Menteri itu sendiri. Kenapa kita harus mempertikaikan sampai macam itu? *Because* saya tidak nampak kenapa Menteri tidak boleh langsung bersama dalam mengolah keadaan ini. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mengatakan bahawa Menteri tidak boleh terlibat. Dalam soal pentadbiran, dalam soal pelajar misalnya dia boleh terlibat tapi soal akademik, penentuan kursus, penentuan *syllabus* itu harus menjadi kuat kuasa atau tanggungjawab *senate* sebab mereka mengetahui soal itu tetapi *senate* tidak boleh berfikir secara terasing. Mereka juga harus berfikir tentang soal kepentingan negara. Jadi dengan itulah, mereka harus mengambil kira juga apa pandangan daripada kementerian atau penasihat kementerian. Apa yang tidak harus berlaku ialah bagi Menteri atau penasihatnya menentukan misalnya, *"Okey, sekarang ini kau tukar daripada empat tahun kursus kepada tiga tahun".* Kemudian dia tukar balik daripada tiga tahun kepada empat tahun. *"Engkau mesti buat syllabus ini",* dan dia adakan jawatankuasa untuk membuat *syllabus* misalnya. Kabinet yang meluluskan *syllabus* itu. Apa yang saya maksudkan *syllabus* yang berkaitan dengan *ethnic studies*.

Jadi, saya rasa adalah satu yang kurang baik bagi universiti kalau misalnya dalam hal akademik dia terpaksa tunduk kepada apa yang dikehendaki oleh kabinet atau Menteri. Boleh ada interaksi, timbal balik pandangan daripada Menteri, pandangan daripada kerajaan, pandangan dari segi akademik dan dicari alternatif sebaik-baiknya tetapi tidak boleh dikenakan dari atas apa yang patut dilakukan.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan fasal 9, 21A(2) iaitu Jawatankuasa Aduan Pelajar hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau *inquiry*. Ini memang biasa kalau ada Jawatankuasa Disiplin dan sebagainya mereka melakukan *inquiry* dan mereka berhak menjalankan *inquiry* tetapi saya meminta supaya diberikan hak untuk pelajar disertai ataupun diwakili oleh peguam sekiranya ada apa-apa tuduhan yang hendak dibicarakan. Dalam keadaan sekarang ini, dalam akta ini tidak ada disebut misalannya soal perwakilan oleh peguam.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan apa yang saya maksudkan tadi bahawa banyak lagi reformasi yang perlu dilakukan. Tidak semata-mata hanya soal penglibatan dalam politik. Ini ada kaitannya dengan perlembagaan universiti. AUKU melibatkan perlembagaan universiti dan tiap-tiap universiti ada perlembagaannya dan perlembagaan misalnya menentukan tentang cara seseorang Naib Canselor atau lembaga dan sebagainya dibentuk.

Dalam bahagian dua pegawai universiti, fasal 9, Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor disebutkan di sini seorang Naib Canselor hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan lembaga. Ini berbeza sama sekali dengan keadaan sebelum AUKU. Sebelum AUKU ada *search committee. Search committee* yang mengandungi bukan sahaja Ahli-ahli Majlis tetapi orang-orang yang mengetahui tentang pengajian tinggi yang mencari orang yang paling sesuai untuk dijadikan Naib Canselor. Begitulah caranya misalnya Ungku Aziz telah dipilih untuk menjadi Naib Canselor.

Ada *search committee* yang akhirnya me*recommend*kan beliau tetapi sekarang ini tidak ada *search committee*. Pelantikan Naib Canselor dilakukan oleh Agong atas nasihat Menteri dan kadang-kadang kita tidak mendapat orang yang betul-betul mempunyai kebolehan akademik, mempunyai kebolehan pentadbiran yang menjadi Naib Canselor. Saya tidak hendak sebut namalah tapi barangkali Timbalan Menteri pun tahu tentang siapa-siapa yang tidak sampai kepada taraf yang dikehendaki itu.

Jadi saya ingin mencadangkan sekiranya boleh, cara pelantikan Naib Canselor itu untuk mendapatkan mereka yang dianggap oleh masyarakat seluruhnya, dianggap oleh *committee* akademik dan juga oleh golongan lain sebagai orang yang betul-betul mempunyai kelayakan Naib Canselor dicari oleh *search committee* dahulu kemudian di*recommend*kan kepada Menteri ataupun kepada Agong dan seterusnya. Itu pertama.

Keduanya ialah tentang pihak berkuasa universiti. Di antara pihak berkuasa ini ialah Lembaga Pengarah Universiti. Dahulu sebelum AUKU, kita ada Majlis Universiti yang diwakili oleh pensyarah, diwakili oleh wakili Agong, wakil Sultan-Sultan, wakil negeri, wakil siswazah dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini yang menjadi Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang pengerusi, Naib Canselor, dua orang yang mewakili kerajaan, satu orang yang mewakili masyarakat tempat terletaknya universiti, tidak lebih daripada tiga orang dengan pengetahuan atau pengalaman yang pada pendapat Menteri boleh membantu lembaga. Jadi ertinya, sudah tidak wujud sama sekali wakil daripada komuniti akademik.

■2210

Saya dengar di Pulau Pinang, mereka telah berjaya membentuk atas desakan-desakan Senat dan sebagainya membentuk lembaga universiti yang mengandungi dua orang wakil akademik iaitu dua orang profesor yang syaratnya tidak mempunyai apa-apa jawatan dalam universiti sebagai dekan atau sebagainya. Bila saya tanyakan macam mana boleh dapat ini, dia kata memang sudah ada pindaan yang dibuat tentang hal ini.

Saya tidak mengetahui sebab saya tengok dalam akta ini saya tidak nampak misalnya pindaan mungkin pindaan itu dibuat selepas tahun 2006 sebab yang ada ini tahun 2006. Kalau misalnya ada pindaan tersebut di mana ada wakil yang dipilih daripada Senat, saya minta bahawa dengan tidak payah tiap-tiap universiti meminta ataupun mendesak hendaklah kementerian memberikan arahan supaya tiap-tiap universiti mengikut peraturan ini sesuai dengan pindaan ini. Akan tetapi sekiranya tidak ada pindaan saya harap pihak kementerian akan menimbangkan supaya apa yang berlaku di USM itu dapat berlaku di seluruh universiti yang lain. Itu tentang lembaga.

Kemudian tentang Senat, Senat Universiti itu terdiri daripada Naib Canselor, semua timbalan, semua dekan, dan tidak lebih daripada 20 orang profesor yang hendaklah ditentukan oleh Naib Canselor. Sebelum akta semua profesor menjadi ahli Senat dan hanya dibataskan selepas akta. Mungkin salah satu sebabnya ialah kerana bilangan profesor sudah terlalu banyak. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa tiap-tiap anggota senat itu dilantik di kalangan profesor oleh Naib Canselor.

Kalaulah Naib Canselor sudah dipilih oleh Menteri oleh kerana pertimbangan politik, saya bimbang Naib Canselor pula nanti akan lantik dekan atas dasar pertimbangan politik, ini berlaku, ini berlaku. Ini adalah salah satu perkara yang menimbulkan jatuhnya moral di kalangan akademik kerana orang yang mereka harap dan sangka sebagai berkebolehan dan berkelayakan tidak dipilih tetapi yang tidak berkelayakan dipilih sehingga tidak dihormati oleh *peer* mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Naib Canselor hendaklah melantik dekan tadi, dan dekan selalunya mempunyai hak untuk melantik ketua jabatan. Sebelum adanya akta ini ada suara di kalangan pensyarah dalam *department*, dalam jabatan dan juga ada suara di kalangan profesor yang boleh menentukan siapa yang sebaik-baiknya menjadi dekan. Bererti ada amalan demokrasi di mana mereka mengadakan pemilihan untuk menentukan siapa yang harus menjadi dekan atau siapa yang harus menjadi ketua jabatan.

Dengan adanya amalan demokrasi ini kita dapati yang biasanya yang menjadi dekan dan menjadi ketua jabatan itu adalah orang yang dihormati oleh majoriti oleh fakulti ataupun dalam jabatan.

Akan tetapi dalam keadaan di mana dekan dan ketua jabatan itu dipilih dari atas, Naib Canselor pilih dekan dan dekan pilih ketua jabatan yang dipilih itu akhirnya bukannya senior, bukannya berkelayakan dan akhirnya tidak dihormati oleh fakulti dan jabatan.

Jadi ini menimbulkan kejatuhan moral, kejatuhan moral ini dikaitkan pula dengan soal kenaikan pangkat yang tidak menimbangkan soal *research*, soal kertas penyelidikan yang mereka tuliskan, jadi ertinya tidak ada perkiraan akademik yang betul-betul tetapi pertimbangan persahabatan ataupun politik dan sebagainya. Ini menimbulkan suasana yang ini berlaku sekarang ini, suasana yang merendahkan lagi moral dan menjejaskan mutu universiti itu.

Ditambahkan lagi pula bahawa universiti sekarang ini dalam suasana terkongkong atau terkekang kebebasan autonominya, kita dapati akibatnya ialah mutunya turun dan saya hendak sebutkan di sini bahawa bukan soal autonomi sahaja yang menyebabkan kejatuhan mutu itu. Banyak lagi soal-soalnya.

Antaranya sekarang ini ada sifat-sifat tanggungjawab yang kurang di kalangan para guru misalnya, para pensyarah untuk mengajar secara serius untuk menaikkan taraf dan ada juga sikap di kalangan–kalangan pelajar yang kurang mahu mencari ilmu dengan cara yang sebaik-baiknya untuk meningkatkan martabat pelajaran mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.

10.16 mlm.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012. Pindaan ini memang wajar dan bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memberi ruang dan kebebasan kepada rakyat negara ini terutama generasi muda untuk menjadi ahli serta bergiat aktif dalam mana-mana parti politik.

Keputusan untuk menggantikan seksyen 15 dan akta ibu dan seksyen 15 yang baru itu membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang berpegang pada janji apa yang dikatakan dikotakan. Apa yang di janji ditepati dan bukan lain di bibir lain di hati.

Keputusan itu membuktikan Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebuah kerajaan yang telus, berani serta percaya bahawa pelajar-pelajar yang ada di universiti adalah golongan yang cukup matang serta mampu membuat pertimbangan yang rasional. Bukan sekadar menjadi alat kepada segelintir pemimpin yang hanya pandai dan bijak menabur janji dan kata-kata penuh retorik demi untuk mencari matlamat dan cita-cita peribadi.

Kita beratkan dengan kebenaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar universiti negara ini untuk bergiat aktif dalam parti politik di luar kampus. Mereka akan mengambil peluang ini untuk menimba pengalaman dan mempersiapkan diri mereka untuk menjadi masyarakat pada masa depan tanpa sedikit pun mengabaikan serta melupakan tugas dan tanggungjawab mereka yang utama di universiti iaitu belajar dan menuntut ilmu seperti yang diharapkan dan diamanahkan oleh ibu bapa di rumah.

Adalah sungguh malang kiranya pelajar-pelajar universiti telah menyalahgunakan peluang yang diberikan ini dengan bersikap lalai dan lupa terhadap tugas dan tanggungjawab hakiki mereka sebagai pelajar. Sebaliknya hanyut dalam kesibukan berpolitik apatah lagi jika mereka menjadi alat dan diperkudakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan peribadi seperti yang berlaku dalam demonstrasi bersiri BERSIH 3.0 pada 28 April yang lalu serta demonstrasi menuntut penghapusan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebelum ini.

Akan tetapi saya sedih Kerajaan Negeri Kedah semalam mengumumkan bahawa yuran insaniah dinaikkan. Pembabitan dalam kegiatan sedemikian jelas menunjukkan sikap tidak matang atau sikap tidak fikir panjang segelintir pelajar universiti di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan langkah memasukkan seksyen baru 22A yang mengehendaki Ketua Pengarah Pengajian Tinggi untuk menyimpan dan menyegerakan daftar Pendidikan Tinggi Kebangsaan yang mengandungi butir-butir Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 serta program yang dijalankan atau disediakan oleh Institusi Pengajian Tinggi berkenaan.

Langkah ini amat penting dan wajar bukan sahaja untuk membolehkan kerajaan memantau perjalanan dan perkembangan Institusi Pengajian Tinggi terutama IPTS, tetapi juga penting untuk makluman masyarakat terutama lepasan sekolah yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi seperti ibu bapa mereka. Sehubungan itu, saya ingin meminta Menteri Pengajian Tinggi berhubung seksyen 22A(3).

■2220

Rang undang-undang ini yang mensyaratkan supaya fi atau bayaran dikenakan bagi mereka yang mahu memeriksa daftar pengajian tinggi kebangsaan dan membuat salinan serta mengambil cabutan dari daftar itu. Adakah ini bermaksud para pelajar serta ibu bapa mereka dan orang ramai yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS akan dikenakan *charge* atau bayaran sekiranya mereka hendak mencari maklumat mengenai IPTA dan IPTS yang ada di negara ini? Membuat semakan sama ada IPTS yang mengiklankan dan mempromosikan institusi mereka wujud atau tidak, berdaftar atau tidak dan begitu juga adakah pelajar serta orang ramai akan dikenakan *charge* hanya kerana mereka mahu mencari maklumat mengenai apakah kursus-kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS? Di manakah kursus-kursus pilihan mereka ditawarkan serta apakah syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi kursus-kursus berkenaan.

Kita harus ingat bahawa golongan ini iaitu para pelajar dan ibu bapa mereka serta orang ramai yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat *tertiary* bukanlah golongan yang mempunyai kepentingan komersial ketika hendak mengakses kepada maklumat-maklumat terbabit. Jika *charge* dikenakan ketika mereka hendak berbuat demikian, tentulah akan membebankan rakyat dan orang ramai bahkan langkah itu sudah tentu menghalang dan menyekat mereka dari mendapatkan maklumat yang lebih penting lagi. Akan menyekat mereka daripada membuat pemeriksaan balas terhadap kesahihan sesuatu IPT dan kursus pengajian yang ditawarkan sedangkan langkah itu penting untuk memastikan mereka masuk dan belajar di institusi serta kursus yang sah dan berdaftar dengan pihak berkuasa.

Dengan itu ia dapat mengelakkan para pelajar serta orang ramai daripada tertipu dan ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya suka mencadangkan supaya subseksyen berkenaan dikaji semula ataupun digugurkan daripada pindaan yang dicadangkan. Tuan Yang di-Pertua, saya masih keliru dan dalam keadaan yang samar-samar mengenai pendirian sebenarnya kerajaan terhadap status bumiputera Siam ini. Apakah Kementerian Pengajian Tinggi... *[Ketawa]* Menganggap masyarakat Siam ini adalah bumiputera seiring dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan anggota masyarakat Siam di Kedah pada 25 Februari yang lalu yang menyatakan masyarakat Siam adalah bumiputera.

Ketidakjelasan dan ketidakselarasan seperti inilah juga yang menghantui dan berlegar dalam kalangan pegawai dan kakitangan awam di negara kita, menyebabkan masyarakat Siam yang disebut juga oleh mantan-mantan Perdana Menteri sebagai bumiputera. Kehilangan peluang untuk menikmati hak sebagai bumiputera seperti yang dinikmati oleh bumiputera lain di negara ini termasuklah peluang-peluang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi seperti di Universiti Teknologi Mara serta pendidikan pasca sekolah seperti di Kolej Matrikulasi Kementerian Pengajian Tinggi. Akan tetapi saya gembira kerana hari ini saya telah mengajukan surat rayuan dengan gambar sekali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi beliau menyambut baik dan mengatakan bahawa masyarakat Siam dianggap bumiputera oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih... *[Tepuk]*

Pelajar-pelajar keturunan Siam sehingga kini terpaksa bersaing bersama-sama dengan golongan bukan bumiputera, bukan dalam kelompok sesama bumiputera seperti yang sepatutnya. Sehubungan itu saya berharap pihak kerajaan akan memberikan penjelasan serta pendirian yang jelas berhubung dengan status masyarakat Siam di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Menyokong, Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Menyokong. Saya mohon menyokong. Mencadang pula... *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

Seorang Ahli: Tiada.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya, Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

10.24 mlm.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk membahaskan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012. Tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memperkenalkan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 ini bagi membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk membenarkan pembabitan pelajar dalam politik selaras dengan transformasi politik kepimpinan negara.

AUKU telah diperkenalkan sebagai Akta 30 dan dapat perkenan Diraja pada 27 April 1971 serta seterusnya diwartakan pada 29 April 1971. Pindaan AUKU 1971 pernah dipinda lagi pada 1 Februari 2009. Semasa diperkenalkan dahulu, mahasiswa terdedah dengan anasir dan propaganda politik termasuk dari subversif komunis sehingga menyebabkan bukan sahaja pelajaran terabai malah telah melahirkan kumpulan ekstremis yang mampu menggugat keharmonian di kampus. Kumpulan ini juga mempunyai jaringan dengan pertubuhan dan kumpulan militan antarabangsa. Gerakan pelajar yang terlalu idealis telah menggugat kestabilan negara khususnya siri tunjuk perasaan oleh golongan mahasiswa yang radikal.

AUKU diperkenalkan ketika itu bagi mengekang perasaan benci kepada kerajaan yang terus disebabkan dan ditaburkan oleh golongan mahasiswa tertentu yang didalangi dan dipengaruhi oleh parti politik yang terus menyerap dalam pelbagai pertubuhan pelajar dalam kampus. Tuan Yang di-Pertua, golongan mahasiswa terus berpecah kepada golongan pro kerajaan dan anti kerajaan. Amatlah menyedihkan, keadaan ini sebenarnya telah melahirkan golongan mahasiswa yang anti *establishment* di kampus sedangkan kerajaan terus mencurah peruntukan yang banyak untuk membangunkan pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan AUKU ini berdasarkan situasi semasa bagi memastikan kebebasan berpolitik di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kerajaan sebelum ini telah bersetuju untuk mewujudkan sudut pidato sebagai medan mahasiswa untuk bersuara. Sudut pidato ini telah dilaksanakan di institut pengajian tinggi namun sudut ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Kerajaan juga telah memberikan lampu hijau kepada institusi pengajian tinggi untuk menubuhkan dan mewujudkan Parlimen Mahasiswa. Universiti Sains Malaysia (USM) adalah institut pengajian tinggi awam (IPTA) pertama yang mewujudkan Parlimen Mahasiswa. Terdapat 19 buah lagi IPTA juga berminat untuk mewujudkan Parlimen Mahasiswa. Penubuhan Parlimen Mahasiswa adalah satu agenda positif yang menunjukkan mahasiswa sudah diberikan lesen besar mengurus perkara dan isu berkaitan mahasiswa.

Parlimen Mahasiswa juga sewajarnya berfungsi sebagai medan utama membawa suara mahasiswa, melatih kepimpinan, mencambahkan fikiran mahasiswa agar tidak terlalu taksub dan terbelenggu dengan mana-mana pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan pindaan AUKU ini akan menggerakkan semula sudut pidato dan Parlimen Mahasiswa khususnya seksyen 15(1) yang membolehkan pelajar universiti untuk menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan ataupun kumpulan pelajar sama ada di dalam atau di luar Malaysia termasuk mana-mana parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa ramai juga di kalangan pelajar universiti yang berusia melebihi 21 tahun dan mempunyai hak bukan sahaja untuk mengundi di dalam pilihan raya tetapi juga memilih parti pilihannya. Dalam hubungan ini, kebebasan pelajar ataupun mahasiswa ini wajar ada batasnya.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Masa kita sekarang menunjukkan tepat pukul 10.30 malam. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan syabas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berada di Dewan ini seramai 25 orang. Syabas ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 10 Mei 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.